

"TIDAK ada nikmat yang paling bermakna dari nikmat keamanan dan kesejahteraan, terutama keamanan dan kesejahteraan dalam jiwa raga. Di sana tentulah ramai orang yang menginginya, tetapi belum tentu semudah itu orang dapat memperolehnya." - Titah di Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1423 Hijrah/2002 Masihi.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"WAHA! orang-orang yang beriman! Apabila kamu bertemu dengan suatu pasukan musuh maka hendaklah kamu tetap teguh menghadapinya dan sebutlah serta ingallah Allah; dengan berdoa banyak-banyak supaya kamu berjaya mencapai kemenangan." - Surah Al-Anfal ayat 45.

TAHUN 48 BILANGAN 23

RABU 4 JUN 2003/1424

رابع 4 ربيع الآخر

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

Akta Suratkhbar Tempatan dan Akta Penyiaran diwujudkan GARIS PANDU HAL-EHWAL PERCETAKAN, INTERNET

GADONG, 26 Mei. - Akta Suratkhbar-suratkhbar Tempatan dan Akta Penyiaran diwujudkan bagi memberikan garis panduan dalam hal-ehwal percetakan dan penggunaan internet di negara ini.

Akta tersebut ialah Akta Suratkhbar-suratkhbar Tempatan, yang berperanan mengawal pendaftaran surat khbar tempatan dan juga mengawal percetakan penerbitan dan pengeluaran surat-surat khbar tempatan.

Akta ini juga termasuk mengawal berita palsu, jika ada sebarang terbitan berita palsu dengan niat jahat, pencetak, penerbit, penyunting dan penulis boleh dikenakan satu denda yang tidak melebihi \$40,000.00 dan denda penjara selama satu tempoh yang tidak melebihi dari tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Perkara itu ditekankan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Abdul Hamid bin Pengiran Haji Mohd. Yassin di Majlis Perasmian Bengkel Penulisan Karya-karya Umum Untuk Akhbar dan Majalah berlangsung di Universiti Brunei Darussalam (UBD) di sini.

Menurut beliau, akta ini tidak berhasrat untuk mengawal kemasukan mana-mana surat khbar tetapi untuk memastikan bahawa berita-berita yang diterbitkan dan disebarkan kepada rakyat dan penduduk di negara ini adalah benar sah.

"Akta kedua ialah Akta Penyiaran atau Broadcasting Act yang diperkenalkan pada

Oleh
Haji Ahmad HS

tahun 1997. Akta ini mengawal operasi dan pendaftaran perkhidmatan-perkhidmatan penyiaran dan peralatan-peralatan dan sebarang perkara lain yang bersangkutan dengannya," ujarnya.

Akta tersebut menetapkan bahawa bagi kesalahan-kesalahan yang berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan penyiaran yang dilenkan boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun, denda tidak melebihi \$200,000.00 atau kedua-duanya sekali.

Bengkel dua hari disertai seramai 45 orang penulis yang mewakili jabatan-jabatan kerajaan, pelajar-pelajar UBD dan orang persendirian dengan tujuan antaranya memberikan pengetahuan dan kemahiran untuk me-

ngesan dan menganalisis unsur-unsur positif dan negatif dalam karya-karya akhbar dan majalah.

Sepanjang bengkel, para peserta telah mendengar beberapa tajuk yang dibentangkan oleh pembengkel daripada para pegawai kerajaan dan penerbit UBD serta penulis tempatan.

Sebanyak enam kertas kerja dibentangkan dalam bengkel iaitu Imaginasi dan Keteraturan Fikiran Dalam Penulisan, Teknik-teknik Penilaian dan Menyunting Karya-karya Umum Untuk Akhbar dan Majalah, Teknik Penulisan Karya Bersifat Serang Balas Ke Atas Karya-karya Bernilai Palsu dan Probakatif, Teknik Menulis Karya Yang Bersifat Kritis, Logik dan Efektif, Karya Umum: Penulisan Dalam Akhbar dan Analisis Isi Kandungan Kolum Lidah Penangaran Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan meneliti peralatan penyajian makanan di Royal Brunei Catering (RBC).

Lawatan ke RBA beri tumpuan keselamatan, perkhidmatan

Oleh
Abd. Karim HAB
dan Abdullah Asgar

BERAKAS, 3 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berangkat melawat Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) dan kemudian beredat ke kawasan pemeriksaan bagasi dan kaunter pendaftaran penumpang bagi mengetahui prosedur di bahagian-bahagian berkenaan, di samping melawat bilik-bilik orang-orang kenamaan, pejabat-pejabat syarikat penerbangan beroperasi di negara ini seperti Syarikat Penerbangan Malaysia dan Syarikat Penerbangan Singapura.

Sebaik tiba di terminal lapangan terbang berkenaan,

baginda terlebih dahulu mengunjungi pejabat syarikat berkenaan dan kemudian beredat ke kawasan pemeriksaan bagasi dan kaunter pendaftaran penumpang bagi mengetahui prosedur di bahagian-bahagian berkenaan, di samping melawat bilik-bilik orang-orang kenamaan, pejabat-pejabat syarikat penerbangan beroperasi di negara ini seperti Syarikat Penerbangan Malaysia dan Syarikat Penerbangan Singapura.

Semasa di ruang berkenaan, baginda memberi perhatian berat terhadap aspek keselamatan dengan baginda mencuba sendiri keberkesanan setiap peralatan yang digunakan.

Kemudian baginda beredat ke tingkat bawah terminal berkenaan dengan mengunjungi 'Movement Control Centre' (MCC) dan 'Load Control Office' yang berperanan menyediakan dokumen penerbangan pesawat dan proses penyusunan kargo bagi setiap pesawat sebelum berlepas, di samping bilik-bilik pendokumentasian, kaunter pindah penerbangan, kedai bebas cukai dan kaunter imigresen.

Sabda Duli Yang Teramat Mulia lagi, dengan kemudahan-kemudahan prasarana dan peralatan yang ada sekarang, ITB perlu meneroka lebih jauh lagi dalam mengembangkan kursus-kursus yang ada melalui kerjasama erat dengan pelbagai agensi swasta tanpa bergantung kepada kerajaan.

"Penglibatan kepakaran tempatan harus dialu-alukan kerana ianya akan lebih memberi manfaat dalam konteks Negara Brunei Darussalam, di mana kepakaran setempat jika digandingkan dengan kepakaran konsultant luar, setentunya akan membawa dimensi dari segi 'relevance' kepada projek-projek pembangunan tersebut," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Justeru tahap potensi kepakaran tempatan yang sedemikian, adalah tertakluk kepada kemampuan institusi-institusi negara dalam menyediakan bi-

rikat penerbangan beroperasi di negara ini seperti Syarikat Penerbangan Malaysia dan Syarikat Penerbangan Singapura.

Baginda juga meluangkan masa meninjau Bahagian Pengurusan Lapangan Terbang, Jabatan Penerbangan Awam, Pejabat Pengendalian Penumpang dan 'Book On-Line' sebelum berangkat beredat ke dewan berlepas yang menempatkan ruang menunggu bagi para penumpang, RBA First Class Lounge, Darussalam Lounge, Coffee Garden dan kedai-kedai bebas cukai.

Semasa di ruang berkenaan, baginda memberi perhatian berat terhadap aspek keselamatan dengan baginda mencuba sendiri keberkesanan setiap peralatan yang digunakan.

Kemudian baginda beredat ke tingkat bawah terminal berkenaan dengan mengunjungi 'Movement Control Centre' (MCC) dan 'Load Control Office' yang berperanan menyediakan dokumen penerbangan pesawat dan proses penyusunan kargo bagi setiap pesawat sebelum berlepas, di samping bilik-bilik pendokumentasian, kaunter pindah penerbangan, kedai bebas cukai dan kaunter imigresen.

Sepanjang lawatan itu di samping meninjau kemudahan yang disediakan, baginda juga memastikan setiap kemudahan termasuk kenderaan pengangkut bagasi yang ada di bahagian-bahagian itu berfungsi dengan baik demi kelancaran setiap operasi penerbangan.

ITB dan UBD sumber input kepakaran

BERAKAS, 29 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersabda, institusi peng-

ajian tinggi negara seperti Institut Teknologi Brunei (ITB) dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) bukanlah semata-mata dilihat sebagai agensi pengeluaran tenaga manusia yang berkelulusan tinggi, malah kedua-dua institusi itu hendaklah dilihat sebagai sumber input kepakaran kepada inisiatif-inisiatif pembangunan di mana bersesuaian.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda demikian di Majlis Konvokesyen Ke-12 ITB di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

TAHUKAH AWDA

MAJLIS Teknologi Maklumat Kebangsaan (BIT Council) Negara Brunei Darussalam ditubuhkan dalam bulan Oktober 2000 dengan matlamat utama bagi membolehkan penggunaan teknologi maklumat secara maksima untuk kemajuan negara dengan menerapkan tiga strategi teras dalam Rangka Kerja Strategik Teknologi Maklumat Kebangsaan iaitu (i) Sektor awam bergerak ke arah elektronik (E-Kerajaan); (ii) Sektor swasta bergerak ke arah perniagaan elektronik (E-Perniagaan); dan (iii) Nasional bergerak ke arah masyarakat tanpa kertas (E-Brunei). - Sumber: www.bit.gov.bn.

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Industri Takaful Terus Berkembang - Muka 2

Warga perkhidmatan awam perlu amalkan etika kerja cemerlang

- Muka 3

Industri perfileman diseru hentikan promosi produk tembakau

- Muka 4

Melirik Masa Silam

Impak Perubahan Sosial Melesap Tradisi dan Budaya - Muka 6

Konvokesyen Ke-12 Institut Teknologi Brunei (ITB)

- Muka 8 & 9

Sesi Ke-30 Persidangan Menteri-menteri Luar OIC

- Muka 10 & 11

Islam memuliakan bangsa yang berilmu

- Muka 12

Memperkasakan belia lepasan sekolah

- Muka 5 ANEKA

Tujuh golongan dinaungi Allah

- Muka 7 ANEKA

KONTAK PELITA BRUNEI
http://www.brunet.bn/news/pelita/
pelita1.htm e-mel: pelita@brunet.bn
TALIAN PENTING PELITA BRUNEI
2383941 / 2383804 / 2382192
Faks : 2381004 / 2380507

HALUAN...

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Was-salatu Wassalamu Ala Asyrafil Anbiya Wal Mursalin Sayidina Muhammadin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'een.

Mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik mewakili Ahli-ahli Lembaga Pengarah, pegawai-pegawai dan seluruh kakitangan Takaful IBB Berhad, dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas kurnia perkenan Kebawah Duli Tuan Patik berangkat bercemar duli ke Majlis Perasmian Dar Takaful Utama dan Dar Takaful 2 IBB Berhad pada pagi ini.

Keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ini lebih bermakna dan signifikan lagi kerana bertepatan dengan ulang tahun ke-10 penubuhan Takaful IBB Berhad.

Keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik juga tidak syak lagi mencerminkan dengan jelasnya komitmen Kebawah Duli Tuan Patik terhadap perkembangan muamalah Islam dan perlindungan dan insentif kepada abis hamba Duli Tuan Patik semua untuk berkhidmat dengan lebih bersungguh-sungguh dan dedikasi lagi.

Kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan kebijaksanaan dan pandangan jauh Kebawah Duli Tuan Patik jua perlindungan Takaful menurut prinsip muamalah Islam telah pun dapat diasaskan dan mula diperkembangkan di negara ini 10 tahun yang lalu dengan tertubuhnya Takaful IBB Berhad, sungguhpun pada waktu itu hanya mampu untuk menawarkan perlindungan bagi kenderaan bermotor dan perumahan sahaja.

Sekarang industri takaful telah pun berkembang dengan wujudnya tiga buah syarikat takaful yang berjaya memberikan perkhidmatan yang kompetitif sebanding dengan syarikat-syarikat insurans secara konvensional.

Malah syarikat-syarikat takaful di negara ini telah berjaya mengenalkan pel-



UCAPAN Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apeng selaku Pengerusi Takaful IBB Berhad sempena Majlis Perasmian Dar Takaful IBB Utama dan Dar Takaful IBB 2 pada hari Isnin, 3 Rabiulawal 1424/5 Mei 2003.

bagai produk dan terus aktif berusaha mengembangkannya lagi melalui produk-produk yang inovatif sesuai dengan keperluan semasa.

Menerusi strategi ini, industri takaful sehingga masa ini telah dapat menguasai kira-kira 26.57 peratus dari pasaran perlindungan insurans di negara ini. Dalam hubungan ini, alhamdulillah, Takaful IBB Berhad menguasai 16.10 peratus dari pasaran itu.

Abis hamba Duli Tuan Patik percaya bahawa industri takaful akan terus dapat berkembang di masa akan datang. Berdasarkan prinsip muamalah At-Tabarru' (saling bantu-membantu) dan Al-

INDUSTRI TAKAFUL TERUS BERKEMBANG

penyertaan orang ramai pada masa ini ialah 50,335 orang.

Sempena Ulang Tahun Ke-10 Penubuhan Takaful IBB Berhad ini, hamba Duli Tuan Patik sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua peserta Pelan Takaful IBB Berhad atas sokongan dan kepercayaan mereka dengan tekad Takaful IBB Berhad akan terus memberikan perkhidmatannya yang terbaik kepada biskita.

Sehingga hari ini Takaful IBB Berhad telah dapat menawarkan 21 jenis produk, iaitu 11 dalam Takaful Am, enam Takaful Keluarga dan empat produk baru. Insya-Allah pada pagi ini satu produk terbaru iaitu Pelan Takaful Tarbiyah iaitu perancangan untuk membiayai pelajaran anak-anak akan disempurnakan pelancarannya.

Takaful IBB Berhad, dengan izin Allah Subhanahu Wataala akan terus mengorak langkah untuk meningkatkan perkhidmatannya kepada orang ramai. Selaras dengan ini, pada 13 Mac yang lalu Takaful IBB Berhad telah membuka cawangan barunya iaitu cawangan dan kaunter ke-11 di Kawasan Perniagaan Delima, Jalan Muara yang beroperasi hingga jam 9.00 malam setiap hari bekerja.

Disembahkan bahawa bangunan Dar Takaful Utama dan Dar Takaful 2 telah dibina pada 29 Muharam 1418 bersamaan 5 Jun 1997 dan telah selesai pembinaannya pada 31 Januari 2003.

Bangunan Dar Takaful Utama mempunyai kemudahan-kemudahan ruang pejabat bagi Takaful di tingkat bawah, 2, 7 dan 8 dengan Dewan Takaful di Tingkat 9, sementara tingkat 3 hingga 6 adalah ruang-ruang untuk disewakan.

Bangunan Dar Takaful 2 pula menempatkan kemudahan-lapan apartmen biasa, dua apartmen deluxe eksekutif, kemudahan-kemudahan riadah seperti badminton, squash,

gimnasium, kolam renang yang berasingan bagi lelaki dan perempuan, letak kereta bagi 183 buah, restoran, medan makan (food court) serta ruang kedai.

Sebelum mengakhiri sembah alu-aluan ini, hamba Duli Tuan Patik menjunjung kurnia perkenan Kebawah Duli Tuan Patik untuk menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan paduka anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Paduka adinda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuan Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, paduka-paduka anakanda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen; keberangkatan Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria; kehadiran Yang Berhormat menteri-menteri kabinet, ahli-ahli mesyuarat dan dif-dif kehormat dan jempunan sekalian.

Hamba Duli Tuan Patik juga sukacita merekodkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensi serta semua ahli-ahli jawatan-kuasa yang memberikan kerjasama dan sumbangan mereka bagi melaksanakan majlis ini.

Sekian sahaja yang dapat hamba Duli Tuan Patik sembahkan. Hamba Duli Tuan Patik menjunjung ampun sekiranya terdapat kekhilafan yang tidak disengajakan atau suruk langkah dalam menyembahkan sembah ucapan hamba Duli Tuan Patik tadi.

Sekian, Wabillahi Tawfik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



4 JUN 2003 BERSAMAAN 1424

4 ربيع الآخر

SAHIH DAN BUKAN PALSU

NEGARA Brunei Darussalam seperti juga negara-negara lain telah sedia ada mempunyai undang-undang dan peraturan-peraturan bagi memberikan garis pandu dalam hal-ehwal percetakan dan penggunaan internet. Akta Suratkhbar-Suratkhbar Tempatan dan Akta Penyiaran diwujudkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semata-mata bertujuan bagi memastikan berita-berita yang dimasukkan atau diterbitkan di negara ini adalah sahih dan bukannya palsu serta mengelirukan rakyat dan penduduk negara ini.

Sehubungan dengan itu, para penulis dan wartawan media cetak dan elektronik di negara ini dikehendaki untuk menghasilkan berita-berita dan penulisan berasaskan fakta-fakta yang betul dan sahih dan bukannya dibuat-buat, direka-reka sesuka hati atau berasaskan sumber yang diragui atau dari cakap-cakap saja. Tegasnya dalam menghasilkan penulisan dan berita yang baik semestinya pengamal media perlu bertanggungjawab dengan menyogokkan berita-berita yang sahih dan bukannya palsu dan tidak benar serta tidak berasas sama sekali. Perkara ini amat mustahak dan perlu dijaga bagi menjamin kredibiliti media di mana maklumat itu disalurkan.

Akta Suratkhbar-Suratkhbar Tempatan, selain daripada mengawal pendaftaran surat khabar tempatan juga mengawal percetakan, penerbitan dan pengeluaran surat-surat khabar tempatan. Sebelum diterbitkan atau dijual di negara ini, semua surat-surat khabar termasuk majalah-majalah hendaklah mendapatkan permit terlebih dahulu. Akta ini juga memperuntukkan bagi pengawalan berita palsu. Jika ada di dalam sebarang terbitan berkenaan sebarang berita palsu dengan niat jahat, pencetak, penerbit, penyunting dan penulisnya boleh dikenakan denda yang tidak melebihi \$40,000.00, dihukum penjara selama satu tempoh yang tidak melebihi dari tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Bagi maksud-maksud kesalahan ini, niat jahat hendaklah dianggap disebabkan tiada bukti yang menunjukkan bahawa, sebelum penerbitan, siapa yang tertuduh itu telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mengesahkan kesahihan berita tersebut.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Abdul Hamid bin Pengiran Haji Mohd. Yassin menimbulkan perkara itu baru-baru ini semasa merasmikan Bengkel Penulisan Karya-karya Umum Untuk Akhbar dan Majalah, menegaskan bahawa akta berkenaan tidak berhasrat untuk mengawal kemasukan atau penerbitan mana-mana surat khabar tetapi lebih jelas untuk memastikan agar berita-berita yang dibawa masuk atau diterbitkan di bumi Brunei dan disebarkan kepada rakyat dan penduduk adalah berita-berita yang telah disunting dan telah diteliti kesahihannya secara bertanggungjawab oleh mana-mana surat khabar atau majalah yang beroperasi di negara ini.

Sebagai bukti, telah banyak wartawan dan penulis serta badan-badan penyiaran dari luar negara yang telah membuat dan merakamkan penggambaran di Negara Brunei Darussalam. Sebelum membuat penggambaran mereka terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis dari Jabatan Perdana Menteri, di samping sentiasa mematuhi arahan protokol dan arahan pihak-pihak yang berkuasa. Selain itu para wartawan yang berhasrat membuat liputan di negara ini juga perlu berpakaian kemas terutama sekali bagi liputan acara-acara yang beradab istiadat dan kenegaraan.

Sementara Akta Penyiaran atau 'Broadcasting Act' yang telah diperkenalkan pada tahun 1997 bertujuan bagi mengawal operasi dan pendaftaran perkhidmatan-perkhidmatan penyiaran dan peralatan-peralatannya dan sebarang perkara lain yang bersangkut-paut dengannya. Akta ini mencakup semua hal-ehwal penyiaran seperti televisyen, internet, radio, telefon bimbit dengan teknologi seperti GPRS dan juga paparan-paparan pengiklanan yang semakin canggih.

Perhatian harus diberikan oleh wartawan atau penulis kepada akta ini khususnya di dalam menyebarkan maklumat-maklumat atau penulisan-penulisan melalui media penyiaran. Akta ini telah menetapkan bahawa bagi kesalahan-kesalahan yang berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan penyiaran yang dilesenkan boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun, denda tidak melebihi \$200,000.00 atau kedua-duanya sekali.

Apa yang diharapkan kepada pihak-pihak berkenaan supaya akan sentiasa mengambil perhatian terhadap kehendak kedua-dua akta tersebut demi untuk sama-sama menjaga kepentingan mereka sendiri dan keteraturan media mereka yang disalurkan di Negara Brunei Darussalam. Bagi penulis tempatan apa yang diharapkan mereka akan menggunakan ketajaman pena mereka untuk menangkis dan memunahkan sebarang usaha orang-orang yang berniat jahat kepada negara kita yang sering mengembargemburkan perkara yang tidak benar mengenai pemimpin dan negara yang sama-sama kita cintai ini. Tegasnya kita tidak perlu takut-ikut dengan stail penulisan Barat. Menulislah dengan penuh bertanggungjawab tetapi yang penting sahih dan benar demi pembangunan dan perpaduan bangsa.

MENERUSI strategi ini, industri takaful sehingga masa ini telah dapat menguasai kira-kira 26.57 peratus dari pasaran perlindungan insurans di negara ini. Dalam hubungan ini, alhamdulillah, Takaful IBB Berhad menguasai 16.10 peratus dari pasaran itu.

Jepun rakan serantau yang penting

BERAKAS, 28 Mei. - Jepun sentiasa menjadi rakan serantau yang penting dan sahabat ASEAN di mana hubungan rapat Negara Brunei Darussalam dan Jepun merangkumi hampir semua spektrum.

Negara Brunei Darussalam telah bekerjasama dalam bidang politik, ekonomi dan lain-lain dan negara menghargai minat yang kukuh dan berterusan Jepun dan ASEAN.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bersabda demikian di Majlis Resepsi Sempena Tahun Pertukaran ASEAN-Jepun 2003.

Majlis tersebut diberikan oleh Yang Teramat Mulia dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz yang berlangsung di

Oleh
Aliddin HM

Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Yang Teramat Mulia bersabda menekankan penandatanganan Deklarasi Bersama rakan kongsi ekonomi komprehensif para pemimpin ASEAN dan Jepun semasa Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun di Phnom Penh tahun lepas menunjukkan kesediaan kedua-dua pihak untuk bekerjasama lebih rapat bagi meluaskan lagi perdagangan dan pertumbuhan ekonomi di rantau Asia Timur.

Yang Teramat Mulia menambah sabda, hubungan kerjasama yang kukuh ASEAN dan Jepun boleh mengekalkan keamanan, kestabilan dan kesejahteraan serantau daripada ancaman keganasan

dan isu rentas negara yang lain seperti alam sekitar dan kesihatan.

Pertukaran ASEAN-Jepun 2003 merupakan salah satu inisiatif Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang

Terutama Junichiro Koizumi yang diumumkan di Republik Singapura pada bulan Januari tahun lepas, bertujuan bagi mengukuhkan kerjasama ASEAN-Jepun yang ber-

asaskan kepada konsep 'Bertindak Bersama Maju Bersama'.

Juga hadir di majlis itu Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berbual mesra bersama Duta Besar Jepun ke negara ini, Tuan Yang Terutama Hera Satoshi di Majlis Resepsi Sempena Tahun Pertukaran ASEAN-Jepun 2003. - Gambar oleh Halim HS.

Warga p'khidmatan awam perlu amalkan etika kerja cemerlang

BERAKAS, 23 Mei. - Sebagai warga perkhidmatan awam perlulah menanamkan sifat-sifat luhur dengan mengamalkan etika kerja yang tinggi dan sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan dengan memberikan perkhidmatan kepada orang ramai dan sektor swasta di negara ini.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair berkata demikian di Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1424 Hijrah/2003 Masihi bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Dato Paduka menjelaskan, pada hakikatnya dan secara penuh tanggungjawab kita sebagai anggota perkhidmatan awam perlu menerima kenyataan bahawa masih banyak terdapat ruang-ruang yang memerlukan perbaikan di dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai dan sektor swasta di negara ini.

Dato Paduka menambak, ruang-ruang perbaikan dan peningkatan itu dapat kita lihat dari tiga bidang yang tertentu iaitu dari skop struktur organisasi, pengurusan organisasi dan tenaga manusia di dalam organisasi.

"Kita perlu meningkatkan keberkesanan organisasi dengan memastikan struktur yang terdapat di dalamnya adalah menepati dengan ruang dan bidang tugas yang akan dilaksanakan serta hasil yang ingin dicapai oleh organisasi berkenaan," katanya.

Dalam waktu yang sama tambahnya, penilaian dan perubahan ke atas cara

Oleh
Aliddin HM

pengurusan adalah sangat perlu bagi memastikan kecekapan, keberkesanan, mewujudkan suasana kerja yang kondusif, menyediakan perancangan-perancangan yang padu dan strategik, peningkatan produktiviti, mengoptimalkan penggunaan sumber dan memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada pelanggan-pelanggan dan yang penting juga diberikan perhatian ialah mensejajarkan misi, visi dan matlamat pengurusan kepada matlamat dan visi besar negara, dengan memastikan sesebuah organisasi mendukung dan menyokong matlamat dan visi berkenaan baik secara langsung ataupun tidak langsung.

Sementara di peringkat individu katanya, setiap anggota di dalam sesebuah organisasi perlu mempunyai azam ke arah mempertingkatkan komitmen, disiplin diri dan etika kerja, mematuhi peraturan-peraturan kerja, meningkatkan kemahiran dan produktiviti diri, meningkatkan kefahaman prosedur kerja dan yang berkaitan dengannya, mengutamakan kerja daripada keperluan atau urusan peribadi, patuh dan hormat kepada ketua dan saling hormat-menghormati di antara satu dengan lain.

Bagi mendorong anggota perkhidmatan awam untuk maju bergerak kepada perkembangan dan kemajuan yang positif, Dato Paduka menyeru kita perlu berpegang dan berpegangan kepada kaedah-kaedah yang sudah disediakan seperti Wawasan Perkhidmatan Awam Abad 21, Etika Kerja Perkhidmatan



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Awam, peraturan-peraturan melalui General Order dan Surat-surat Keliling Jabatan Perdana Menteri.

Dato Paduka juga menekankan, kita perlu meningkatkan mutu dan produktiviti kerja melalui muhasabah diri bagi kebaikan dan peningkatan mutu perkhidmatan yang diberikan dengan bertanyakan kepada diri kita apakah usaha-usaha kita ke arah mengatasi kealahan-kealahan orang ramai dan sektor swasta mengenai kelambatan, kurang profesionalisme, perlaksanaan TPOR yang kurang berkesan, perkhidmatan kaunter yang tidak memuaskan, pegawai dan kakitangan yang susah untuk dihubungi atau tidak ada di pejabat dan kurang penyelarasan di kalangan agensi-agensi di dalam perkhidmatan awam.

"Kita perlu membuat penilaian diri sama ada waktu bekerja lebih banyak ditumpukan kepada urusan-urusan pejabat dan pemberian perkhidmatan kepada pelanggan yang terdiri dari orang ramai dan sektor swasta atau lebih banyak

digunakan keluar masuk pejabat atau urusan peribadi dan keluar minum di luar pejabat dan bersembang," ujarnya.

Dato Paduka menekankan, kita semua mempunyai kesedaran dan sama bangun bergerak ke arah satu matlamat untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang untuk mewujudkan perkhidmatan awam yang cemerlang dan berwibawa di negara ini.

Sepertimana yang kita maklum permintaan perkhidmatan kerajaan dari para pelanggan terdiri daripada orang ramai dan agensi-agensi adalah semakin sofistikated, di samping mempunyai ekspektasi yang tinggi. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah serius dalam usahanya untuk memastikan kelicikan di dalam jentera pentadbiran mewujudkan perkhidmatan yang lebih 'customer-focused' dan 'customer-friendly'.

Lihat muka 4

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan Surat Pembaca ini sama ada berupa masalah, kemusykilan, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama
Berakas BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Awda boleh juga mengirimbanya melalui faks 2381004 atau e-mel: Pelita@brunei.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 2383804 atau 2383941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

PENCALONAN JAWATAN PENGHULU MUKIM DAN KETUA KAMPUNG SENGHAJA DILAMBAT-LAMBATKAN

KEKOSONGAN jawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung senghaja dilambat-lambatkan pencalonan baru walaupun kekosongan itu sudah lama kerana memberi peluang kepada penghulu mukim dan ketua kampung yang sudah bersara memangku jawatan itu segera diambil perhatian oleh jabatan yang berkenaan supaya penghulu mukim dan ketua kampung yang baru dapat diambil dari anak-anak kampung yang berkenaan. Penghulu mukim hendaklah dari ketua kampung di mukim berkenaan untuk menjawat kekosongan penghulu mukim berkenaan.

Ketua kampung yang terpilih menjadi penghulu mukim penggantinya hendaklah dicari calon baru di kampung yang berkenaan yang mana kita percaya ada calon yang akan ikut serta dalam pencalonan seperti mana di daerah-daerah lain. Setiap kekosongan penghulu mukim dan ketua kampung sepatutnya tidak mengambil masa bertahun-tahun seperti di Daerah Tutong yang senghaja dilambat-lambatkan.

Begitu juga penghulu mukim dan ketua kampung yang sudah menjangkau usia lebih 65 tahun masih lagi menjalankan tugas. Sepatutnya seorang penghulu mukim dan ketua kampung yang sudah menjangkau usia lebih 65 tahun, hendaklah bersara mengikut yang semestinya.

Anak Dagang,
Pekan Tutong.



Pengusaha unsur penting wujudkan ekonomi berdaya saing

JERUDONG, 24 Mei. - Negara Brunei Darussalam menyifatkan pengusaha sebagai unsur penting dalam mewujudkan ekonomi yang berdaya saing, di samping berperanan dalam mengembangkan ekonomi dan kemakmuran yang berterusan.

Semenjak tahun 90-an, negara-negara serantau cuba menyelesaikan masalah cabaran kompleks dan ketika cuba pulih dari krisis kewangan, kita sekarang sedang menghadapi cabaran akibat dari virus pembawa maut SARS dan peristiwa peperangan Iraq, yang mana cabaran tersebut membawa kesan bukan sahaja kepada bidang perniagaan, malahan kepada masyarakat kita dan kerajaan sedang berusaha menerokai jalan untuk membantu masyarakat usahawan dengan memberikan

Oleh
Siti Aishah HS

dorongan semangat serta mampu bersaing dalam ekonomi domestik dan pasaran global.

Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman menyatakan demikian di Seminar Keusahawanan Di Negara Brunei Darussalam berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, Empire Hotel and Country Club.

Beliau juga menambah, syarikat-syarikat kita tidak mencukupi untuk melahirkan kecakapan dengan hanya bersandarkan produk yang berkualiti, tetapi perlu inovatif dan kreatif untuk mengekalkan

perkongsian dalam pasaran domestik bahkan mampu menembusi pasaran seberang laut.

Untuk itu, usahawan tempatan perlu mahir yang merupakan faktor bagi pengeluaran asasi yang sangat penting untuk mencapai pertumbuhan ekonomi dan mempelbagaikan ekonomi kita serta menggerakkan pengusaha agar mengambil kesempatan untuk mencapai sasaran dalam menyumbang hasil kerja, pembangunan sosial, keharmonian dan kestabilan.

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah mengenal pasti kepelbagaian semula jadi untuk membangun usahawan dan mengambil langkah untuk proses seterusnya, manakala kita sekarang memudahkan organisasi kita dengan

berkesan serta efisien untuk menunaikan tanggungjawab ke atas pembangunan pengusaha dan usahawan.

Sehubungan itu, kita telah menyediakan arah tuju untuk membangun perusahaan kecil dan sederhana (SME) untuk ahli yang berkebolehan dalam ekonomi domestik dan mencari keuntungan dalam arena antarabangsa.

Manakala Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan perbelanjaan sebanyak \$23 juta di bawah Pelan Pembangunan Kebangsaan Ke-8 bagi program yang dibentuk untuk promosi dan pembangunan SME.

Seminar itu, antara lain

bertujuan untuk menawarkan kepada penduduk tempatan akan kesempatan yang bernilai dengan mendengar ceramah mengenai pengalaman orang-orang Jepun dalam bidang pembangunan keusahawanan dan menggalakkan mereka untuk menerokai bidang tersebut.

Ceramah disampaikan oleh Komori Masahiko, Analisa Penyelidikan Kanan dari Institut Penyelidikan Ekonomi Jepun, Bank Pembangunan Jepun dan Kono Ryoji, Penyelidik Asia dari Pusat Penyelidikan Pasifik, Universiti Waseda, Tokyo, Jepun.

Hadir di seminar tersebut pegawai-pegawai kanan kerajaan, ahli perniagaan, penuntut-penuntut sekolah dan orang perseorangan.

INDUSTRI PERFILEMAN DI SERU HENTIKAN PROMOSI PRODUK TEMBAKAU

BANDAR SERI BEGAWAN, 31 Mei. - Pada tahun ini, tema Hari Tanpa Tembakau Sedunia ialah Filem Bebas Tembakau : Fesyen Bebas Tembakau - Tindakan! (Tobacco Free Film : Tobacco Free Fashion - Action!). Tema ini dipilih oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam usaha untuk menyeru industri hiburan terutamanya industri perfileman dan fesyen supaya menghentikan promosi suatu produk khususnya tembakau.

Setiap saat tembakau boleh mengakibatkan kematian kepada perokok yang tetap. Syarikat pengeluar tembakau menggunakan strategi pemasaran yang berkisar kepada ketrampilan dan imej, bagi menarik dan mempengaruhi orang awam kepada penggunaan rokok. Tarikan ini menumpukan kepada imej seseorang. Dengan potensi yang besar untuk mempengaruhi orang awam terutamanya remaja dan golongan muda, industri perfileman dan fesyen adalah diibaratkan sebagai 'tanah yang subur' bagi industri tembakau dalam menjalankan taktik pemasaran mereka.

Sama ada dilayar perak atau di kaca televisyen, bintang filem/artis bagi golongan muda adalah dianggap sebagai wira zamannya. Cara bintang filem/artis bercakap, berpakaian, apa yang mereka makan/minum semasa di layar lakonan atau di luar, banyak mempengaruhi perlakuan dan pemilihan terutamanya di kalangan golongan muda.

Dengan menyaksikan adegan-adegan bintang filem dengan imej dan gaya penampilan mereka, ditambah lagi dengan merokok di layar lakonan, mudah mempengaruhi golongan muda yang akhirnya berkemungkinan besar menjadikan mereka perokok. Hakikat ini amat difahami oleh syarikat-syarikat tembakau dan di sinilah kesempatan yang mereka ambil untuk menarik lebih ramai perokok.

Setiap mereka yang terlibat di dalam industri fesyen, tegas Yang Berhormat, perlu menyedari akan tanggungjawab mereka menjadikan peraga-peraga fesyen sebagai 'role model' dan pengaruh mereka terhadap golongan wanita dan juga golongan muda. Mereka patut menghentikan promosi produk tembakau sama ada di lensa kamera atau di luar rumah.

Setiap tahun, tabiat merokok di kalangan golongan muda semakin meningkat walaupun merokok adalah diketahui sebagai satu tabiat ketagihan yang boleh mengakibatkan kematian. Bebanan terhadap kesihatan yang disebabkan oleh tabiat merokok adalah tinggi.

Bersempena Hari Tanpa Tembakau Sedunia, Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengajak kita supaya bersama-sama menguatkan lagi azam dan usaha ke arah mengelakkan diri dari terpengaruh dengan penggunaan tembakau yang boleh mengakibatkan penyakit dan kematian.

Belia-belia negara ini harus ikuti program persahabatan di bidang pendidikan

Oleh
Siti Aishah HS

BERAKAS, 21 Mei. - Dalam bidang pendidikan, belia-belia negara ini harus

ikut serta dalam program persahabatan yang di-

kendalikan dan ditaja oleh Kerajaan Jepun antaranya ialah Konvensyen Kanak-kanak Asia Pasifik di Fukuoka yang melibatkan murid-murid sekolah, untuk penghargaan generasi bagi kebudayaan negara dan serantau serta keprihatinan terhadap keamanan dunia melalui generasi muda.

Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menyatakan demikian di Majlis Pembukaan Rasmi Persembahan Gendang Jepun di Hotel Orchid Garden di sini.

Dato Paduka menambah, sejak tertubuhnya hubungan diplomatik pada tahun 1984, pertukaran lawatan antara para pemimpin kedua-dua buah negara mempunyai hasrat yang kuat untuk berusaha bagi mengeratkan perhubungan dan perdagangan yang mendatangkan manfaat bersama.

Justeru sebilangan warga tempatan antaranya para penuntut dan pegawai kerajaan diberikan latihan oleh institusi-institusi pendidikan Jepun dengan pelbagai program melalui biasiswa Mons-busho dan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun.

Sementara itu, persembahan Gendang Jepun tersebut adalah salah satu aktiviti yang dikendalikan oleh Kedutaan Besar Jepun melalui kerjasama dengan beberapa kementerian kerajaan yang diselenggarakan di bawah program Pertukaran ASEAN-Jepun 2003.

Persembahan tersebut dinamakan Oedo Suke-roku Taiko adalah daripada taiko muzik, dengan mengikut gaya gendang generasi Yushima, ditubuhkan oleh Seido Kobayashi, lahir pada

1944 dan mula bermain dalam umur 13 tahun dan dianggotai oleh Ishizuka, Wakayama, Itoharu, Nagata, Zako dan Seido Kobayashi sendiri.

Dengan persembahan tersebut diharap dapat memberikan penduduk Negara Brunei Darussalam gambaran serta kefahaman mengenai bentuk persembahan Gendang Jepun dan memberikan peluang kepada para penduduk berkongsi keunikan kebudayaan Jepun.

Hadir sama di majlis berkenaan, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim; Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Hara Satoshi dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi (dua dari kiri) ketika hadir merasmikan Persembahan Gendang Jepun. Majlis berlangsung di Hotel Orchid Garden. - Gambar oleh Mahadi HM.

Dari muka 3

Dato Paduka berkata, peranan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan di dalam memberikan perkhidmatan berkualiti tinggi adalah sangat mencabar dan pada masa yang sama, cabaran-cabaran dalaman dan luaran di era globalisasi memerlukan setiap kementerian dan jabatan bertindak dengan menggarap dan mempergunakan setiap tenaga yang ada secara berhasil, maksima dan efisien bagi pencapaian kepada wawasan perkhidmatan yang cemerlang, bermutu tinggi dan berwibawa serta berdaya saing.

"Ini bermakna jentera pentadbiran negara harus

melalui perubahan-perubahan bukan sahaja dari segi prosedur dan peraturan tetapi juga dari segi budaya kerja bagi tujuan untuk memperbaiki dirinya dan memenuhi kehendak pelanggan. Perubahan mindset setiap warga perkhidmatan awam itu juga, insya-Allah akan dapat membantu kerajaan dalam menerapkan strategi-strategi dan rancangan seperti tindakan kebangsaan dalam industri info-komunikasi," katanya.

Majlis Sambutan Maulidur Rasul diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban dan ceramah khas agama berkisar mengenai junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis tersebut di-

Keselamatan Dalam Negeri.

Sementara itu pada 22 Mei yang lalu majlis yang sama juga telah diadakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang berlangsung di Kementerian berkenaan di Berakas.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain.

Majlis diserikan dengan ceramah khas oleh Ustaz Norazlizam dari Pusat Da'wah Islamiah yang berkisar mengenai kehidupan dan perjuangan Rasulullah dalam menegakkan syiar Islam di bumi Allah ini.



PERSEMBAHAN Gendang Jepun yang ditaja oleh Kerajaan Jepun yang berlangsung di Hotel Orchid Garden. - Gambar oleh Hamadi HM.

Keberangkatan pulang selepas lawatan kerja ke Pulau Pinang, Malaysia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima cenderamata yang disumbangkan ke hadapan majlis baginda oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Dr. Haji Abdul Rahman (kiri). Sementara gambar kanan, baginda berkenan berbual mesra bersama Tuan Yang Terutama dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Berhormat Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon.



Gambar-gambar oleh
Ramli Tengah dan
Masri Osman

SEBELUM berangkat pulang, doa selamat dibacakan oleh Sahib Samahah Haji Hassan Haji Ahmad, Mufti Kerajaan Pulau Pinang (atas). Sementara gambar bawah kiri dan kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan para pembesar dan Ahli-ahli EXCO Negeri Pulau Pinang sejour sebelum berangkat pulang.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat pulang pada 25 Mei lepas selepas mengadakan lawatan kerja ke Pulau Pinang, Malaysia.

Lawatan tersebut atas undangan Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri (Dr.) Haji Abdul Rahman Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Sebelum bertolak dari hotel, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima cenderamata yang disumbangkan oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Kemuncak atur cara lawatan kerja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Pulau Pinang ialah perjumpaan empat mata bersama Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia.

Semasa perjumpaan tersebut kedua-dua ketua negara telah membincangkan isu-isu dua hala dan serantau yang mempunyai kepentingan bersama dan bertukar-tukar pandangan mengenai usaha-usaha untuk mempertingkatkan lagi kerjasama di antara kedua-dua buah negara.

Semasa lawatan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengadakan lawatan ke Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Di perbadanan tersebut, baginda telah disambut taklimat mengenai pembangunan dan perkembangan

ekonomi Pulau Pinang dan perancangan-perancangan masa depan ke arah pembangunan lestari dalam mencapai sasaran Wawasan 2020 pada tahun 2010.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berangkat ke Majlis Santap Malam Kerajaan Negeri yang disumbangkan oleh Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang bersempena lawatan tersebut.

Sebelum berangkat pulang, doa selamat telah dibacakan oleh Sahib Samahah Haji Hassan Haji Ahmad, Mufti Kerajaan Pulau Pinang.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas bagi mengucapkan selamat berangkat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Dr. Haji Abdul Rahman Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang; Yang Berhormat Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, Ketua Menteri Pulau Pinang; Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Muhyiddin Yassin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Penggunaan selaku Menteri Pengiring; Yang Berhormat Dato' Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang; Yang Berhormat Dato' Haji Yahaya Haji Abdul Hamid, Speaker Dewan Undangan Negeri dan Yang Berhormat Dato' Khalid Ramli, Setiausaha Kerajaan serta beberapa Ahli EXCO Negeri dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Juga hadir di lapangan terbang ialah Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia dan pegawai-pegawai Suruhanjaya Tinggi.



BILA ramai orang yang merungut mengenai perubahan sosial dalam kaitannya dengan tradisi dan budaya (tentunya tentang masa silam), fokus yang selalunya dijuruskan ialah tentang sikap dan cara yang menjadi asas dalam kehidupan masyarakat. Ia membayangkan juga tentang adanya satu kebingungan tentang 'arah tuju' generasi baru setelah tiadanya generasi sebelumnya dan juga beberapa andaian tentang kemungkinan-kemungkinan yang bakal berlaku di masa-masa mendatang. Perligaran perhatian yang demikian itu sudah cukup membayangkan tentang bakal terhakisnya setiap sesuatu yang amat disayangi oleh generasi sebelumnya datuk nenek yang masih aktif.

Kita sudah banyak memberikan gambaran tentang perkara di atas dalam beberapa sudut yang tertentu terutamanya pada perkara-perkara yang berkaitan dengan cara hidup yang merangkumi budaya dan resam yang kebanyakannya sudah semakin lemah dan ada pula yang sudah tidak lagi diamalkan.

Antara yang pernah kita sentuh ialah beberapa lelaki dalam bermajlis-majlis yang dahulunya lebih mengarah kepada 'kemajlis' yang penuh beradab dan bersopan yang pada masa ini sudah berubah dan semakin 'maju' dan baharu, kerana tujuan-tujuan kemodenan dan pemodenan yang dibawa oleh arus perubahan hidup itu sendiri. Tidak ramai yang boleh mempertahankannya apa lagi kalau ianya dikaitkan dengan keperluan masa, kerana kata orang bahawa masa itu adalah emas, yang berharga dan bernilai baik ianya untuk perkara-perkara yang dikaitkan dengan hidup dan kehidupan yang perlu mantap dan jika mungkin segalanya biarlah sejahtera tanpa sebarang gangguan terutamanya hutang-piutang yang perlu kepada sistem pelunasan yang licin dan teratur. Semua orang tidak mengkehendaki berlakunya sebarang risiko yang menjerat hidup masing-masing. Logiknya bahawa tidak siapa pun yang mahu sebarang kejahatan, sebarang sesuatu yang memalukan, sebarang sesuatu yang memudaratkan dan sebarang sesuatu yang tidak

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

IMPAK PERUBAHAN SOSIAL MELESAP TRADISI DAN BUDAYA

harus terpicul risikonya kepada keluarga masing-masing. Namun semuanya terjadi kerana semata-mata adanya semacam 'pemburuan' yang menjadi trend kehidupan sekarang ini. Apa lagi sudah ada pula semacam 'gayung bersambut' dan seolah-olah semacam tersedianya khidmat-khidmat mudah, cepat dan boleh dinikmati dengan senang yang pada kemudian harinya pula akan mudah dirasakan yang kita seolah-olah sudah berada di dalam perangkap yang serba indah. Tetapi pada satu sudut yang lain, kita juga merasakan akan kepahitan-kepahitan yang merantai kelanjutan kehidupan itu sendiri.

Perkara begini datang dengan caranya yang halus dan mudah termakan dalam situasi hidup yang terdesak, bercampur baur dan sesak dengan kecelaruan dan ingin segera mahu keluar dari semua tekanan yang demikian itu. Kalau benar-benar tidak dapat mencari jalan keluar yang terbaik, memanglah segala perkhidmatan yang ditawarkan dan ditambah pula dengan perkhidmatan mudah dan pasti dapat itu akan menjadi pilihan. Tidak setakat yang terdesak sahaja bahkan yang tidak perlu berbuat demikian akan merasa 'ringan hati' untuk berpatisipasi. Lalu segala yang berat itu hanya akan dapat dirasakan kemudian setelah timbul sesuatu yang lebih perlu.

Demikian antara impak perubahan sosial yang kita katakan telah melesap tradisi dan budaya lama yang dianggap lebih menjurus kepada cara tindak yang lebih menyelamat daripada secara perlahan-lahan melemah dan melemaskan itu. Dulu memang tidak ada tawaran-ta-

waran peminjaman, berhutang atau untuk pemo-dalan berniaga dan seumpamanya, kerana tidak ramai orang yang mampu 'berhutang'. Ini berlaku kerana ketakutan kiranya berlaku ketidakpercayaan untuk membayar balik disebabkan oleh kadar pendapatan yang tidak menentu. Ini berlaku dalam awal tahun-tahun 1950-an. Hatta yang pasti dengan sumber pendapatan untuk membayar balik itu pun, tidak ada bank yang membuka pintunya untuk berbuat demikian. Apa yang ada pada waktu itu ialah kedai-kedai pajak gadai dan kawan-kawan atau sanak saudara yang berada sahaja. Namun semuanya bergantung kepada percayamempunyai. Gadai-menggadai adalah antara yang terkenal pada masa silam itu. Tidak setakat 'menggadai tanah, barang-barang kemas bahkan harta-harta lain juga'. Gadai-menggadai cara lama itu dipanggil juga sebagai 'berduduk' atau 'mendudukkan' barang atau bahan yang digadaikan itu. Mana-mana yang boleh menebus kembali adalah antara yang beruntung dari segi nama baik atau reputasi berhutang dan berduduk itu dan akan mudah pula untuk berbuat demikian pada waktu-waktu berikutnya. Akan tetapi, adalah malang bagi mereka yang tidak dapat menebus. Tidak setakat reputasi mereka itu hilang bahkan dengan harta-harta yang mereka dudukkan itu sekali. Akhirnya, segalanya bertukar tangan dan tanah-tanah bertukar tuannya. Sebenarnya, tauke-tauke pajak gadai dan juga orang tempat berhutang atau bergadai itu tadi, lebih suka supaya barang-barang itu ditebus, kerana mereka mahukan wang asal mereka itu kembali di samping bayaran bunga yang dikenakan. Bagi mereka jumlah wang yang bertumpuk itulah yang penting. Sementara barang-barang yang digadaikan itu tidak perlu ter-

simpan lama di tangan mereka apa lagi 'lesap'. Sebab, barang-barang itu semua dianggap mereka boleh rosak selain dari nilainya bakal menurun dan susah untuk dijual semula. Lagipun tidak ramai orang yang boleh membeli barang-barang gadaian. Kebanyakan orang Brunei dahulu itu tidak suka membeli barang-barang yang pernah didudukkan. Ia dianggap boleh saja membawa 'sial', hilang tuah, sukat yang tidak baik dan orang yang suka bergadai adalah orang yang tidak mempunyai sukat yang baik. Mereka juga takut akan menjangkit kepada keturunan dan takut bakal disebut-sebut menjadi waris bergadai-bergolok.

Tanah-tanah yang didudukkan juga dianggap tidak baik. Sebab itu, tukang-tukang gadai lebih mengkehendaki supaya tuan-tuan punya tanah itu menebus dengan segera. Cara mereka juga sama dengan tauke-tauke kedai pajak gadai itu tadi iaitu mereka mahukan wang mereka dikembalikan bersama-sama dengan 'bunga' yang dikenakan. Kalau tidak dapat menebus dengan sepenuhnya, bayaran 'bunga' itu adalah perlu dijelaskan sambil kononnya memberi amaran yang barang gadaian mereka itu akan hilang. Bayaran 'bunga' yang dikenakan agak tinggi juga iaitu sesuku atau separuh dari nilai jumlah asal gadaian. Ini memang berat untuk dilunaskan secara sekali gus, bahkan banyak yang lesap dan bertukar tangan seperti yang kita sebutkan di atas tadi.

Kerana itu, ramai orang dahulu takut dan berusaha untuk mengelakkan diri dari bergadai-bergolok itu. Mereka lebih suka menabung mengikut cara masing-masing. Mereka takut akan kehilangan harta yang bakal dijadikan waris peninggalan kepada keturunan mereka terutamanya tanah dan rumah untuk penerusan hidup mereka. Namun, hari ini, ada banyak cara menabung yang diperkenalkan selain dari cara meminjam yang dikatakan selamat termasuk dari segi hukum agama. Sesungguhnya, yang baik itu memang dialu-alukan asalkan ianya benar-benar selamat dalam penerusan hidup di dunia dan juga di akhirat nanti.

Layani pelanggan dengan budi pekerti yang luhur

KAMPONG RIMBA, 20 Mei. - Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengingatkan semua pegawai dan kakitangan UBD bahawa mereka mempunyai tugas yang harus dilaksanakan mengikut bidang masing-masing.

Dr. Awang Haji Ismail bin Haji Duraman mengingatkan mereka agar mematuhi masa bekerja yang telah ditetapkan dan meninggalkan pejabat apabila waktu pejabat berakhir.

"Layanilah pelanggan dengan budi pekerti yang luhur, dengan baik, mudah-mudahan kita akan menerima ganjaran yang setimpal dari Allah Subhanahu Wa-taala di atas menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberikan dengan sebaiknya," kata beliau.

Naib Canselor UBD berkata demikian di Majlis Sambutan Maulidur Rasul bagi UBD yang diadakan di Dewan Canselor UBD. Majlis dikendalikan oleh Majlis Takmir Masjid

UBD, sebagai salah satu projek tahunan keagamaan.

Di samping itu, beliau juga mengingatkan kepada semua pegawai dan kakitangan UBD supaya sentiasa meningkatkan kecekapan dan menambahkan produktiviti.

Sementara itu pegawai dan kakitangan bahagian akademik disaran supaya terus memperkaya ilmu, menambahkan kepakaran untuk dicurahkan kepada anak didik dan masyarakat

Oleh Siti Aishah HS

yang sering mengharap sumbangan dan suntikan pengetahuan dari universiti yang mempunyai ahli ilmu, cendekiawan dan penyelidik.

Jelasnya, setakat ini UBD dapat mengenal pasti arah tuju dan mengemaskinikan wawasan bagi memastikan kualiti perkhidmatan meskipun mendapat kritikan.

Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri

Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz dalam ceramahnyanya menjelaskan terdapat tiga peringkat bagi mendisiplin anak-anak iaitu melalui mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, cinta kepada keluarga Baginda dan membaca Kitab Suci Al-Quran.

Perkara ini katanya terkandung dalam hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang patut dijadikan ikutan dan panduan bagi kebaikan umat Islam.

Katanya, bukan hanya orang dewasa seperti ibu bapa saja yang didisiplin-

kan untuk mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, malah yang penting ialah anak-anak umat Islam wajib didisiplinkan untuk mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga Baginda dan Kitab Suci Al-Quran.

Jelasnya, terdapat banyak cara bagi mendisiplinkan kanak-kanak atau ummah untuk mencintai Rasulullah antaranya yang lumrah ialah melalui pendidikan.

Cara lain untuk mencintai Baginda ialah dengan mengajarkan kepada anak-

anak mengenai Sirah Rasulullah, ajaran Al-Quran yang dibawanya, ajaran agama, ajaran akhlak Rasulullah, kenalkan keluarga kenalkan sahabat-sahabat dan hayati sunnah-sunnah Baginda.

Tambahnya, kuatkan pembelajaran tersebut bukannya dikurangkan malah berikan penumpuan yang bersungguh-sungguh.

Terdahulu majlis juga diserikan dengan persembahan berzanji dan pembacaan puisi Islam oleh mahasiswa-mahasiswa UBD.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz ketika hadir di Majlis Sambutan Maulidur Rasul bagi UBD yang diadakan di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam (kiri). Sementara gambar kanan, di antara pegawai, kakitangan dan mahasiswa UBD yang hadir di majlis itu. - Gambar oleh Abdullah HAD.



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Haji Yakub dan Timbalan Perdana Menteri Thailand, TYT Korn Dabarsani menyaksikan penyerahan MOU dalam bidang ekonomi antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Brunei - Thailand tandatangani perjanjian di bidang ekonomi

Oleh Samle HJ

JERUDONG, 15 Mei. - Penandatanganan perjanjian penubuhan syarikat usaha sama, pembekalan dan penjualan beras dan gula antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan syarikat swasta Thailand membuka lagi satu lembaran persefahaman yang baru dalam bidang ekonomi kedua-dua buah negara.

Tiga perjanjian serentak ditandatangani di Empire Hotel and Country Club pagi ini jelas memberi peluang kepada Brunei untuk melangkah setapak dalam bidang perdagangan dengan Thailand.

Persetujuan itu juga merupakan lanjutan dari per-

bincangan intensif antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama sebuah syarikat swasta Thailand, Chia Meng sejak beberapa bulan lalu menerusi Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) pada 27 Ogos 2002 antara Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kumpulan Chia Meng sempena lawatan baginda ke Thailand.

Perjanjian tersebut melibatkan penubuhan sebuah syarikat usaha sama antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan Thai-

land bagi jual beli beras dan gula sekali gus bagi mengembangkan peluang perniagaan di luar negara serta memastikan bekalan beras dan gula berterusan dan terjamin.

Perjanjian pertama ialah penubuhan syarikat usaha sama antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan sebuah syarikat swasta Thailand, Chia Meng Company Limited (Chia Meng) bagi menubuhkan syarikat Brusiam Food Alliance Company Limited (Brusiam) yang berpangkalan di Thailand.

Mewakili pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman, manakala Presiden Kumpulan Chia Meng, Dr. Taval Manathanya menandatangani bagi pihak syarikat berkenaan.

Sementara itu, kontrak kedua meliputi jual beli antara Chia Meng dengan Brusiam yang ditandatangani oleh Dr. Taval Manathanya dan Pengarah Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Awang Haji

Mahmud bin Hai Mohd. Daud mewakili pihak Brunei.

Perjanjian ketiga merupakan antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama Syarikat Brusiam adalah bagi penjualan beras dan gula ke Negara Brunei Darussalam yang ditandatangani oleh Pengarah Teknologi Maklumat dan Stor Negara yang mewakili Kerajaan Negara Brunei dengan Dr. Taval Manathanya yang mewakili Brusiam.

Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Abu Bakar dan Timbalan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Korn Dabarsani hadir bagi menyaksikan majlis penandatanganan yang bersejarah itu.

Perjanjian jual beli yang ditandatangani itu adalah bagi menggantikan kontrak jual beli beras dan gula sebelum ini antara Negara Brunei Darussalam dengan Pejabat Perdagangan Luar serta Persatuan Gudang Awam Thailand.

Negara Brunei Darussalam telah mengimport kira-kira 26,000 tan beras dan 7,000 tan gula dari Thailand pada tahun lalu.

Menghadiri Persidangan Ke-2 Sekuriti Asia

BANDAR SERI BEGAWAN. - Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong, Timbalan Menteri Pertahanan menghadiri Persidangan Ke-2 Asia Security Conference: The Shangri-La Dialogue di Republik Singapura. Persidangan tersebut dianjurkan oleh pihak International Institute For Strategic Studies, United Kingdom yang berlangsung selama tiga hari mulai 30 Mei hingga 1 Jun 2003.

Beberapa kertas kerja dibentangkan yang berkisar di antara lain mengenai isu-isu keselamatan, politik dan keselamatan serantau dan antarabangsa.

Persidangan tersebut dihadiri oleh kira-kira 20 orang Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri Pertahanan, Ketua-ketua dan juga Pemerintah-pemerintah Angkatan Bersenjata dari negara-negara di rantau Asia Pasifik.

Turut serta dalam rombongan Yang Amat Mulia Timbalan Menteri Pertahanan ialah tiga orang pegawai kanan Kementerian Pertahanan.

UBD alu-alukan sumbangan buku

KAMPONG RIMBA, 15 Mei. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) terus mengalu-alukan sumbangan buku-buku dari pelbagai pihak bagi mengisi keperluan perpustakaan yang boleh dijadikan sebagai bahan rujukan dan kajian oleh bakal mahasiswa dan mahasiswi.

Hari ini sebanyak 15 jenis buku lagi disumbangkan ke-

pada Perpustakaan UBD oleh Pejabat Kebudayaan dan Ekonomi Taipei (TECOBD) di negara ini.

Buku-buku tersebut disampaikan oleh wakil TECOBD, James Chu kepada Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman yang disaksikan oleh pegawai-pegawai kanan UBD yang diadakan di Bilik

Persidangan UBD.

Sebanyak 15 jenis buku tersebut yang antaranya Sejarah Bergambar Taiwan, Lagu dan Tarian Suku Asli Taiwan, Novel Taiwan (Inggeris dan Cina), Perkhidmatan Kereta Api Taiwan, Makanan-makanan Taiwan dan Bunga-bunga Liar Taiwan.



NAIB Canselor UBD, Dr. Haji Ismail menerima buku dari wakil TECOBD, James Chu. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.

TAIB anjur Peraduan Mengarang Esei

Oleh Haji Ahmad HS

Brunei Darussalam Ke-57.

Cek tersebut disampaikan oleh Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Dato Paduka Awang Haji Junaidi kepada Yang Di-Pertua Pertubuhan Perempuan Peraduan (WI), Datin Hajah Masni berlangsung di Ibu Pejabat Perbadanan TAIB di sini.

Peraduan tersebut diba-

hagikan kepada empat kategori. Kategori 'A' bagi penuntut sekolah menengah atas dan pusat tingkatan enam; kategori 'B' terbuka kepada penuntut sekolah vokasional, maktab termasuk UBD; kategori 'C' pula dibukakan kepada ahli persatuan wanita dan persatuan belia berdaftar secara rasmi dan kategori 'D' terbuka kepada orang ramai.

Peraduan terbuka kepada rakyat, pemegang kad pengenalan warna kuning dan penduduk tetap (pemegang kad pengenalan warna ungu) bermastautin di Negara Brunei Darussalam.

Peraduan akan menawarkan hadiah wang tunai iaitu kategori 'A' pertama menerima \$200, kedua \$150 dan ketiga \$100; kategori 'B' tempat pertama menerima \$250, kedua \$200 dan \$150 bagi tempat ketiga; kategori 'C' pula \$300 bagi tempat pertama, \$250 kedua dan \$200 ketiga dan kategori 'D' menyediakan hadiah \$400 pertama; kedua \$350 dan \$300 ketiga.



PENGARAH Urusan Perbadanan TAIB, Dato Paduka Awang Haji Junaidi menyampaikan cek kepada Yang Di-Pertua Pertubuhan Perempuan Peraduan (WI), Datin Hajah Masni. - Gambar oleh Hamadi HM.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN PERKHIDMATAN BANGUNAN,
JABATAN KERJA RAYA (KUALA BELAIT)
UNIT JALAN RAYA

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Kerja-kerja memperbaiki jalan raya berlubang (potholes)	1 minggu
2.	Melaksanakan kerja binaan membubuh batu	3 - 6 bulan
	Melaksanakan kerja menaikkan taraf jalan	3 - 9 bulan
3.	Kerja-kerja 'emergency'	48 jam
4.	Mengeluarkan kebenaran memotong jalan raya	2 minggu
5.	Mengeluarkan kebenaran untuk menggunakan jalan	2 minggu



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengurniakan anugerah kepada dua orang penerima Anugerah Pelajar Terbaik Pengambilan Ke-16 (atas dan bawah).



KONVOKESYEN KE-12 INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI (ITB)

BERAKAS, 29 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat ke Majlis Konvokesyen Ke-12 Institut Teknologi Brunei (ITB) di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC).

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz selaku Penaung Majlis berserta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Konvokesyen Ke-12 ITB.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamillah.

Sejurus ketibaan Duli Yang Teramat Mulia berserta kerabat diraja, lagu kebangsaan dikuman-

dangkan dan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dibacakan oleh Awang Mohd. Ali Hassan bin Omar, seorang penuntut ITB.

Ini diikuti sembah alu-aluan oleh Pengarah ITB, Awang Haji Mohd. Yusra bin Haji Abdul Halim selaku Pengerusi Majlis dan seterusnya sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Acara diteruskan lagi dengan penganugerahan Diploma Tinggi Kebangsaan Pengambilan Ke-16 kepada 136 orang penuntut ITB dalam tujuh bidang kursus yang disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia dan penganugerahan Anugerah Pelajar Terbaik kepada tujuh orang graduan.

Antara penerima-penerima anugerah berkenaan ialah Awang Hayrul Erywan bin Abdul Wahab, dalam bidang Pengajian Komputer; Dayangku Santy Nony

Liputan Siti Aisha Gambar-gambar Halim HS dan Ham

binti Pengiran Hamdan, bidang Perdagangan dan Kewangan; Dayang Loo Melvine, bidang Kejuruteraan Komunikasi dan Sistem Komputer; Awang Aziz Soffre bin Haji Ali Ahmad, bidang Kejuruteraan Awam dan Awang Sufre bin Haji Muhammad, bidang Kejuruteraan Mekanikal.

Manakala Awang Sarjan Ali Umar Safri bin Haji Abdul Wahab dan Dayang Mazlinawati binti Suhaili, masing-masing menerima anugerah dalam bidang Kegiatan Tambahan.

Sementara itu, salah seorang graduan di majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Muhdiyatul Bolqiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran

Muda Mahkota Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat ke Majlis Konvokesyen Ke-12 Institut Teknologi Brunei (ITB) di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC).

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz selaku Penaung Majlis berserta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Konvokesyen Ke-12 ITB.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamillah.

Sejurus ketibaan Duli Yang Teramat Mulia berserta kerabat diraja, lagu kebangsaan dikuman-



DULI Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan Anugerah Pelajar Terbaik kepada seorang graduan bagi pengambilan ke-16 (atas). Sementara gambar bergambar kenangan bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Jangan lupa tanggungjawab membayar balik

SUNGAI TALII, 22 Mei. - Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan berkata, keprihatinan dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda, sejak tahun-tahun kebelakangan ini rakyat dan penduduk yang memerlukan perumahan telah pun dianugerahkan kemudahan untuk mendapatkan perumahan melalui kaedah bayaran mudah secara beransur-ansur yang tidak membebankan, tanpa dikenakan sebarang faedah dan keuntungan ke atasnya.

Bagaimanapun, tambahnya, niat baik yang dihulurkan oleh pihak kerajaan itu telah menghadapi

Oleh
Dayangku Hajah Saidah PHOA
Bolhassan HAB dan Abdullah Asgar

masalah menerima pembayaran balik ansuran pinjaman kemudahan perumahan tersebut.

Menurutnya, masalah perumahan yang pernah ditimbulkan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara semasa keberangkatan baginda ke mukim dan kampung di Daerah Brunei dan Muara tahun ini telah juga menular ke Daerah Belait yang melibatkan penerima-penerima yang dibantu sudah

mula lupa dengan amanah dan tanggungjawab mereka untuk membuat bayaran balik seperti mana yang dikehendaki.

"Semua itu agak mendukacitakan kita semua dan bukanlah satu tindakan yang bijak dan jauh dari menguntungkan, kerana kewangan yang dikembalikan melalui bayaran ansuran itu merupakan sumber untuk dipusingkan bagi membantu kerajaan terus-menerus membina perumahan baru kerana banyak lagi rakyat dan penduduk negara ini memerlukan kemudahan perumahan berkeajaan," tegas Awang Haji Adnan.

Berucap dalam sembah alu-aluan di Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Lot-lot Tanah Di Bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lumut/Sungai Liang dan Anak-anak Kunci Di Bawah RPN Kampong Pandan serta Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah Bantuan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bagi Daerah Belait dan Tutong yang diadakan di Sekolah Rendah Sungai Tali di sini.

Beliau seterusnya mengingatkan selaku rakyat dan penduduk hendaklah sama-sama bertanggungjawab kepada kerajaan di mana kesejahteraan bermasyarakat dan bernegara memerlukan rakyat dan penduduk serta kerajaan sama-sama saling memainkan peranan dan bertanggungjawab menabur bakti dan jasa.

"Bahkan kita sama-sama memerlukan di antara satu dengan lain, biarlah kita saling bekerjasama, bantu-membantu seperti aur dengan tebing barulah nanti kesejahteraan yang sudah

sedia ada di negara ini dapat dikekalkan dan terpelihara, malah semakin kukuh dan mantap," tambahnya.

Beliau menambah, pelaksanaan projek-projek bagi penganugerahan rumah dan tanah kepada rakyat dan penduduk di negara ini adalah sebagai menunaikan tanggungjawab pihak kerajaan kepada pemeduliaan rakyat dan penduduk yang sangat-sangat memerlukan tempat kediaman tetapi di masa yang sama tidak memiliki tanah dan sumber kewangan untuk tujuan tersebut.

Beliau menambah, majlis yang diadakan pada hari ini merupakan bukti nyata betapa luhur dan prihatin baginda terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk yang memerlukan perumahan di daerah ini khususnya dan di Negara Brunei Darussalam pada amnya.

Penganugerahan tersebut tidak dapat disangkal sebagai satu rahmat yang begitu besar artinya kepada rakyat dan penduduk yang sangat memerlukan. Sehubungan itu beliau selaku pihak para peserta yang menerima anugerah tersebut dengan penuh hormat dan takzim serta penuh kesyukuran yang tidak terhingga nilainya berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala melimpahkan kurnia rahmat, taufik dan hidayah-Nya yang berlipat ganda ke hadapan majlis baginda, semoga baginda berada dalam pemeliharaan serta perlindungan Allah di dalam memimpin negara ini dan kekal karal di atas singgahsana Kerajaan Negara Brunei Darussalam, tambah Pegawai Daerah Belait.



DAYANG Sofiah binti Abdullah @ Darie Anchanel gembira menerima Skim Rumah Bantuan Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI.

KEGEMBIRAAN jelas terpancar di wajah para penerima-penerima lot-lot tanah di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lumut/Sungai Liang dan anak-anak kunci rumah di bawah RPN Kampong Pandan serta kunci-kunci Rumah Skim Bantuan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) di Daerah Belait dan Tutong pada 22 Mei lepas.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan lot-lot tanah kepada 117 orang penerima di bawah RPN Lumut/Sungai Liang dan kepada lima buah keluarga menerima rumah jenis 'D' di bawah RPN Kampong Pandan serta kunci rumah kepada 19 penerima Skim Rumah Bantuan YSHHB Daerah Belait dan Tutong yang berlangsung di Sekolah Rendah Sungai Tali, Kampong Lumut II.

Bagi Awang Haji Apang bin Ludin yang mewakili anaknya, Dayang Junaidah berkata, "Kami sekeluarga menjunjung kasih di atas pengurniaan rumah pada hari ini walaupun terpaksa menunggu sejak tahun 1986."

Beliau yang telah bersara dari salah sebuah pasukan beruniform yang beribu pejabat di Kuala Belait seterusnya menjelaskan bahawa dengan pengurniaan rumah tersebut dapatlah meringankan beban beliau sekeluarga yang tinggal secara tetap di Kampong Pandan.

Sementara bagi Awang Haji Mohd. Wardi bin Ismail turut sama menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia di atas pengurniaan lot tanah di bawah RPN Lumut/Sungai Liang.

Oleh Bolhassan HAB,
Dayangku Hajah Saidah PHOA
dan Abdullah Asgar

"Saya mewakili isteri dan keluarga Dayang Hajah Zuraidah binti Haji Mohammad Salleh merasa sangat gembira, kerana sebelum ini terpaksa berulang alik antara Bandar Seri Begawan dan Tutong," ujar beliau yang bertugas di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Berlainan pula bagi Dayang Sofiah binti Abdullah @ Davie Anchanel yang menerima Skim Rumah Bantuan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI turut menjunjung kasih di atas bantuan yang diberikan.

Dayang Sofiah menjelaskan, "Sebelum ini, saya dan satu-satunya anak saya, Dayang Salina binti

Abdullah menyewa sebuah rumah berdekatan salah sebuah hotel di Daerah Belait."

Katanya, Salina seorang kanak-kanak istimewa yang mengikuti Kelas Bimbingan Kanak-kanak Cacat (KACA) merasa sangat berbesar hati kerana dapat bertemu dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merang-

kap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad, Menteri Pembangunan dan Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin, Pengurus Lembaga Pengarah YSHHB dan Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah.

Skim Rumah Bantuan YSHHB adalah dikhususkan kepada saudara-saudara baru dan mereka yang daif serta tidak berkemampuan mendirikan rumah sendiri yang bertujuan untuk memberi peluang kepada mereka agar dapat menikmati sebagai seorang Islam dengan selesa dan dapat menunaikan kewajipan beribadat dengan lebih sempurna.

Manakala rumah bantuan kepada mereka yang tidak berkemampuan adalah untuk memberi peluang kepada mereka supaya dapat menikmati kehidupan yang aman dan sejahtera iaitu bagi sama-sama mempertingkatkan tahap kehidupan rakyat di negara ini.

Sejak projek pembinaan dilaksanakan pada tahun 1996, sebanyak 100 buah rumah telah dibina di bawah Skim Rumah Bantuan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di seluruh negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, penerima-pemerina itu sebenarnya sedang melakukan penghijrahan ataupun perpindahan daripada sebuah

kampung ke sebuah kampung yang lain.

"Perpindahan ini membawa makna yang besar kepada kehidupan fizikal dan juga rohani, iaitu sama ada ianya boleh mencipta kesejahteraan dan kebahagiaan ataupun tidak," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa keberangkatan baginda ke Kampong Mentiri bagi menyempurnakan penyerahan anak-anak kunci rumah RPN kampung tersebut pada 22 Ogos 1992.

Seterusnya baginda bertitah, "Beta percaya, kesejahteraan dan kebahagiaan itu akan mudah sahaja diperoleh oleh tiap-tiap peserta yang bertawaduk, yang bersikap reda dan berpadu dengan kurnia dan pemberian Allah Subhanahu Wataala kepadanya."

MENJUNJUNG KASIH ATAS PENGURNIAAN RUMAH, TANAH

Sastera dan Budaya

سسترا دان بودايا

PENDAHULUAN

RENCANA ini membataskan skop perbincangan mengenai perbandingan antara dua buah karya Historiografi Tradisional Melayu, iaitu Hikayat Raja-raja Pasai yang dianggap sebagai karya yang tertua dengan Sejarah Melayu yang dianggap sebagai karya agung. Perbandingan ini tertumpu kepada ciri-ciri historiografi tradisional Melayu itu sendiri.

KEDUDUKAN HISTORIOGRAFI TRADISIONAL MELAYU DALAM KESUSASTERAAN TRADISIONAL MELAYU

Penggolongan karya-karya sastera Melayu tradisional yang dikemukakan berdasarkan pendekatan genre dalam buku Kesusasteraan Melayu Tradisional (1993), meletakkan Historiografi Tradisional Melayu atau Sastera Sejarah sebagai salah satu genre yang terkandung dalam kesusasteraan tradisional Melayu.

Historiografi Tradisional Melayu ini juga dianggap sebagai hasil sastera tulisan yang popular pada zamannya, seperti yang dinyatakan oleh Dr. Khalid Taib (1981) dalam tesisnya, Sastera Sejarah atau Historiografi Tradisional Melayu seolah-olah muncul sebagai sebahagian karya sastera yang pesat antara tahun 1350 dan 1856 Masihi.

Di antara karya-karya genre ini termasuklah Syair Awang Semaun, Silsilah Raja-raja Brunei, Hikayat Raja-raja Pasai, Sejarah Melayu, Hikayat Aceh, Misa Melayu, dan Silsilah Melayu dan Bugis.

PENGERTIAN HISTORIOGRAFI TRADISIONAL MELAYU

Kamus Dewan (1992) memberi tiga pengertian mengenai perkataan 'historiografi', iaitu (a) prinsip-prinsip atau kaedah pengajian sejarah, (b) penulisan sejarah, dan (c) karya atau hasil penulisan berkaitan dengan sejarah.

Manakala menurut Khalid (dipetik dari PELITA BRUNEL, 1994), kata 'historiografi' adalah pengkajian sejarah yang berdasarkan dari bahan kesusasteraan dan bahan-bahan bertulis lainnya.

Bertolak dari kedua-dua pengertian ini, dapatlah disimpulkan bahawa Historiografi tradisional Melayu ialah karya-karya yang terhasil atau diciptakan dengan menggabungkan unsur khayalan atau fiksi dengan fakta sejarah. Penggabungan kedua-dua unsur ini dapat diperhatikan pada ciri-ciri Historiografi Tradisional Melayu itu.

CIRI-CIRI HISTORIOGRAFI TRADISIONAL MELAYU

Menurut Hashim Awang (1984), sastera sejarah mempunyai ciri-ciri tertentu, berdasarkan kepada lima hikayat, iaitu Sejarah Melayu, Hikayat Raja-raja Pasai, Hikayat Merong Mahawangsa, Misa Melayu, dan Silsilah Melayu dan Bugis. Di antara ciri-ciri tersebut:

1. Struktur hikayat selalunya terdiri daripada dua bahagian, (a) bahagian yang bersifat mitos atau dongeng yang terdiri dari

peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan pembukaan negeri atau tempat, asal usul raja dan permulaan berlakunya adat istiadat, (b) bahagian historis atau sejarah sebenar yang mengandungi kejadian-kejadian yang benar-benar berlaku dalam sejarah seperti susur galur keturunan raja sesebuah negara yang diceritakan, cara hidup dan susunan ekonomi masyarakat di situ, cara politik serta pemerintahan;

2. Hikayat-hikayat itu tercipta untuk keperluan raja - isinya banyak peristiwa-peristiwa mengagungkan-anggungan kedudukan dan keturunan raja-raja;

3. Hampir semua hikayat tersebut tercipta dan lahir di istana - biasanya raja memerintahkan pengarang supaya menuliskan hikayat-hikayat tersebut;

4. Sering terdapat pengajaran moral yang disampaikan secara halus dalam bentuk sindiran.

Ciri-ciri yang dikemukakan oleh Hashim Awang ini hanya berdasarkan kepada kelima-lima hikayat tersebut berbanding dengan Profesor Dr. T. Iskandar (1992) yang memberikan garis panduan Sastera Sejarah atau Historiografi Tradisional Melayu itu pada umumnya dan secara lengkap terbahagi atas enam bahagian:

1. Asal usul raja-raja yang bersifat mitos;

2. Pembukaan negeri yang bersifat legenda;

3. Masuknya agama Islam;

4. Silsilah raja-raja hingga sampai ke zaman raja yang memerintah pada masa karya itu dikarang; dalam bahagian ini kadang kala dimasukkan legenda;

5. Riwayat mengenai raja yang memerintah; seorang yang menyalin kemudiannya mungkin memasukkan legenda yang

HIKAYAT RAJA-RAJA PASAI DAN SEJARAH MELAYU: SATU PERBANDINGAN RINGKAS

OLEH MBHS

didengarnya mengenai zaman raja ini;

6. Sambungan oleh penyalin atau penyalin-penyalin.

Walau bagaimanapun, menurut Profesor Dr. T. Iskandar (1992) lagi bahawa tidak semua karya historiografi Melayu mempunyai pembahagian yang serupa ini. Ada di antaranya yang tidak mempunyai bahagian 1 atau bahagian 2, ada pula yang tidak mempunyai bahagian yang lain. Sebagai contoh, Silsilah Raja-raja Brunei tidak diceritakan bahagian 1.

Menurut Profesor Dr. T. Iskandar (1995: 596-597), ini berkemungkinan pengarang silsilah ini sengaja tidak memasukkan unsur mitos dalam asal usul keturunan raja-raja tersebut kerana pengaruh Naruddin Ar-Raniri yang mengarang kitab Sirat Al-Mustaqim (1638) yang sangat meluas digunakan di Kepulauan Nusantara, mengancam orang-orang yang membaca karya-karya yang berunsur Hindu, seperti Hikayat Seri Rama dan Hikayat Indera Putra. Tambahan lagi, pengarangnya, iaitu Datu Imam Ya'kub mempunyai pendidikan agama Islam dan seorang yang bergelar Imam.

HIKAYAT RAJA-RAJA PASAI

Hikayat Raja-raja Pasai (HRP) merupakan salah sebuah karya sastera yang tertua dan mengisahkan kejadian-kejadian yang berlaku di antara tahun 1250 hingga 1350 Masihi (Roolvink dalam Zahrah Ibrahim, 1986). Memandangkan HRP ini mempunyai hubungan intertek dengan Sejarah Melayu, telah menimbulkan beberapa pendapat. Winstedt umpamanya berpendapat bahawa penyusunan Sejarah Melayu telah meniru, memparafrasakan dan menyalin HRP.

Selain itu, Roolvink sendiri memperakui kesukaran untuk menentukan hubungan antara kedua-dua teks itu dan mungkin sekali penyusunan Sejarah Melayu telah menggunakan satu teks HRP yang lain daripada teks yang kita punyai sekarang kerana terdapat beberapa perbezaan penting antara kedua-dua teks itu dari segi nama dan perincian-perincian lainnya (dalam T. Iskandar, 1995: 153-154).

A. Teeuw pula mem-

buat kesimpulan dengan menggunakan edisi J. P. Meads bahawa HRP berdasarkan 'internal evidence' percaya bahawa tidaklah mungkin dikarang sebelum Sejarah Melayu (T. Iskandar, 1995: 154). Pendapat A. Teeuw ini tidak dipersetujui oleh Amin Sweeney dengan meyakinkan bahawa berdasarkan internal evidence juga HRPlah yang digunakan oleh pengarang bahagian pertama Sejarah Melayu (T. Iskandar, 1995: 154).

Terdapat sebuah manuskrip HRP sahaja, iaitu Raffles MS 67 yang tersimpan di The Royal Asiatic Society, di London. Walau bagaimanapun, rencana ini hanya menggunakan HRP edisi A.H Hill (1960) yang dimuatkan dalam JMBRAS dan dianggap lebih menepati pada yang asli daripada edisi-edisi yang lain.

Edisi A. Hill ini merupakan perumian yang dilakukan dari teks Raffles MS 67 yang diterbitkan dalam huruf jawi oleh Edouard Dulaurier (Paris 1849), dan kemudiannya beberapa fragmen diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis oleh Leon de Rosny (1871) dan diterjemahkan secara lengkap oleh Aristide Marre (1874) dan barulah dirumikan oleh P. J. Meads (1914) dan A. H. Hill (1960) (T. Iskandar, 1995: 155).

SEJARAH MELAYU

Menurut Roolvink terdapat 29 manuskrip Sejarah Melayu (SM) yang tersimpan di beberapa buah perpustakaan di seluruh dunia. Beberapa kumpulan daripada manuskrip itu telah diedit atau disusun oleh orang-orang tertentu sehingga lahirnya beberapa edisi.

Di antaranya edisi Shellebear yang merupakan teks campuran antara versi pendek dan sambungan ceritanya dari versi panjang, manakala Samad Ahmad menerbitkan teks yang disebut Roolvink versi panjang pada tahun 1984.

Namun demikian, rencana ini menggunakan edisi Winstedt (1938) yang dianggap lebih menepati SM aslinya (T. Iskandar, 1995: 260) walaupun teks naskhah Raffles 18 ini

tidak lengkap. Roolvink dalam makalahnya The variant Versions of the Malay Annals menyatakan bahawa teks Raffles 18 adalah teks yang ditulis di Pasir Raja pada tahun 1612 (T. Iskandar, 1995: 247).

PERBANDINGAN HRP DENGAN SM

"Adalah dimaklumi bahawa kedua-dua naskhah ini, HRP dan SM memang menjadi tumpuan kajian kepada para pengkaji pelbagai disiplin. Ternyata semakin banyak penyelidikan dilakukan dan diperbincangkan kedua-dua karya ini, semakin banyak pula persoalan atau dapatan yang ditimbulkan terutama SM yang diangkat sebagai karya agung.

Umumnya jika kedua-dua naskhah ini digolongkan sebagai karya Historiografi Tradisional Melayu atau Sastera Sejarah dan sekali gus menepati ciri-ciri yang digariskan maka tidak mustahil kedua-duanya mempunyai persamaan apatah lagi menurut Winstedt (1938), HRP merupakan naskhah Sastera Sejarah yang tertua dan menjadi model bagi penghasilan SM.

Perbezaan yang ketara adalah dari sudut ukuran panjang dan tebal ceritanya, iaitu SM lebih tebal dan panjang penceritaannya berbanding dengan HRP. Lebih-lebih lagi, cerita HRP ada terdapat dalam cereka ke 7 dan 9 dalam SM, sesuai dengan pernyataan yang dibuat oleh Winstedt bahawa HRP merupakan model SM.

Perbandingan ini tidak hanya tertumpu pada HRP dan HRP yang terdapat dalam SM seperti yang pernah dibuat oleh A. Wahab Ali (Zahrah Ibrahim, 1986). Malah rencana ini cuba menyelusuri keseluruhan isi kandungan kedua-dua naskhah tersebut, terutamanya perbezaan dan persamaan kedua-dua karya sastera sejarah ini dilihat berdasarkan kepada ciri-cirinya sebagai karya Sastera Sejarah atau Historiografi Tradisional Melayu.

ASAL USUL RAJA-RAJA BERSIFAT MITOS

Dalam HRP diceritakan mengenai asal usul raja-

raja Pasai, iaitu berasal dari rebung buleh betong dan seorang kanak-kanak lelaki yang dibawa oleh seekor gajah. Cerita asal usul raja-raja ini juga terdapat dalam SM yang menceritakan asal usul raja-raja Melayu adalah keturunan daripada Iskandar Zulkarnain dari negeri Makaduniah. Selain itu, terdapat juga cerita yang menyatakan bahawa raja-raja Melayu itu juga berketurunan daripada dewa-dewa yang turun di Bukit Siguntang Mahameru.

PEMBUKAAN NEGERI DAN ASAL USUL SESEBUAH TEMPAT

Dalam HRP diceritakan Merah Silu membuka negeri Pasai. Nama Pasai pula diambil sempena peristiwa anjing Merah Silu yang bernama si Pasai yang menyelak busut. Peristiwa sebegini juga berlaku dalam SM, iaitu diceritakan Seri Buana yang membuka negeri Singapura hasil dari melihat seekor binatang yang bernama 'Singa'. Selain itu, diceritakan juga Sultan Iskandar membuka negeri Melaka dan nama Melaka diambil sempena peristiwa seekor anjing dengan pelanduk putih berserta dari nama sebuah pohon Melaka.

MASUKNYA AGAMA ISLAM

Kedua-dua karya mempunyai ciri ini. HRP diceritakan bahawa Nabi Muhammad ada berpesan kepada sahabat-sahabatnya di Mekah untuk mengislamkan negeri yang bernama Samudera. Kemudian disusuli dengan pemergian seorang Sheikh ke Samudera. Merah Silu juga bermimpi Nabi Muhammad yang mengislamkan negeri ini peristiwa apabila Nabi Muhammad melanduk ke mulut Merah Silu apabila ia mengucapkan dua kalimah syahadat dan khatam 30 juz Al-Quran. Kemudian barulah datang Sheikh Ismail mengislamkan Merah Silu.

Dalam SM pula diceritakan bahawa Raja Tengah bermimpi Nabi Muhammad dan setelah sadar dari mimpinya ia terus terkhatan. Kedatangan sebuah kapal dari Jeddah membawa Syaid 'Abdu 'L-'Aziz yang mengislamkan Raja Tengah dan rakyatnya pun masuk agama Islam (lihat Winstedt, 1938: 83-84).

Apabila diteliti kedua-dua naskhah ini baik HRP mahupun SM ada menghu- rai atau menyenaraikan silih berganti raja-raja yang naik takhta atau mangkat (silsilah raja-raja).

Dalam HRP dan SM diceritakan mengenai riwayat hidup raja yang memerintah dan seolah-olah riwayat tersebut diceritakan mengenai biografinya. Sebagai contoh, dalam HRP ternyata riwayat hidup Sultan Malikul Saleh dan Sultan Ahmad lebih panjang diceritakan begitu juga halnya dalam SM riwayat hidup raja-raja memerintah diceritakan, seperti Sultan Mansur Syah, Sultan Mahmud Syah dan lain-lainnya.

PERSAMAAN KEDUA-DUA NASKHAH HRP DAN SM


Persamaan yang dapat diketengahkan di antara kedua-dua naskhah ini dapat juga ditinjau dari sudut isi ceritanya, di antaranya:

i. Cerita mengenai penaklukan atau peluasan negeri secara peperangan;

ii. Adanya tokoh-tokoh yang gagah, contohnya watak Tun Baim Bapa dalam HRP dan watak si Badang dalam SM;

iii. Wasiat, perjanjian dan pesan. Dalam HRP diceritakan Sultan Malikul Saleh ada memberikan wasiat kepada Sayid Amayud-din dan Syaid Ali Ghiatu'd-din (lihat Hill, 1960:65). Wasiatnya juga ditujukannya kepada cucunda-cucunda baginda (lihat Hill, 1960:66). Sultan Malikul Mahmud ada juga berpesan wasiat kepada anaknya Sultan Ahmad ketika baginda sakit (lihat Hill, 1960:73). Episod berwasiat atau perjanjian ini juga terdapat dalam SM, iaitu perjanjian antara Seri Teri Buana dengan Demang Lebar Daun (lihat Winstedt, 1938: 57). Cerita HRP dalam SM juga terdapat peristiwa berwasiat atau berpesan seperti pesanan Sultan Malikul Saleh (lihat Winstedt, 1938: 74) dan juga wasiat Sultan Malikul Thahir kepada anakandanya Sultan Ahmad (Winstedt, 1938: 79). Sultan Alaud-din juga membuat pesanan sebelum baginda mangkat (lihat Winstedt, 1938: 150).

Pasukan Angkatan Bersenjata benteng utama pertahanan negara



MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala dengan sebenar-benar takwa serta meningkatkan keimanan kita dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala apa-apa jua larangan-Nya.

Tarikh 31 Mei adalah tarikh yang bersejarah dan menjadi ristaan bagi Negara Brunei Darussalam dan generasi yang akan datang, tarikh tersebut adalah Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Tugas angkatan bersenjata adalah satu tugas yang murni yang berkewajipan untuk mempertahankan negara daripada segala pencerobohan musuh dan sebarang ancaman yang boleh menggugat keamanan dan kedaulatan negara.

Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam mempunyai pasukan angkatan bersenjata yang berkemampuan menjadi benteng utama kepada pertahanan negara. Dan kita sebagai rakyat dan penduduk di negara ini patut bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala dan berbangga kerana setakat ini angkatan bersenjata kita telah memberi sumbangan yang tidak ternilai harganya kepada keamanan dan juga kesejahteraan negara kita yang tercinta ini.

Tugas mempertahankan kedaulatan agama dan negara amat besar ganjarannya di sisi Allah Subhanahu Wataala. Seandainya kita gugur dalam menjalankan tugas insya-Allah kita akan mendapat pahala dari Allah Subhanahu Wataala.

Ini bertepatan dengan hadis Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud dari Muaz Radiallahuanhu Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

"Barangsiapa yang berperang di jalan Allah walaupun sebentar iaitu sekadar masa orang memerah susu unta, maka wajib baginya Syurga. Dan barangsiapa yang bermohon kepada Allah Subhanahu Wataala dengan bersungguh-sungguh untuk berjihad kemudian ia mati atau dibunuh, maka sesungguhnya baginya balasan syahid. Dan

barangsiapa terluka di jalan Allah atau ditimpa kemalangan, maka ia datang pada Hari Kiamat sederas darah yang mengalir ketika luka, warnanya seperti za'faran dan baunya bagaikan wangi kasturi." (Riwayat Al-Imam Abu Daud dan At-Tarmizi).

Dan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lagi dari Abi Hurairah Radiallahuanhu yang maknanya :

"Sesungguhnya di dalam Syurga itu ada seratus darjat yang disediakan Allah Subhanahu Wataala bagi orang yang berjihad

pada jalan Allah. Di antara satu darjat dengan darjat yang lain seperti di antara langit dan bumi."

Sesungguhnya kejayaan dalam medan pertempuran ataupun dalam mempertahankan negara, tidak hanya terletak kepada ramainya bilangan tentera

serta kelengkapan peralatan yang canggih sahaja, tetapi perlu juga kepada kekuatan dalamannya iaitu kekuatan mental, jiwa dan rohani. Inilah sikap yang patut ada pada diri seseorang perajurit. Dengan adanya semangat yang kuat, kental dan berani, tidak takut pada kekalahan dan kematian, tidak gentar menghadapi musuh dan tidak mudah putus asa, pasti dapat menjadikan mereka tentera yang berkualiti dan berdisiplin. Kekuatan hakiki tentera Islam itu bukanlah terletak dari segi keramaian tentera atau kecanggihan peralatan perangnya sahaja tetapi ber-sumber dari kekuatan iman dan ikhlas berjuang kerana Allah Subhanahu Wataala semata-mata dan ketaatan kepada ketua.

Jika kita imbas kembali kepada perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam mempertahankan agama Islam banyak perkara yang dapat kita jadikan iktibar dan contoh dalam kita menjalankan tugas sebagai anggota angkatan bersenjata. Antaranya seperti dalam Peperangan Badar, angkatan tentera Islam yang bilangannya lebih kecil yang hanya seramai 313 orang, dibandingkan dengan bilangan tentera Musyrikin Mekah

yang seramai 1,000 orang, tetapi dengan keimanan yang kuat, keikhlasan dalam berjihad dan banyak berdoa kepada Allah Subhanahu Wataala dan sentiasa berzikir dan bersatu hati dalam mempertahankan agama dan negara, akhirnya tentera Islam dapat menghalang tentera Musyrikin di dalam Peperangan Badar tersebut. Walaupun tentera Musyrikin lebih ramai bilangannya disertai dengan kelengkapan yang mencukupi.

Ingatlah bahawa apa yang penting juga ialah peranan dan kebijaksanaan ketua dalam mengatur strategi peperangan, di samping mendapat bantuan daripada Allah Subhanahu Wataala inilah contoh atau formula yang sangat-sangat diperlukan untuk ditanamkan ke dalam setiap jiwa anggota angkatan bersenjata Negara Brunei Darussalam bagi menjaga dan memastikan keamanan negara, kesentosaan dan kestabilan hidup rakyatnya sentiasa terjamin.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali-Imran ayat 160 yang tafsirnya:

"Jika Allah menolong kamu mencapai kemenangan maka tidak ada siapa pun yang akan dapat menghalang kamu dan jika Allah tidak memberikan pertolongan kepada kamu, maka siapakah yang akan

dapat menolong kamu sesudah Allah menetapkan yang demikian? Dan ingatlah pada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman itu berserah diri."

Oleh itu, dalam kita memperingati hari ulang tahun angkatan bersenjata ini, para anggota tentera sekalian wajiblah mempertingkatkan keimanan dan memperbanyakkan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wataala, berwaspada dan sentiasa mengharap keredaan Allah Subhanahu Wataala. Dengan niat yang suci, bekerja dengan jujur dan sentiasa mengikut ajaran agama Islam, maka sudah pasti perkhidmatan tersebut akan mendapat perlindungan, keredaan, pertolongan dan ganjaran daripada Allah Subhanahu Wataala dan seterusnya agama, bangsa dan negara akan selamat dan terpelihara.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Anfaal ayat 45 yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu bertemu dengan suatu pasukan musuh maka hendaklah kamu tetap teguh menghadapinya dan sebutlah serta ingatlah Allah dengan berdoa banyak-banyak, supaya kamu berjaya mencapai kemenangan."

وقت سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحي

وقت ۲ سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحي باگي دائره بروني خان موارا مولاي دري هاري رايو، 4 ربيع الآخر، 1424 برسمان دشن 4 جون، 2003 هينگك كهاري ثلاث، 10 ربيع الآخر، 1424 برسمان دشن 10 جون، 2003 اذاله سفرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحى	مسيحي
ربيع الآخر									
4	12.20	3.45	6.30	7.46	4.33	4.43	6.06	6.31	جون
5	12.20	3.45	6.30	7.46	4.33	4.43	6.06	6.31	
6	12.20	3.45	6.31	7.46	4.33	4.43	6.06	6.31	
7	12.20	3.45	6.31	7.46	4.33	4.43	6.06	6.31	
8	12.20	3.46	6.31	7.47	4.33	4.43	6.06	6.31	
9	12.20	3.46	6.31	7.47	4.33	4.43	6.06	6.32	
10	12.21	3.46	6.32	7.47	4.33	4.43	6.07	6.32	

وقت ۲ سمبھيغ باگي دائره تونوغ ديمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت ديمبه تيگ مينيت، سمبھيغ فرض جمعة دسلورو نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 نغاري.

BARANGSIAPA yang berperang di jalan Allah walaupun sebentar iaitu sekadar masa orang memerah susu unta, maka wajib baginya Syurga. Dan barangsiapa yang bermohon kepada Allah Subhanahu Wataala dengan bersungguh-sungguh untuk berjihad kemudian ia mati atau dibunuh, maka sesungguhnya baginya balasan syahid. Dan barangsiapa terluka di jalan Allah atau ditimpa kemalangan, maka ia datang pada Hari Kiamat sederas darah yang mengalir ketika luka, warnanya seperti za'faran dan baunya bagaikan wangi kasturi.

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'alaa Aalihi Wasahbihi Waman Walah.

BERBUAT BAIK KEPADA IBU BAPA YANG TELAH MENINGGAL

BERBUAT baik kepada ibu bapa bukan setakat berbuat baik sewaktu mereka masih hidup, malahan mestilah berterusan walaupun mereka sudah meninggal dunia. Sifat anak yang salih, anak yang taat kepada kedua ibu bapa tidak akan mudah luput dari dirinya kenangan jasa ibu bapanya. Dia akan tetap berbakti dan membalas jasa mereka sedaya mungkin walaupun mereka sudah meninggal dunia.

Pelbagai cara boleh dibuat untuk mencurahkan bakti dan ihsan kepada ibu bapa yang sudah meninggal dunia, di antaranya ialah:

1) Menyempurnakan urusan jenazah mereka dengan sebaiknya menurut tuntutan syarak bermula daripada memandikan, mengkafkan, menyembahyangkan sehingga sempurna mereka disemadikan. Anak perlu turut serta dalam hal-hal urusan jenazah ibu bapanya. Bukan setakat mengharap orang lain untuk menyempurnakannya. Agak malang anak itu jika tidak dapat atau tidak mahu ikut serta menyempurnakan jenazah ibu bapanya.

2) Berdoa untuk arwah ibu bapa dengan

Bilangan 159 Bahagian Kedua

memohonkan keampunan kepada Allah Subhanahu Wataala. Misalnya dengan berdoa yang maksudnya:

"Tuhanku! Ampunilah aku dan kedua ibu bapaku serta kasihnilah mereka berdua sebagaimana mereka telah mengasihani aku semasa aku masih kecil."

Ini adalah kerana mendoakan ibu bapa itu merupakan di antara ciri-ciri anak yang salih dan dengan mendoakan mereka dengan keampunan akan memberi manfaat kepada mereka semasa di alam barzakh. Apa lagi yang mereka harapkan selepas meninggalkan dunia? Tidak lain yang dapat membantu mereka kecuali doa anak-anak yang mewarisi mereka. Sabda Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Apabila seorang manusia mati terputuslah daripadanya amalannya melainkan tiga: Melakukan sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan atau anak yang salih yang mendoakan untuknya."

DERHAKA KEPADA IBU BAPA MENEMPA KEMURKAAN ALLAH

(Hadis riwayat Muslim).

Darjat ibu bapa pada Hari Kiamat akan terangkat di sisi Allah Taala disebabkan doa seorang anak yang memintakan ampun atas dosa-dosa mereka. Hal ini telah diterangkan melalui apa yang telah diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Sesungguhnya seseorang itu diangkat darjatnya di dalam Syurga, lalu dia berkata: Dari manakah semua ini?" Maka dikatakan kepadanya: Dari anakmu yang memintakan ampun untukmu." (Hadis riwayat Ibnu Majah).

Namun perlu diingat, jika sekiranya ibu bapa yang meninggal itu terdiri daripada orang bukan Islam maka adalah dilarang untuk mendoakan keampunan bagi mereka. Ini adalah berdasarkan firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Tidaklah dibenarkan bagi Nabi dan orang-orang yang beriman, meminta ampun bagi orang-orang musyrik, sekalipun orang itu kaum kerabat sendiri, sesudah nyata bagi mereka bahawa orang-orang musyrik itu

adalah ahli Neraka." (Surah At-Taubah, ayat 113).

3) Melaksanakan atau menyempurnakan janji atau wasiat yang telah dibuat oleh arwah ibu bapa semasa mereka hidup.

4) Memuliakan orang-orang yang dahulunya menjadi sahabat karib atau teman arwah ibu bapa. Diriwayatkan di dalam hadis sahih daripada Ibnu Umar Radiallahuanhuma beliau berkata yang maksudnya:

"Aku mendengar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya termasuk perbuatan paling baik ialah seseorang yang meneruskan silaturahmi (hubungan baik) dengan sahabat baik ayahnya sesudah ayahnya meninggal dunia." (Hadis riwayat Muslim).

Cara berbuat baik kepada kedua ibu bapa seperti yang tersebut di atas merupakan petunjuk yang diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Perkara ini jelas sebagaimana yang diriwayatkan daripada Abu Usaid Radiallahuanhu, beliau berkata yang maksudnya:

"Ketika kami di sisi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam datang seorang laki-laki dari kaum Bani Salamah, lalu dia bertanya: Wahai Rasulullah! Masih adakah sesuatu kebaikan yang boleh saya kerjakan untuk kedua ibu bapa saya sesudah keduanya meninggal dunia? Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab: Ya, (iaitu): mengerjakan sembahyang ke atas keduanya, memohon

keampunan bagi keduanya, melaksanakan janji keduanya sesudah (meninggal) keduanya, menghubungkan tali silaturahmi yang terhubungkan kecuali kerana jasa keduanya dan memuliakan teman-teman keduanya." (Hadis riwayat Abu Daud).

5) Menziarahi kubur mereka. Menziarahi kubur merupakan perkara yang disunatkan mengikut hukum syarak khususnya bagi kaum laki-laki. Apatah lagi menziarahi kubur kedua-dua orang tua kita. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri pergi menziarahi pusara ibu Baginda, sungguhpun ibu Baginda itu tidak sempat beriman dengan agama Islam. Ini jelas sebagaimana yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, beliau berkata yang maksudnya:

"Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menziarahi kubur ibu Baginda, lalu Baginda menangis dan membuat orang-orang di sekitar Baginda menangis. Kemudian Baginda bersabda: Aku minta izin kepada Tuhanku Yang Maha Mulia dan Maha Agung untuk menziarahi kuburnya (ibu Baginda), lalu Allah mengizinkan.

kanku. Aku minta izin kepada-Nya untuk minta ampun baginya, akan tetapi tidak diizinkan-Nya. Oleh itu, ziarahilah kubur, kerana sesungguhnya ia mengingatkan kepada mati." (Hadis riwayat Muslim).

Berdasarkan hadis di atas, Al-Imam An-Nawawi Rahimahullahu Taala menjelaskan bahawa harus hukumnya menziarahi orang-orang bukan Islam semasa hidup mereka dan kubur-kubur mereka selepas mereka mati.

Oleh itu, bagi orang yang mempunyai kedua-dua ibu bapa atau salah seorang daripada mereka tidak beragama Islam, tidak ada tegahan ke atasnya untuk menziarahi pusara ibu bapanya yang tidak beragama Islam itu. Sekadar menziarahi tidak menjadi kesalahan dari segi syarak, akan tetapi jangan sampai mendoakan bagi mereka keampunan, kerana Allah melarang orang Islam mendoakan keampunan bagi orang bukan Islam.

Bersambung

Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja

JALAN TUTONG, 20 Mei. - Kira-kira 200 anggota kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mengadakan Majlis Bertahlil khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit di Kubah Makam

Oleh Samle HJ

Diraja, hari ini di sini.

Majlis berkenaan merupakan salah satu acara sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-42 ABDB.

Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar

Jeneral Haji Awang Halbi bin Haji Md. Yusoff hadir bagi mengetuai majlis berkenaan.

Pegawai Agama Kanan Kementerian Pertahanan, Ustaz Ruslan bin Haji Sulaiman mengepalai bacaan surah dan doa tahlil.

ABDB telah menyusun beberapa aktiviti menarik sempena sambutan berkenaan yang bermula 31 Mei.



MAJLIS Penutup Dikir Maulud diadakan di Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD) baru-baru ini. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Penutup Dikir Maulud di UBD

KAMPONG RIMBA, 13 Mei. - Majlis Dikir Maulud yang diadakan selama 12 malam berturut-turut di Masjid Universiti Brunei (UBD) malam ini berakhir dengan majlis penutup.

Majlis tersebut dihadiri

Oleh Abdullah Asgar

oleh Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman selaku tetamu kehormat yang diadakan selepas Sembahyang Fardu

Isyak berjemaah, kemudian dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah oleh tetamu kehormat.

Selepas itu disusuli dengan ucapan Pengerusi diikuti Ceramah Maulud yang disampaikan oleh

Awang Haji Sarbini bin Haji Matahir.

Setelah itu diteruskan dengan bacaan Dikir Marhaban sebagai menandakan berakhirnya Dikir Maulud yang diadakan 12 malam di masjid itu.



MAJLIS Bertahlil khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit di Kubah Makam Diraja. - Gambar oleh Harun HR.



MEMPERKASA BELIA LEPASAN SEKOLAH



BENGKEL ... Awang Haji Timbang menunjuk cara penulisan berita dalam Bengkel Amali Asas-asas Penulisan Berita.



PEGAWAI-PEGAWAI dari Jabatan Perhutanan ketika memberikan ceramah kepada para peserta.



PARA pegawai dari Jabatan Belia dan Sukan memberikan ceramah mengenai Cabaran dan Peluang Ke Arah Membangun dan Memperkasa Belia.

JABATAN Penerangan melalui Bahagian Hubungan Kemasyarakatan dan Kengawasan merancang beberapa strategi, program dan tindakan susulan yang bersesuaian selaku fasilitator ke arah menggerakkan dan memperkasa golongan belia, terutamanya lepasan sekolah agar mereka dapat berdikari dan bersemangat waja dalam menangani cabaran semasa dalam pelbagai bidang.

Belia yang mempunyai semangat patriotisme, berpegang teguh kepada ajaran agama, berdisiplin, berilmu, berkemahiran, dedikasi dan berinovasi bukan sahaja akan mampu berdikari, malah akan dapat membantu pembangunan bangsa dan negara.

Ke arah itu Jabatan Penerangan telah menganjurkan Program Info Belia selama tiga hari bagi Daerah Temburong bertemakan 'Belia Berilmu Negara Maju' dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong, Jabatan Pendidikan Kurikulum dan Jabatan Belia dan Sukan pada 8 hingga 11 Mei lepas bertempat di Dewan Muafakat, Kompleks Jabatan-Jabatan Kerajaan Daerah Temburong.

Program yang dibuka rasmi oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut, disertai oleh 24 belia lepasan sekolah, diisikan dengan Ceramah

Oleh
Sahari Akim

dan Bengkel Amali Asas-asas Penulisan Berita yang disampaikan oleh Awang Haji Timbang bin Bakar, Ketua Bahagian Akhbar, Jabatan Penerangan; Teknik Asas Fotografi dan Praktikal Penggambaran Di Luar disampaikan dan ditunjuk cara oleh Awang Haji Mohd. Haranadi bin Haji Buntar, Ketua Bahagian Fotografi, Jabatan Penerangan.

Sepanjang program para peserta juga berpeluang mengikuti ceramah Mengenal Pasti Potensi/Kerjaya Dalam Eko-Pelancongan di Daerah Temburong yang disampaikan oleh Awang Metussin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba, Pengerusi Pusat Maklumat Pelancongan Daerah Temburong.

Selain itu mereka juga mengikuti ceramah Cabaran dan Peluang Ke Arah Membangun dan Memperkasa Belia yang disampaikan oleh wakil dari Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan ceramah bertajuk Peluang Perusahaannya disampaikan oleh Awang Mardani bin Haji Mahadi, Pegawai Perhutanan, Jabatan Perhutanan.

Antara objektif program ialah memberikan kemahir-

PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jawatan-kuasa dan para peserta Program Info Belia Daerah Temburong.



PENGERUSI Pusat Maklumat Pelancongan Daerah Temburong memberikan ceramah kepada para peserta Program Info Belia.



AWANG Haji Mohd. Haranadi ketika menyampaikan ceramah Teknik Asas Fotografi dan Penyuntingan Gambar Bagi Berita dan Rencana.

an asas penulisan dan penyuntingan berita serta asas fotografi, memberikan maklumat dan membuka peluang pekerjaan dalam bidang pelancongan, menggiatkan golongan belia bergerak aktif selaras dengan cita-cita dan aspirasi negara serta menamakan semangat cintakan raja, bangsa, agama dan negara.

Program bertujuan membantu belia lepasan sekolah menengah dan pengajian tinggi yang belum bekerja dengan memberikan latihan dan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu, supaya mereka akan dapat berdikari atau memilih kerjaya yang bersesuaian baik di sektor kerajaan atau swasta.



SEBAHAGIAN para peserta yang mengikuti Program Info Belia Bagi Daerah Temburong.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Semaikan sikap memenuhi undang-undang, peraturan dalam masyarakat

UNDANG-UNDANG dan peraturan diwujudkan bertujuan untuk menentukan keselamatan dan kestabilan negara sentiasa terkawal dan terjamin. Ia juga bertujuan untuk memberikan kesejahteraan dan kesejahteraan kepada rakyat dan penduduk yang tinggal dalam sesebuah negara, selain masyarakat luar yang bermastautin atau melawat ke negara tersebut.

Selain dari itu undang-undang dan peraturan juga dikuatkuasakan bukan sahaja untuk menjaga kepentingan manusia, malah perkara-perkara yang berhubung kait dengan alam persekitaran, haiwan dan benda serta sebagainya.

Oleh yang demikian undang-undang dan peraturan adalah perkara penting

dan sangat diperlukan untuk memastikan wujudnya keamanan, keselamatan, keharmonian dan kesejahteraan dalam kehidupan berbangsa dan bernegara. Tanpa undang-undang dan peraturan manusia akan hidup seperti 'di zaman batu'. Mereka bebas melakukan apa sahaja seperti melakukan perbuatan-perbuatan jenayah, kezaliman atau yang melanggar hukum agama, tatasusila dan budaya.

Hanya dengan adanya undang-undang dan peraturanlah kita dapat menjalani kehidupan secara teratur dan selesa. Undang-undang dan peraturan juga merupakan alat untuk mencegah dari berlakunya sebarang perbuatan negatif yang tidak diinginkan kerana setiap perbuatan yang melanggar

undang-undang pasti akan menerima hukuman yang setimpal.

Apa yang penting ialah setiap lapisan rakyat dan penduduk perlu patuh kepada undang-undang dan peraturan di samping memahami dan menghayati akan matlamat dan tujuannya dikuatkuasakan. Hanya dengan kefahaman dan penghayatan sahajalah akan melahirkan keinsafan kepada kita untuk mentaati undang-undang dan tidak melakukan sebarang perlakuan yang menyalahinya.

Bayangkan apa akan terjadi kepada umat manusia tanpa undang-undang dan peraturan. Kezaliman, maksiat, pembunuhan, rogol, samun, rompakan dan sebagainya akan dilakukan sewenang-wenangnya oleh

penjenayah. Tetapi dengan kawalan undang-undang dan peraturan tertentu seseorang akan berfikir banyak kali sebelum melakukan sesuatu sama ada menyalahi undang-undang ataupun tidak.

Sebenarnya undang-undang dan peraturan juga membantu meningkatkan disiplin diri seseorang. Contoh yang paling mudah umpamanya undang-undang dan peraturan jalan raya sentiasa mengingatkan kita supaya memandu kenderaan mengikut had laju, memandu atau berhenti di tempat yang betul serta mematuhi tandatangan jalan, lampu trafik dan sebagainya. Dari segi masyarakat dan bersopan santun kita juga perlu menghormati dan memastikan keselamatan memandu-pemandu dan pengguna-peng-

guna jalan raya yang lain.

Undang-undang dan peraturan juga dikuatkuasakan supaya persekitaran sentiasa bersih dan sihat. Kita dilarang membuang sampah merata-rata, dilarang memotong pokok atau memburu binatang yang terkawal supaya tidak pupus. Kawalan juga dibuat supaya meruntuh bukit atau menembok tanah perlu mengikut peraturan supaya tidak berlaku tanah susur atau banjir. Semua itu untuk menentukan ekosistem persekitaran terkawal dan dapat dikekalkan demi kepentingan manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan.

Mungkin kesedaran terhadap undang-undang dan peraturan belum begitu dihayati oleh seseorang pihak yang mungkin menyifatkan sebagai suatu yang me-

nyusahkan. Sebaliknya peraturan-peraturan itu jika difahami sepenuhnya adalah sangat penting dalam menjaga dan mengawal kepentingan semua pihak.

Katakan hak dan kepentingan atau diri kita terancam oleh individu atau pihak tertentu maka bagaimanakah kita mempertahankan hak tersebut tanpa adanya undang-undang dan peraturan. Tanpanya sudah tentu keadaan akan menjadi kacau-kacir, kesejahteraan tidak akan dapat dinikmati dan masyarakat akan sentiasa berada dalam kebimbangan.

Ke arah itu masyarakat harus diberikan kesedaran terhadap pentingnya mematuhi undang-undang dan peraturan negara. Kesedaran itu harus disemaikan kepada

masyarakat di peringkat kanak-kanak lagi supaya kesedaran itu akan sentiasa tersemat dalam jiwa dan sanubari sepanjang hayat mereka.

Dalam hal ini semua pihak termasuk ibu bapa, guru-guru, pemimpin-pemimpin masyarakat, badan-badan bukan kerajaan perlu sentiasa memberikan penerangan dan kefahaman ke arah memupuk kesedaran masyarakat untuk mematuhi undang-undang dan peraturan negara.

Muhammad Khairul Ikhsan bin Jaya,
No. 18, Simpang 130,
Jalan Lugu,
Kampong Lugu, BG 2021.
No. k/p: 00-000130

DUNIA ini jika tidak berundang-undang dan beraturan tentunya akan menyebabkan kacau-bilau, kemusnahan dan kesengsaraan. Adakah ini yang kita mahukan? Dengan adanya undang-undang dan peraturan sekurang-kurangnya dapat menegakkan keadilan dan mengelakkan daripada pelbagai kegiatan yang tidak diinginkan berlaku seperti jenayah, gejala-gejala yang tidak sihat, budaya kencing dan unsur-unsur yang dianggap negatif yang boleh menjejaskan keselamatan dan kesejahteraan negara.

Setiap individu tidak kira siapa sahaja ingin hidup aman dan damai. Dengan mematuhi undang-undang dan peraturan yang termaktub untuk mengatasi perkara-perkara tersebut berlaku, keinginan tersebut akan tercapai.

Contoh saja di rumah kita sendiri. Ibu bapa pun ada peraturan yang harus dipatuhi oleh anak-anak. Ini adalah untuk menanamkan sikap patuh kepada peraturan dan disiplin, taat, saling menghormati dan bertoleransi supaya boleh membina sebuah keluarga yang harmoni dan aman damai. Jika tidak dipatuhi tentunya mereka akan berasa marah dan anak-anak akan didenda. Tidak hairanlah di dalam mahupun di luar rumah seperti di pejabat, sekolah, hospital, kedai-kedai, kita berhadapan dengan undang-undang dan peraturan.

Oleh sebab itu, negara kita mempunyai undang-undang dan peraturan yang ditetapkan yang harus kita patuhi untuk kesejahteraan hidup kita bersama. Jika kita menyalahgunakan kuasa dan tidak mengambil berat mengenai undang-undang dan peraturan kerajaan sudah tentunya akan melibatkan ketidakstabilan dan kesusahan dari mana-mana pihak dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Perkaranya bukan perkara yang remeh-temeh. Setiap individu yang tidak mematuhi menghadapi risiko yang tinggi dan semestinya hukuman akan diterima dengan sewajarnya.

Kita contohkan lagi kepada pemandu-pemandu di jalan raya yang kadang-

Patuhi undang-undang, peraturan demi kesejahteraan bersama

kadang tidak pandai bertolak ansur, sudah tentu mendatangkan masalah. Disebabkan tidak mematuhi peraturan jalan raya, mungkin akan terjadi kemalangan yang membabitkan pemandu lain. Bukankah ini mempengaruhi nyawa? Apa jua undang-undang dan peraturan yang telah termaktub tidak dipatuhi, tentunya kemarah-an, penyesalan dan rasa kecewa akan timbul. Jangan bersikap hanya tahu menuding jari sahaja pada orang lain. Kerjasama adalah penting.

Dengan mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan tidak ada ruginya. Walaupun sebahagian daripada kita menganggap peraturan yang dikenakan itu ketat, akan tetapi tujuannya adalah baik. Undang-undang dan peraturan yang termaktub itu mestilah ada asasnya dan mengikut akta-akta yang tertentu. Begitulah dengan tanggungjawab yang diamanahkan kepada penguatkuasa undang-undang dan peraturan supaya tidak menyeleweng dengan misi dan tujuan yang ditetapkan sebagai langkah keselamatan dan kesejahteraan penduduk di negara ini.

Jadi apakah yang perlu kita lakukan untuk mematuhi

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Patuhi Undang-Undang dan Peraturan Kerajaan'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Undang-undang, peraturan menjaga kemaslahatan masyarakat

NEGARA Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang mutlak dan berdaulat mempunyai perlembagaannya sendiri untuk mentadbir negara. Sebagai sebuah negara yang berkesultanan semenjak dari sultan terda-

hulu, pemerintahan negara ini berteraskan kepada raja yang memerintah dan kerajaan adalah jentera kepada pemerintahan. Segala undang-undang dan peraturan dalam negara ini yang Perlembagaan Negeri Brunei 1959 adalah jelas menunjukkan bahawa tuntutan untuk mentaati dan mematuhi adalah wajib.

Sebagai rakyat yang bernaung di bawah pemerintahan kerajaan adalah seharusnya terikat kepada undang-undang dan peraturan. Ini kerana untuk memelihara dan mengawasi pergerakan yang menyeleweng daripada kehendak negara dan masyarakat mahupun undang-undang dan peraturan.

Dari itu, pegangan masyarakat di negara ini sepatutnya bersedia dalam mentaatinya. Antara sebab kenapa ditekankan untuk mematuhi undang-undang dan peraturan ini adalah untuk menjaga kemaslahatan masyarakat umum dan memelihara kesejahteraan dan keselamatan negara. Dalam pada itu juga, kepercayaan masyarakat Brunei dengan etika dan moral, maka ini akan meningkatkan lagi semangat untuk tetap mematuhi segala perundangan dan peraturan yang dikuatkuasakan.

Walaupun demikian ada juga terdapat beberapa pihak tertentu yang kurang peka dengan perundangan dan peraturan kerajaan. Terjadinya demikian itu adalah akibat daripada ketidakfahaman dan ketidakpuasan

mahupun ketidakselesaan dalam mengamalkan atau mematuhi segala undang-undang dan peraturan. Pokok utama adanya undang-undang dan peraturan ini, secara langsung bukan untuk menyusahkan masyarakat pengamalinya malah membawakan impak yang cukup baik ke arah kesempurnaan bernegara dan berbangsa.

Sebaliknya jika tidak mengindahkan segala perundangan dan peraturan sudah tentunya adanya kewajaran mahupun kesesuaian mengenakan denda dan hukuman bagi memastikan bahawa denda dan hukuman demikian adalah sejajar dengan kesalahan yang dilakukan dan mengikut keadaan semasa.

Dengan itu, undang-undang dan peraturan kerajaan seharusnya sentiasa dipatuhi. Ini menunjukkan bahawa sikap peka masyarakat negara ini dalam sama-sama memegang peranan dalam bernegara. Kelemahan sebuah negara itu adalah bergantung kepada kesungguhan jentera kerajaan dalam merealisasikan harapan masyarakat mahupun negara. Bila undang-undang dan peraturan dikuatkuasakan bermakna setiap lapisan masyarakat untuk sentiasa mematuhi-nya demi keselamatan dan kesejahteraan bernegara dan berbangsa.

Awang Zulhili bin Haji Jaidin,
No. 21, Jalan 64, Skim Rancangan Perpindahan Negara, Lambak Kanan.
No. k/p: 00-265513

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Masyarakat Perlu Menguasai Teknologi Maklumat dan Komunikasi'. Tarikh tutup 12 Jun 2003.
2. 'Belia Jangan Terlalu Memilih Kerja'. Tarikh tutup 19 Jun 2003.
3. 'Kita Perlu Menjaga Kemudahan Awam Yang Disediakan'. Tarikh tutup 26 Jun 2003.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada:

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

Dayangku Mas Nani binti Pengiran Besar,
No. 13, Jalan 68, Simpang 33, Perpindahan Lambak Kanan.
No. k/p: 00-260072

REMAJA

IMPLIKASI

SALAH satu keistimewaan kita orang Melayu ialah keindahan dan kelembutan budi pekerti dan keindahan berbahasa, kerana nilai yang terpancar dari paduan kehidupan kita masyarakat Melayu bersulam dengan kekuatan pegangan beragama. Lantas menjadikan kita tergolong kepada golongan yang memiliki keelokan budi pekerti. Perubahan masa dan zaman yang kita lalui semakin hari semakin mengahkis keelokan dan keindahan tersebut. Kita dari sehari ke sehari semakin berdepan dengan pelbagai perkara yang mahu tidak mahu terpaksa kita hadapi yang sekali gus akan menyapakan warisan keindahan budi dan bahasa. Nilai dan ciri-ciri sedemikian sudah mulai diancam dan diakis lantaran perubahan pesat keadaan di sekeliling kita. Perubahan yang bukan sahaja membuka ikatan kongkongan hidup akan tetapi sekali gus menyingkap tirai kehidupan yang sudah tiada sempadan.

OLEH H. A. MANAP

Natijah dari keadaan yang berlaku dan kita lalui ini kita semakin ghairah untuk mengejar erti kemajuan sekali gus tanpa disedari telah merubah pola sikap dan pemikiran serta kehendak kita. Kemudahan teknologi masa kini mendedahkan kehidupan kita kepada keadaan yang lebih gawat lagi bila kita tidak dapat menyantuninya dengan rasional. Mangsa yang selalu menjadi 'capital' perubahan ini ialah anggota masyarakat yang masih rapuh dan baru berkembang mekar.

Namun perubahan yang berlaku tidak bererti kita hanya mengikut arus. Meskipun ia merubah kehidupan namun pendirian kita tidak semestinya mudah dipengaruhi oleh perubahan sosial yang merugikan. Di manakah silapnya bila keindahan budi dan kehalusan bahasa sudah semakin pudar dalam arus perubahan globalisasi yang tidak lagi bersempadan? Sukat-sukat dan batas kehormatan juga sudah semakin tidak lagi mendapat tempat di hati. Apakah ini yang akan dijadikan modal dalam membina masyarakat hadapan kita? Mungkin ini bukan calak yang dimahukan, yang jelasnya calak orang-orang kitani adalah yang sentiasa berawar galat dan saling hormat-menghormati antara satu dengan lain. Kehormatan seseorang dijaga dengan sebaiknya, cerca, hina-dina, umpat dan fitnah keji jauh dari bersarang dan bertapak di sanubari.

Keunggulan peribadi

yang elok tetap menjadi acuan dan calak kita, yang akan menjadi warisan untuk dijadikan utap menangkis gejala buruk dan tidak senonoh meskipun dunia berubah zaman. Rasanya tidak perlu kita terikut-ikut ke dalam lumpur yang bersalut erti perubahan, jika yang diwujudkan ialah corak pemikiran yang memesongkan. Contohnya ialah dengan adanya kemudahan teknologi internet yang menyediakan platform idea, telah banyak merubah pendirian dan cara orang-orang kitani berfikir, meski sedikit tetapi ia adalah cermin masyarakat. Kemudahan teknologi masa kini merupakan perubahan besar dan kecepatan perubahan teknologi yang dapat kita nikmati dalam hayat kehidupan dunia moden.

Kerancangan perubahan dan kewujudan teknologi sedemikian ini mewujudkan fenomena baru dalam ruang lingkup kehidupan. Ia bukan sahaja membantu mempercepat urusan

pengaliran maklumat akan tetapi juga memperkaya ilmu pengetahuan jika digunakan dengan sebaiknya. Justeru kehadirannya perlu ditangani dengan sebaik mungkin sebagai wadah ilmu dan kemudahan bermaklumat. Kita perlu menilai semula sejauh mana kemudahan ini kita pergunakan dengan sebaiknya. Jika kita tersalah guna ia akan menyempitkan pengertian kemudahan tersebut ke tahap yang boleh mengeret kita ke satu keadaan yang melembapkan kemajuan diri dan masyarakat. Kita tidak perlu menggadaikan pemikiran dan cara kita, semata-mata untuk menikmati kemajuan dan perubahan teknologi masa kini.

Jika kita menjadi pengguna yang tidak cekap, kita sudah pasti akan terikut-ikut terperangkap dengan pengalih pandangan kepada yang tidak bermanfaat. Kita tidak akan mendapat apa-apa, jika kemudahan seperti ini cuma digunakan bagi memuaskan kehendak dan melepaskan tempas sikap

yang keluturan keelokan budi. Kita tidak semestinya lupa keelokan budi dan bahasa kitani masih lagi disaluti perasaan berawar galat dan hormat-menghormati. Kita mesti kembali untuk mempertahankan kekukuhan nilai budi dan perangai, yang menjadi lambang warisan kita. Ini tidak bererti kita mesti tertinggal dengan suasana perubahan. Namun apa yang jelas meskipun perubahan tetap berlaku nilai yang ada pada kita mesti tetap bertahan. Seorang ulama pernah mengatakan meskipun air di lautan masin namun ikan yang berenang di dalamnya tidak akan berubah rasa. Hanya jika ikan itu dimasinkan setelah dibawa ke darat barulah ia berubah rasa. Maknanya perlukah kita menggadaikan maruah bangsa yang mempunyai keelokan budi dengan menggunakan kemudahan masa kini sebagai pelaksanaan kehendak yang tidak berfaedah. Hanya jauh hari jua yang mengenal makniam.

Masyarakat yang sayang kepada bangsanya

sendiri dan masyarakat sekelilingnya sahaja yang mampu untuk muncul sebagai golongan yang bertahan dengan identitinya meskipun pelbagai perkara datang melanda.

Nyatanya, yang elok itu tetap budi dan yang indah itu bahasa yang akan terus menjadi sanjungan diri, dan melahirkan insan bertakwa dan kukuh imannya.

INAYAH

TUJUH GOLONGAN DINAUNGI ALLAH

DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu daripada Nabi (Muhammad) Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Ada tujuh golongan yang Allah akan memberi naungan, pada hari yang tiada satu naungan melainkan hanya naungan-Nya iaitu pemimpin yang adil, pemuda yang dalam masa mudanya beribadat kepada (Allah), lelaki yang hatinya sentiasa ingat dengan masjid (beribadat), dua orang yang saling mencintai pada (jalan) Allah, hanya mengharap keredaan Allah keduanya berkumpul atas dasar demikian dan berpisah atas dasar demikian, seorang lelaki yang digoda oleh seorang perempuan yang berkedudukan tinggi dan cantik maka ia berkata: Sesungguhnya aku takut kepada Allah. Seorang lelaki yang memberi sedekah dan ia sembunyikan pemberiannya itu sehingga seolah-olah tangan kirinya tidak mengetahui apa yang disedekahkan oleh tangan kanannya. Seorang lelaki yang mengingati Allah dalam keadaan bersendirian, lalu bercucuran air matanya. (Kerana menginsafi dirinya, betapa kendilnya ia jika dibandingkan dengan kebesaran Allah Subhanahu Wataala)." (Riwayat Al-Imam Bukhari).

Dengan Kerjasama Jawatankuasa Kecil Media Menangani Isu Sosial

RBA LANCAR PROGRAM 'ROYAL SKIES'

Oleh Aliddin HM

JERUDONG, 15 Mei. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) hari ini melancarkan Program 'Royal Skies' bagi para penumpangnya yang kerap menggunakan perkhidmatan RBA.

Program tersebut dicipta sebagai tanda penghargaan kepada penumpang setia RBA, di samping memberi ganjaran istimewa kepada mereka.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah yang juga selaku Pengerusi RBA telah menyempurnakan pelancaran Program 'Royal Skies' yang berlangsung di Royal Berkshire and Polo Restaurant, Jerudong Park Polo Club.

Dato Paduka dalam ucapannya melahirkan rasa gembira kerana hari ini RBA berjaya melancarkan satu daripada pelbagai inisiatif yang terkandung dalam Pelan Strategik RBA yang dilancarkan bulan April lepas.

Dato Paduka berkata, Program 'Royal Skies' adalah satu produk yang sudah lama dinantikan oleh kebanyakan pelanggan RBA.

Di rantau Asia sudah terdapat banyak program sedemikian dilancarkan, bahkan kebanyakan syarikat penerbangan rantau ini telah memperkenalkannya sejak beberapa tahun yang lalu, tambah Dato Paduka.

Dato Paduka juga berkata, di sebalik cabaran-cabaran dan kerumitan yang dihadapi, RBA perlu maju ke hadapan dan ini adalah masanya untuk mempertingkatkan RBA sebagai sebuah syarikat yang moden yang mempunyai perniagaan kelas yang baru dan lautan baru adalah beberapa kemajuan yang dirancang bagi tahun depan dan seterusnya.

Antara keistimewaan utama yang ditawarkan oleh Program 'Royal Skies' ialah Generous Mileage yang memberikan ganjaran 500 Royal Skies Miles kepada pelanggan bagi mana-mana destinasi tanpa mengambil kira jarak jauh destinasi tersebut.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair selaku Pengerusi RBA ketika hadir di Majlis Pelancaran Program 'Royal Skies' di Jerudong Park Polo Club.

Kedua ialah Bonus Miles yang mengahdiahkan 1,000 Bonus Miles kepada pelanggan yang berdaftar untuk menjadi ahli Royal Skies.

Mereka yang menjadi ahli dan memiliki penerbangan sebelum 31 Disember tahun ini akan mendapat 6,000 Bonus

Miles mengikut kelas penerbangan masing-masing.

Tiada bayaran dikenakan untuk menjadi ahli Royal Skies dan setiap permohonan bagi keahlian Royal Skies boleh dibuat dengan mengisi borang yang boleh diperolehi di cawangan-cawangan Pejabat RBA dan keahlian mereka tidak akan mansuh

dengan syarat sekurang-kurangnya satu aktiviti direkodkan di dalam akaun dalam masa tiga tahun.

Majlis Pelancaran Program 'Royal Skies' itu diselenggarakan dengan Majlis Menandatangani Perjanjian antara Ketua Pegawai Eksekutif RBA, Peter Foster bersama wakil-wakil rakan kongsi Royal Skies.

Pengundian/pemilihan calon Ketua Kampong Wasan

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 Mei. - Pejabat Daerah Brunei dan Muara memaklumkan kepada para penduduk Kampong Wasan bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan bagi calon Ketua Kampong Wasan, Mukim Pengkalan Batu akan diadakan pada hari Khamis, 13 Rabiulakhir 1424 bersamaan 12 Jun 2003, di Dewan Sekolah Rendah Panglima Barudin, Limau Manis bermula jam 7.00 malam hingga 10.00 malam.

Oleh yang demikian, Pegawai Daerah Brunei

dan Muara memohon kerjasama daripada semua penduduk Kampong Wasan yang terdiri daripada warga Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap yang berumur 18 tahun ke atas dan tinggal bermastautin di kampung berkenaan untuk hadir di hari pemilihan dan pengundian dengan membawa kad pengenalan masing-masing.

Kehadiran penduduk-penduduk Kampong Wasan adalah sangat-sangat diharapkan dan diucapkan terima kasih.

Tiga sekeluarga memeluk Islam

Oleh
Abu Bakar HAR

TEMBURONG, 29 April.
- Sebuah keluarga yang terdiri dari tiga orang



SAYA mengaku bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan saya naik saksi bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah ... begitulah yang diucapkan oleh Dayang Siti Hawa di hadapan pegawai Pusat Da'wah Islamiah. - Gambar ihsan Pusat Da'wah Islamiah.

berbangsa Iban baru-baru ini mendapat seruan dan petunjuk ke jalan yang direndai apabila dengan ikhlas mereka mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan mereka naik saksi bahawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam itu pesuruh Allah.

Pengakuan tersebut terucap di Majlis Pengislaman bagi keluarga Awang Mambang anak Sanggau yang berlangsung di rumah kediaman beliau di Kampong Perpindahan Biang Baru di sini.

Di majlis itu beliau telah memilih nama Islamnya sebagai Muham-

mad Syukur bin Abdullah manakala isterinya memilih nama sebagai Dayang Siti Hawa binti Abdullah dan anak lelaki mereka memilih nama sebagai Muhammad Hilmi.

Majlis Pengislaman tersebut telah disempurnakan oleh pegawai Pusat Da'wah Islamiah dan disaksikan sendiri oleh Dato Seri Setia Awang Haji Adam, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah yang kebetulan mengadakan lawatan bagi program penyerahan peralatan sukan bagi Pos Da'wah Kampong Selapon dan lawatan kerja ke Kampong Perpindahan Biang Baru di sini.



AWANG Mambang khusyuk mendengar penerangan oleh pegawai Pusat Da'wah Islamiah sebelum melafazkan ikrar Islamnya dan beliau memilih namanya sebagai Muhammad Syukur. - Gambar ihsan Pusat Da'wah Islamiah.

Adakan lawatan ke Daerah Temburong

Oleh
Abu Bakar HAR

TEMBURONG, 26 April.
- Beliau perlu mempunyai persediaan dan ketahanan diri terutama dalam menempuhi keadaan dan cabaran masa depan yang lebih mencabar, yang dibawa oleh arus dunia tanpa sempadan serta kemajuan teknologi infokomunikasi.

Oleh itu beliau juga diingatkan agar mempunyai persediaan sama ada fizikal, mental mahupun spiritual.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain menyatakan perkara tersebut di dalam ceramahnya yang bertajuk 'Patah Tumbuh

Hilang Berganti' di hadapan para beliau masjid Daerah Temburong.

Majlis yang berlangsung di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar merupakan antara atur cara lawatan Menteri Hal Ehwal Ugama ke Daerah Temburong selama dua hari.

Majlis yang bermula dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diakhiri dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah disusuli dengan Kuliah Subuh yang bertajuk Sukan Menurut Pandangan Islam pada keesokannya harinya.



YANG Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain sewaktu memberi nasihat kepada beliau-beliau masjid Daerah Temburong dalam ceramahnya yang bertajuk 'Patah Tumbuh Hilang Berganti'. - Gambar ihsan Pusat Da'wah Islamiah.



BERSEMANGAT ... Sebahagian para beliau ketika mendengar ceramah yang disampaikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama sejurus selepas Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah di Masjid Utama Mohammad Salleh. - Gambar ihsan Pusat Da'wah Islamiah.

Aspek kehidupan bernegara perlu ditanamkan

BERAKAS, 12 Mei. - Aspek kehidupan bernegara hendaklah ditanam, dibagikan dan disebarluaskan agar dengan pengetahuan tersebut, timbul kesedaran dan kefahaman meliputi pelbagai aspek kehidupan bernegara di Negara Brunei Darussalam.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Mas'ut dalam kata alu-aluan beliau mengenai Siri Ceramah Kenegaraan bagi kumpulan pendidik Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit yang diadakan di Jabatan Penerangan di sini.

Ceramah bertajuk 'Peranan dan Fungsi Jabatan Penerangan serta Struktur Pemerintahan dan Sistem Pentadbiran Kerajaan' disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Azman bin



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Mas'ut perlu ditanamkan kepada masyarakat. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Haji Abdul Rahim, manakala Penyiasat Kanan Biro Pencegah Rasuah, Awang Haji Raub bin Haji Mohd. Yassin menyampaikan ceramah mengenai 'Pencegahan Rasuah.'

Siri Ceramah Kenegaraan yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan antara lain bertujuan

Oleh
Siti Aishah HS

memantapkan perkhidmatan penerangan (cekap, berkesan, bermutu dan muhibah) serta ingin memasyarakatkan maklumat dan informasi agar masyarakat Brunei bermaklumat.

Ia juga berperanan menggerakkan dengan berkesan rangkaian-rangkaian atau jaringan-jaringan serta mengimbau dan mendidik masyarakat ke arah menghormati dan mengamalkan nilai-nilai luhur bangsa.

Seramai 36 orang pendidik dari sekolah berkenaan mengikuti ceramah tersebut yang juga membukakan sesi perbincangan bersama Pemangku Pengarah Penerangan mengenai isu gejala sosial dan tanggungjawab sosial siswazah kepada masyarakat dan negara.



Program seperti itu dihasratkan dapat meningkatkan peranan institusi pendidikan bagi melahirkan para intelektual untuk menjaga 'co-business' dalam membimbing persiapan generasi mendatang bagi menjadikan mereka orang Brunei yang berpegang dengan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) iaitu faham akan amalan dan agamanya yang menjadi cara hidup di Negara Brunei Darussalam.



KUMPULAN pendidik Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit bergambar ramai sejurus mendengar Siri Ceramah Kenegaraan di Jabatan Penerangan (atas). - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

SEORANG guru ketika mengajukan soalan di majlis tersebut (kiri). - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



**JABATAN
RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran: RTB/23/03

TAWARAN BAGI
PENGUBAHSUAIAN BILIK BALAI BERITA RTB

Syarat-syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi 'PENGUBAHSUAIAN BILIK BALAI BERITA RTB'.
2. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor, berdaftar dalam kelas II keatas kategori (4a) & 5(e) yang dikeluarkan oleh Kementerian pembangunan.
3. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Penolong Pengarah Kejuruteraan, Tingkat 6, Bangunan Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan, BS 8610, Negara Brunei Darussalam, dengan menunjukkan resit bayaran yuran berjumlah \$ 50.00 (tidak dikembalikan).
4. Tawaran ini hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang disediakan di dalam sampul surat yang tertutup rapi, dengan menyatakan :- Tawaran: "PENGUBAHSUAIAN BILIK BALAI BERITA RTB." Bilangan Tawaran: RTB/23/03 tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada:- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan tidak lewat dari hari Isnin, 9 Jun 2003, jam 2.00 petang.
5. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Bilangan Tawaran: RTB/24/03

Syarat-syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi 'SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION TESTING, INTEGRATION, RECONFIGURATION AND COMMISSIONING FOR THE EXPANSION OF PRESENT RTB RADIO STUDIOS KLOTZ DIGITAL'S AUDIO ROUTER SYSTEM'.
2. Tawaran ini hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang disediakan di dalam sampul surat yang tertutup rapi, dengan menyatakan :- Tawaran: "SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION TESTING, INTEGRATION, RECONFIGURATION AND COMMISSIONING FOR THE EXPANSION OF PRESENT RTB RADIO STUDIOS KLOTZ DIGITAL'S AUDIO ROUTER SYSTEM" Bilangan Tawaran: RTB/24/03 tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada:- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan tidak lewat dari hari Isnin, 9 Jun 2003, jam 2.00 petang.

ngan menyatakan :- Tawaran: "SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION TESTING, INTEGRATION, RECONFIGURATION AND COMMISSIONING FOR THE EXPANSION OF PRESENT RTB RADIO STUDIOS KLOTZ DIGITAL'S AUDIO ROUTER SYSTEM" Bilangan Tawaran: RTB/24/03 tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada:- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan tidak lewat dari hari Isnin, 16 Jun 2003, jam 2.00 petang.

3. Tiga salinan ceraihan bahagian teknikal tawaran berkenaan hendaklah dihantar kepada Pengarah, Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Stony, Bandar Seri Begawan BS 8610, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Penolong Pengarah Kejuruteraan, Tingkat 6, Bangunan Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan, BS 8610, Negara Brunei Darussalam, dengan menunjukkan resit bayaran yuran berjumlah \$ 50.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran: RTB/14/03

TAWARAN BAGI
DVB-T HEAD-END AND SDH/ATM BACKBONE

Syarat-syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi pembekalan, penghantaran, pemasangan dan ujian "DVB-T HEAD-END AND SDH/ATM BACKBONE" bersesuaian dengan keperluan am dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan.
2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup bertulis dengan TAWARAN "DVB-T HEAD-END AND SDH/ATM BACKBONE". No. Tawaran : RTB/14/03 tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan memasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 4 Ogos 2003.
3. Tiga salinan ceraihan bahagian teknikal tawaran berkenaan hendaklah dihantar kepada Pengarah, Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Stony, Bandar Seri Begawan BS 8610, Negara Brunei Darussalam U.P. : Jurutera Penguasa tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 4 Ogos 2003.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Penolong Pengarah Kejuruteraan, Tingkat 6, Bangunan Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan, BS 8610, Negara Brunei Darussalam, dengan yuran yang tidak dikembalikan sebanyak B\$200.00.



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran : BBSB/LTN/6/2003
hingga BBSB/LTN/9/2003

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-Syarikat dan Pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dibuat dalam dua salinan dan dihantar dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis Bilangan Tawaran serta tarikh tutup tawaran itu tanpa menunjukkan identiti pengirim. Dengan menyertakan salinan Pendaftaran Syarikat, surat tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti tawaran yang terdapat di Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
3. Nama Tawaran : UBAHSUAI BANGUNAN LETAK KERETA BER-TINGKAT JALAN CATOR, BANDAR SERI BEGAWAN.
4. MERAUK PULIH KEROSAKAN KEDAI TINGKAT SATU - BBSB/LTN/6/2003
5. PEMBEKALAN DAN PEMASANGAN ALAT PENG-HAWA DINGIN UNTUK KEDAI-KEDAI TINGKAT SATU - BBSB/LTN/7/2003
6. BENDAWAJAN API ELEKTRIK DI TINGKAT BAWAH (BUS STATION) DAN TINGKAT SATU - BBSB/LTN/8/2003
7. BAIK PULIH KEROSAKAN DEWAN SUKAN TINGKAT 5 (SPORT KOMPLEKS) - BBSB/LTN/9/2003

Tarikh tutup tawaran : Hari Isnin, 16 Jun 2003 jam 2.00 petang. Bayaran memasuki tender ialah sebanyak \$2,000 bagi setiap satu tawaran dan bayaran ini tidak akan dikembalikan kepada penender-pender. Bayaran hendaklah dibayar di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Bahagian Kewangan, Jabatan Bandaran, Tingkat 5, Bangunan Pusat Komersial dan Perdagangan Bumiputera, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

3. Spesifikasi dan dokumen tawaran bolehlah didapati dari Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, Tingkat 5, Bangunan Pusat Komersial dan Perdagangan Bumiputera, Jalan Cator, Bandar Seri Begawan semasa waktu pejabat dibuka.
4. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tawaran yang disebutkan tidak akan dilayan.
5. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.

Perhatian : Pemborong-pemborong yang menghantar tawaran hendaklah menyertakan bersama salinan Sijil Perniagaan (Business Names Of Enactment Section 16 & 17) atau List Of Directors.



**KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA**

**PEGAWAI URUSAN HAJI (Bilangan Kod : 000 00 001)
(DI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA)
Tanggagaji : C3 E4 (\$1,990 - \$2,620)**

Syarat-Syarat Kelulusan :

- a) i) Mempunyai Sijil Diploma Pengajian Islam atau yang sebanding dengannya yang dikeluarkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Atau
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Penolong Pegawai Urusan Haji atau Jawatan-Jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya 5 tahun.
- b) Mempunyai pengalaman yang luas dalam pengurusan haji.

Tugas dan Tanggungjawab :

1. Menguruskan pengendalian proses pendaftaran bagi jemaah haji Negara Brunei Darussalam setiap tahun.
2. Memastikan semua logistik pengurusan haji adalah cukup dan baik untuk di tanah air mahupun di luar negeri.
3. Mengemaskinikan bahan-bahan pameran haji.
4. Mengkoordinasikan daripada pihak Pengarah dan Penolong Pengarah untuk bertugas dalam semua daerah atau bertugas di Tanah Suci.

Nota :

1. Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sangat baik bagi tempoh 3 tahun sebelumnya.

Am

Sila ambil perhatian bahawa suatu tindakan telah dimulakan terhadap kamu dalam Mahkamah yang tersebut di atas oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di mana tuntutan Plaintiff ialah berkaitan dengan bayaran telefon seperti berikut sebanyak \$3,710.73, faedah pada kadar 6% setahun mulai dari tarikh penghakiman hingga bayaran penuh, kos dan, sebarang pelepasan lain yang mungkin dianggap patut dan wajar oleh Mahkamah ini dalam hal keadaan tersebut.

Dan bahawa telah diperintahkan supaya penyampaian Saman dalam tindakan ini kepada kamu dilakukan dengan melekatkan satu salinan Notis dan Perintah Penyampaian Ganti bersama dengan satu salinan Saman di alamat yang terakhir diketahui dan juga melalui pemberitahuan ini di satu keluaran PELITA BRUNEI dan bahawa penyampaian tersebut hendaklah dianggap sebagai penyampaian yang sah dan mencukupi bagi prosiding terhadap kamu.

Tindakan tersebut akan didengar di Mahkamah, Majistret, Kuala Belait, pada 19 Jun 2003 jam 9.00 pagi, pada hari itu kamu hendaklah hadir dan jika kamu tidak hadir pada masa dan tempat yang disebutkan di atas, perintah tersebut akan dibuat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

Bertarikh pada hari ini 21 April 2003.

Notis Pemberitahuan menurut Perintah Penyampaian Ganti ini dikeluarkan oleh Jabatan Peguam Negara, Peguambela dan Peguamcara bagi Plaintiff yang tersebut di atas, yang alamat penyampaiannya di Jabatan Peguam Negara, Bangunan Undang-Undang, Bandar Seri Begawan BA 1910, Negara Brunei Darussalam.

SAMAN BIL : 16 TAHUN 2003

DI ANTARA

KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PUERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM Plantif

DAN

AWG HJ SAMSUDDIN BIN LAMIT ... Defendan

NOTIS PEMBERITAHUAN MENURUT PERINTAH PENYAMPAIAN GANTI

KEPADA : Awg Hj Samsuddin bin Lamit, alamatnya yang terakhir diketahui ialah di No. 15, Spg 63, STRKJ, Kg Mumong, Kuala Belait KA 1531, Negara Brunei Darussalam.

Sila ambil perhatian bahawa suatu tindakan telah dimulakan terhadap kamu dalam Mahkamah yang tersebut di atas oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di mana tuntutan Plaintiff ialah berkaitan dengan bayaran telefon seperti berikut sebanyak \$430.68, faedah pada kadar 6% setahun mulai dari tarikh penghakiman hingga bayaran penuh, kos dan, sebarang pelepasan lain yang mungkin dianggap patut dan wajar oleh Mahkamah ini dalam hal keadaan tersebut.

Dan bahawa telah diperintahkan supaya penyampaian Saman dalam tin-

dakan ini kepada kamu dilakukan dengan melekatkan satu salinan Notis dan Perintah Penyampaian Ganti bersama dengan satu salinan Saman di alamat yang terakhir diketahui dan juga melalui pemberitahuan ini di satu keluaran PELITA BRUNEI dan bahawa penyampaian tersebut hendaklah dianggap sebagai penyampaian yang sah dan mencukupi bagi prosiding terhadap kamu.

Tindakan tersebut akan didengar di Mahkamah, Majistret, Kuala Belait, pada 19 Jun 2003 jam 9.00 pagi, pada hari itu kamu hendaklah hadir dan jika kamu tidak hadir pada masa dan tempat yang disebutkan di atas, perintah tersebut akan dibuat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

Bertarikh pada hari ini 21 April 2003.

Notis Pemberitahuan menurut Perintah Penyampaian Ganti ini dikeluarkan oleh Jabatan Peguam Negara, Peguambela dan Peguamcara bagi Plaintiff yang tersebut di atas, yang alamat penyampaiannya di Jabatan Peguam Negara, Bangunan Undang-Undang, Bandar Seri Begawan BA 1910, Negara Brunei Darussalam.

SAMAN BIL : 15 TAHUN 2003

DI ANTARA

KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PUERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM Plantif

DAN

AK SHAHFREE BIN PG DAMIT ... Defendan

NOTIS PEMBERITAHUAN MENURUT PERINTAH PENYAMPAIAN GANTI

KEPADA : Ak Shahfree bin Pg Damit, alamatnya yang terakhir diketahui ialah di No. 351, Lot 4020, Kg Lumut, Spg 349, Lumut KC 3131, Seria.

Sila ambil perhatian bahawa suatu tindakan telah dimulakan terhadap kamu dalam Mahkamah yang tersebut di atas oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di mana tuntutan Plaintiff ialah berkaitan dengan bayaran telefon seperti berikut sebanyak \$739.43, faedah pada kadar 6% setahun mulai dari tarikh penghakiman hingga bayaran penuh, kos dan, sebarang pelepasan lain yang mungkin dianggap patut dan wajar oleh Mahkamah ini dalam hal keadaan tersebut.



DI DALAM MAHKAMAH TINGGI BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 10/2003

STANDARD CHARTERED BANK Pemiutang Penghakiman/-Pemetisyan

DAN

MUSTAPA BIN HAJI YUSOF (BYIC No. 078453) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa suatu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 15 Mei 2003. Nama dan alamat terakhir diketahui : Mustapa bin Haji Yusof, No. 4, Jalan 12, Perumahan Lambak Kanan BC 2915, Negara Brunei Darussalam. Tarikh Petisyen : 6 Mac 2003. Bertarikh : 21 Mei 2003.

RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 65/1999

AMERICAN EXPRESS INTERNATIONAL, INC. Pemiutang Penghakiman/Pemetisyan

LAWAN

EMMANUEL MONDAY ONOS (Nigerian Passport No. B992698) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa suatu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 2 Jun 2001. Nama dan alamat terakhir diketahui : EMMANUEL MONDAY ONOS, c/o Salsiah & Sons (B) Sdn. Bhd., TOL 1754, Lorong Setia Diraja, Kampong Sungai Duhong, Kuala Belait 6085, Brunei Darussalam. Tarikh Petisyen : 16 September 1999. Bertarikh : 14 April 2003.

RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 92/2002

BAIDURI FINANCE BERHAD Pemiutang Penghakiman/Pemetisyan

LAWAN

1. ZULKIFLI BIN NORSHAHBUDIN [BYIC NO. 266558]
2. ROSINAH BTE HJ SUDIN/HJ SAMSUDIN [ABDB NO. 262281] Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa suatu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 23 Januari 2003. Nama dan alamat Bankrap : Zulkifli bin Norshahbudin [BYIC NO. 266558] Rosinah bte Hj Sudin/Hj Samsudin [ABDB NO. 262281] FF7, Jalan Bunga Mawar, Jalan Muara Camp B, Bandar Seri Begawan BT 1128, Brunei Darussalam. Tarikh Petisyen : 16 September 2002. Bertarikh : 16 April 2003.

AWANG HAIROLARNI BIN HAJI ABDUL MAJID - Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 106/2002

BAIDURI FINANCE BERHAD Pemiutang Penghakiman/Pemetisyan

LAWAN

1. SEBRIAH BINTI HJ SU [BYIC NO. 040126]
2. BRIAN LUNN [BGIC NO. 040126] Penghutang Penghakiman/-Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa suatu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 8 Mei 2003. Nama dan alamat Bankrap : 1. Sebrah binti Hj Su 2. Brian Lunn, Lot 2923, Simpang 392, Jalan Singa Menteri, Kuala Belait, Brunei Darussalam. Tarikh Petisyen : 23 Desember 2002. Bertarikh : 21 Mei 2003.

RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

b) Semua si piutang-si piutang kepada nama Penghutang/Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan secepat mungkin.
c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Penghutang/Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

oleh Mahkamah ini dalam hal keadaan tersebut.

Dan bahawa telah diperintahkan supaya penyampaian Saman dalam tindakan ini kepada kamu dilakukan dengan melekatkan satu salinan Notis dan Perintah Penyampaian Ganti bersama dengan satu salinan Saman di alamat yang terakhir diketahui dan juga melalui pemberitahuan ini di satu keluaran PELITA BRUNEI dan bahawa penyampaian tersebut hendaklah dianggap sebagai penyampaian yang sah dan mencukupi bagi prosiding terhadap kamu.

Tindakan tersebut akan didengar di Mahkamah, Majistret, Kuala Belait, pada 19 Jun 2003 jam 9.00 pagi, pada hari itu kamu hendaklah hadir dan jika kamu tidak hadir pada masa dan tempat yang disebutkan di atas, perintah tersebut akan dibuat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

Bertarikh pada hari ini 21 April 2003.

Notis Pemberitahuan menurut Perintah Penyampaian Ganti ini dikeluarkan oleh Jabatan Peguam Negara, Peguambela dan Peguamcara bagi Plaintiff yang tersebut di atas, yang alamat penyampaiannya di Jabatan Peguam Negara, Bangunan Undang-Undang, Bandar Seri Begawan BA 1910, Negara Brunei Darussalam.



DI DALAM MAHKAMAH BESAR BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 10/2003

STANDARD CHARTERED BANK Pemiutang Penghakiman/-Pemetisyan

DAN

MUSTAPA BIN HAJI YUSOF (BYIC No. 078453) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penghakiman bertarikh 15 Mei 2003.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 23 Julai 2003 jam 9.30 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 23 Julai 2003 jam 9.30 pagi. Bertarikh : 21 Mac 2003

RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 65/1999

AMERICAN EXPRESS INTERNATIONAL, INC. Pemiutang Penghakiman/Pemetisyan

LAWAN

EMMANUEL MONDAY ONOS (Nigerian Passport No. B992698) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penghakiman bertarikh 2 Jun 2001.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 25 Jun 2003 jam 9.45 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 25 Jun 2003 jam 9.45 pagi. Bertarikh : 14 April 2003

RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 92/2002

BAIDURI FINANCE BERHAD Pemiutang Penghakiman/Pemetisyan

LAWAN

1. ZULKIFLI BIN NORSHAHBUDIN [BYIC NO. 266558]
2. ROSINAH BTE HJ SUDIN/HJ SAMSUDIN [ABDB NO. 262281] Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penghakiman bertarikh 23 Januari 2003.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 19 Jun 2003 jam 2.00 petang.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 19 Jun 2003 jam 2.00 petang. Bertarikh : 16 April 2003

AWANG HAIROLARNI BIN HAJI ABDUL MAJID - Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 106/2002

BAIDURI FINANCE BERHAD Pemiutang Penghakiman/Pemetisyan

LAWAN

1. SEBRIAH BINTI HJ SU [BYIC NO. 040126]
2. BRIAN LUNN [BGIC NO. 040126] Penghutang Penghakiman/-Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penghakiman bertarikh 8 Mei 2003.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 2 Julai 2003 jam 9.30 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 2 Julai 2003 jam 9.30 pagi. Bertarikh : 21 Mei 2003

AWANG HAIROLARNI BIN HAJI ABDUL MAJID - Pegawai Penerima Rasmi

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyalo penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai hal-hal yang juga sebab keagalannya.



JABATAN PERTUBUHAN- PERTUBUHAN ANTARABANGSA KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

JAWATAN KOSONG DI URUSETIA KOMANWEL

Name of Post	Duty Station	Deadline for Nomination
Senior Programme Officer - Grade CS6	Social Transformation Programmes Division (Gender Section)	11 Jun 2003

Syarat Asas :

Bagi maklumat lanjut mengenai jawatan kosong ini bolehlah diperolehi dengan berhubung terus kepada : - Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa, Kementerian Hal EHWAL Luar Negeri, Jalan Subok, Negara Brunei Darussalam BD 2710, Negara Brunei Darussalam. Telefon : 2261177. Faks No: 2261703.



JABATAN PENGANGKUTAN DARAT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran: JPD/1/2003 dan JPD/2/2003

- Tajuk Tawaran : MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN KOMISENPERALATAN MESIN SISTEM DAN LAIN-LAIN KEPERLUAN YANG BERSANGKUTAN BAGI PUSAT PEMERIKSAAN KENDERAAN BANGUNAN BARU JABATAN PENGANGKUTAN DARAT CAWANGAN TUTONG
- Tajuk Tawaran : MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN KOMISENPERALATAN MESIN SISTEM DAN LAIN-LAIN KEPERLUAN YANG BERSANGKUTAN BAGI PUSAT PEMERIKSAAN KENDERAAN BANGUNAN BARU JABATAN PENGANGKUTAN DARAT CAWANGAN TEMBURONG

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 1, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 7 Julai 2003.
2. Borang tawaran seperti tajuk tersebut dan maklumat lanjut boleh didapati di Bahagian Pentadbiran, Tingkat 4, Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Gadong semasa waktu Pejabat dibuka.
3. Bayaran Tawaran \$300.00 (Tiga Ratus Ringgit Brunei) tidak akan dikembalikan dan \$30.00 (Tiga Puluh Ringgit) bagi senaskah dokumen tawaran tersebut.
4. Tawaran tender mestilah ditulis dengan betul dan terang di dalam borang yang disediakan seterusnya dimasukkan bersama dengan salinan sijil pendaftaran perniagaan ke dalam sampul surat yang tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis TAJUK dan BILANGAN tawaran seperti mana yang diiklankan tanpa menunjukkan identiti atau pengenalan pemohon dan dialamatkan seperti yang dinyatakan di atas.
5. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

JUALAN LELONG

ADALAH dengan ini diberi notis jualan lelong bagi kenderaan BG 2022 dan BG 3483, seperti dalam jadual di bawah akan diadakan pada 7 Jun 2003.

Lelong ini adalah mengandungi beberapa syarat seperti berikut:-

- i) Pembeli yang berjaya berjaya hendaklah membayar dengan wang tunai dan memindahkan kenderaan-kenderaan tersebut tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh perolehan tersebut.
- ii) Kenderaan-kenderaan yang telah dibeli tetapi dipindahkan dalam tempoh yang ditetapkan di atas akan dirampas dan dilelongkan tempat besi buruk kerajaan.

JADUAL

KETERANGAN BENDA	TEMPAT LELONG	TARIKH DAN MASA
1. BG. 2022 Bas Jenazah Bedford	Pejabat Hal EHWAL Ugama Tutong	7 Jun 2003 Jam 9.00 pagi
1. BG. 3483 Toyota Land Cruiser	Pejabat Hal EHWAL Ugama Tutong	7 Jun 2003 Jam 9.00 pagi



JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Tajuk Tawaran	Tawaran Bagi Penyewaan Satu (1) Unit Ruang Kedai (Unit No : 29) Kompleks Perdagangan Anggerik Desa, Negara Brunei Darussalam
Bilangan Tawaran	JKP/18/2003
Lokasi	Pusat Perdagangan Anggerik Desa, Negara Brunei Darussalam.
Jumlah Ruang Kedai Yang Ditawarkan	1 Unit Ruang Kedai
Sewa Tetap Bulanan	B\$100.00 [Satu Ratus Ringgit Brunei] Sebulan
Keluasan Bagi Setiap Unit	200 kaki persegi
Tempoh Penyewaan	5 Tahun
Dokumen Tawaran	Boleh diperolehi daripada : BAHAGIAN PENTADBIRAN KONTRAK, TINGKAT 1, BANGUNAN JPE/JKP [JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK/ JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN] LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Tarikh Buka Tawaran	11hb. Jun, 2003 (Rabu)
Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran	5hb. Julai, 2003 (Sabtu) [Tidak lewat jam 10.30 pagi]
Tarikh tutup tawaran	7hb. Julai, 2003 (Isnin) [Tidak lewat jam 2.00 petang]
Tempat tutup tawaran	PETI TAWARAN, LEMBAGA TAWARAN NEGARA, LEVEL 1, BANGUNAN KEMENTERIAN KEWANGAN, SIMPANG 259, JALAN KEBANGSAAN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Yuran Dokumen	B\$10.00 [Sepuluh Ringgit Brunei] Tunai tidak akan dikembalikan kepada penawar.
Waktu Pembayaran	Isnin - Khamis - 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari - 1.30 petang hingga 2.30 petang Sabtu - 8.00 pagi hingga 10.30 pagi

JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN SYARAT-SYARAT TAWARAN JKP/18/2003

1. Terbuka kepada syarikat-syarikat perniagaan di Daerah Brunei/Muara yang mempunyai sijil Pendaftaran Perniagaan BAb 16 & 17 mahkamah untuk memberikan tawaran bagi penyewaan satu unit/ruang kedai (Unit No : 29) Kompleks Perdagangan Anggerik Desa, Negara Brunei Darussalam seperti yang dinyatakan dalam notis tawaran.
2. Pemohon-pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
3. Pemohon mestilah membawa bersama kad pengenalan asal pemilik-pemilik syarikat dan salinan asal (original) sijil pendaftaran syarikat dan memberikan satu salinan bergambar untuk simpanan jabatan ini.
4. Yuran dokumen yang dikenakan adalah sebanyak B\$10.00
5. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan jam yang ditetapkan pada notis tawaran tidak akan diterima dan dilayan.
6. Borang tawaran mestilah disilakan dengan lengkap dan betul dengan tulisan yang terang, jika tidak permohonan tawaran akan ditolak.
7. Harga tawaran tidak boleh dipadam dengan cecair pemadam seperti blanco, tippex dan lain-lain. Jika ada kesilapan pada harga tawaran, penawar hendaklah menggaris harga yang salah dan mencatat harga betul di atasnya dengan disertai tanda tangan penawar. Harga tawaran yang dipadam dengan blanco dan sebagainya adalah ditolak dan tawarannya dikira tidak sah.
8. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup yang telah disediakan oleh jabatan ini tanpa menunjukkan identiti dan hendaklah dimasukkan ke dalam :- Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Level 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

dahak dimasukkan ke dalam :- Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Level 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

9. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
10. Harga tawaran dari penawar adalah bayaran premis bagi kelayakan untuk mendapatkan satu unit ruang kedai dan tidak termasuk perkara-perkara berikut :-
1) Sewa bulanan yang telah ditetapkan sebanyak \$100.00 sebulan.
2) Wang cagaran penyewaan (jika berjaya) sebanyak \$800.00 dibayar bersama harga tawaran secara tunai sebelum menandatangani perjanjian kontrak.
11. Pemohon yang berjaya adalah dikehendaki untuk membayar wang cagaran penyewaan sebanyak \$800.00 sebelum menandatangani perjanjian kontrak dan dibenarkan memulakan perniagaan.
12. Penawar tidak dibenarkan menarik diri setelah tawaran tutup. Bagi mereka yang menarik diri akan dikenakan pada denda masa (diharamkan mengikut sebarang tawaran di Jabatan ini sehingga tarikh yang dinyatakan).
13. Penawar berjaya yang telah gagal menjelaskan harga tawaran atau cagaran penyewaan dalam tempoh yang telah ditetapkan Jabatan adalah dianggap melanggar syarat-syarat tawaran dan akan dikenakan denda masa diarahkan dari mengikut sebarang tawaran di Jabatan-Jabatan dibawah Kementerian Pembangunan.
14. Penawar yang berjaya dikehendaki membiayai sendiri segala kos perbelanjaan bagi membaiki unit kedai yang ditawarkan tersebut dan digalakkan supaya melawat tempat unit kedai tersebut untuk memastikan keadaan status kerosakan pada unit-unit yang akan diperbaiki tersebut.
15. Penawar yang berjaya dikehendaki menguruskan dan membiayai sendiri segala perbelanjaan bagi pembekalan dan pemasangan meter pra-bayar (prepaid meter) melalui pemborong/pembekal yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik.
16. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang tinggi atau sebarang tawaran.



JABATAN PERTUBUHAN- PERTUBUHAN ANTARABANGSA KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

JAWATAN KOSONG DI BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB) DAN BEBERAPA BADAN ANTARABANGSA

Jawatan	Tempat	Tarikh Mansuh Permohonan
1. Administrative Services, P-4	Cairo	10 Jun 2003
2. Regional Adviser, Environment and Health Coordination and Partnership, P-5	Denmark	5 Jun 2003
3. Project Manager - Environment Health, P-4	Germany	10 Jun 2003
4. Administrative Officer, P-3	Geneva	5 Jun 2003
5. Regional Adviser, P-4	Congo	10 Jun 2003

Syarat Asas :

1. Rakyat, Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam; dan
 2. Mempunyai kelulusan ijazah di bidang berkenaan; dan
- Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada : - Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa, Kementerian Hal EHWAL Luar Negeri, Jalan Subok, Negara Brunei Darussalam BD 2710, Negara Brunei Darussalam. Telefon : 2261177 Ext 293. Faks No: 2261703. E-mail : dio@brunei.net.bn.



JADUAL PERPUSTAKAAN BERGERAK DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH DAERAH BRUNEI/MUARA BAGI BULAN JUN 2003

TARIKH	HARI	PUSAT PERHENTIAN	JAM
2 Jun 2003	Isnin	Sekolah Rendah Katok	9.30 pagi
3 Jun 2003	Selasa	Sekolah Rendah Panchor Murai	9.30 pagi
4 Jun 2003	Rabu	Sekolah Rendah SUAS Muara	9.30 pagi
5 Jun 2003	Khamis	Sekolah Rendah Bebuloh	9.30 pagi
7 Jun 2003	Sabtu	Sekolah Rendah Abdul Bubin, Sungai Besar	9.30 pagi
7 Jun 2003	Sabtu	Institut Tahfiz Al-Quran	2.30 petang
9 Jun 2003	Isnin	Sekolah Rendah Jenudong	9.00 pagi
10 Jun 2003	Selasa	Sekolah Rendah Masin	9.30 pagi
11 Jun 2003	Rabu	Sekolah Rendah Igra	9.00 pagi
11 Jun 2003	Rabu	Sekolah Rendah Mentiri	9.00 pagi
12 Jun 2003	Khamis	Sekolah Rendah Putat	9.30 pagi
14 Jun 2003	Sabtu	Sekolah Rendah Serasa	8.30 pagi
30 Jun 2003	Isnin	Sekolah Rendah Mulaut	9.30 pagi



PANDU LAJU BAHAYA DITUJU

Hubungan ketenteraan terus dipererat

BERAKAS, 8 Mei. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia terus berusaha mengukuhkan hubungan dua hala dan kerjasama khususnya di bidang ketenteraan.

Hubungan yang erat yang sudah lama terjalin di antara kedua-dua belah pihak kini dikukuhkan lagi dengan kunjungan hormat Ketua Staf Angkatan Udara Tentera Nasional Indonesia, Ketua Marsyal Udara Chappy Hakim ke negara ini kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'sait diadakan di Bolkliah Garison.

Ketua Marsyal Udara Chappy Hakim yang disertai oleh beberapa orang ahli rombongan membuat kunjungan hormat sebagai lawatan pengenalan sememangnya dilantik ke jawatannya sekarang.

Lawatan pengenalan itu juga sebagai mewujudkan hubungan dua hala dan persefahaman yang lebih baik di bidang pertahanan dan latihan ketenteraan udara di antara

Oleh
Abdullah Asgar

Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB) dan Angkatan Udara Tentera Nasional Indonesia.

Selain membuat kunjungan hormat kepada Timbalan Menteri Pertahanan, beliau juga membuat kunjungan muhibah kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff juga di Bolkliah Garison.

Ketua Marsyal Udara Chappy Hakim merupakan orang ke-14 menjadi Ketua Marsyal Udara Angkatan Udara Tentera Nasional Indonesia.

Beliau yang dilahirkan Disember 1947 di Kota Istimewa Yogyakarta berkahwin dengan Puspawati Hasjmi dan dikurniakan dua orang anak.

Di sebelah petangnya, beliau bersama isteri dan rombongan bertolak balik ke Jakarta.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'sait menerima kunjungan hormat Ketua Staf Angkatan Udara Tentera Nasional Indonesia, Ketua Marsyal Udara Chappy Hakim. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'sait ketika menerima kunjungan hormat Rear Admiral Ik Saluja dari India. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Kunjungan hormat rombongan dari National Defence College New Delhi

BERAKAS, 19 Mei. - Lawatan rombongan dari National Defence College, New Delhi meningkatkan lagi pengetahuan mengenai fungsi dan perkembangan ketenteraan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), di samping berpeluang menyaksikan keindahan dan menikmati kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk negara ini.

Lawatan sambil belajar selama lapan hari itu yang diketuai oleh Rear Admiral Ik Saluja juga membuat kunjungan hormat kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'sait di Bolkliah Garison.

Rombongan itu juga mengadakan kunjungan hormat kepada Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Haji Awang Halbi.

Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ajai Chowdhry juga hadir semasa kunjungan hormat itu.

Semasa lawatan itu mereka juga berkesempatan

Oleh Samle HJ

mendengar taklimat dan melawat ke unit-unit ABDB, Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ATDDDB), Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB) dan Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB).

Rombongan tersebut juga melawat ke agensi penting kerajaan dan swasta seperti Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Kewangan dan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) di Seria.

Beberapa mercu tanda termasuk Jame' Asr Hassanil Bolkliah, Syarikat Mahkota Krystal, Tapak Perindustrian Lambak, Bangunan Alat Kebesaran Diraja, Muzium Brunei, Muzium Teknologi Melayu, Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei dan Kampong Ayer adalah antara lokasi yang mereka kunjungi dan menjadi ristaan menarik sepanjang lawatan tersebut.

Ceramah mengenai Sistem Penomboran Antarabangsa

Oleh
Bolhassan HAR



PEMANGKU Timbalan Pengarah DBP, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Zainal. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

BERAKAS, 7 Mei. - Sempena Pesta Buku Brunei 2003 yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), ceramah mengenai Sistem Penomboran Antarabangsa telah diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Ceramah ISBN dipengerusikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah DBP, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Zainal yang antara lain memberi pengetahuan kepada pengunjung pesta mengenai identiti judul buku yang diterbitkan.

ISBN bertujuan untuk menyelaraskan dan mencapai standard antarabangsa penggunaan nombor-nombor buku supaya dapat memberi identiti satu judul atau edisi yang kebiasaan mengandungi sepuluh angka dan apabila dicetak akan didahului dengan huruf ISBN.

Pesta Buku Brunei

2003 yang bermula pada 2 hingga 11 Mei merupakan projek tahunan yang disertai oleh lebih 20 buah toko buku tempatan dan luar negara dan syarikat penjual komputer.

Hasil sesebuah terbitan yang boleh diberi ISBN ialah buku-buku bercetak dan risalah-risalah, terbitan dalam bentuk mikrofon, terbitan-terbitan braile serta pita-pita mesin pembacaan.

Kempen menangani SARS di Temburong

Oleh
Siti Aishah HS

TEMBURONG, 8 Mei. - Projek Kempen Kebersihan Menangani Wabak SARS melibatkan Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan diteruskan ke semua sekolah, maktab dan institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

Sehubungan dengan itu, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarasat meneruskan lawatan dengan meninjau lebih dekat lagi keadaan sekolah-sekolah di Daerah Temburong.

Lawatan tersebut bermula dari Sekolah Persediaan Arab dengan melihat kawasan persekolahan yang menempatkan seramai 77 orang penuntut dari persediaan 1 dan 2 hingga tingkatan 3 di mana Pengiran Datin Paduka juga sempat menanam pokok sebagai tanda kenangan lawatan ke sekolah berkenaan.



PENGIRAN Datin Paduka Hajah Mariam berserta rombongan ketika melawat Bilik Kesihatan yang terdapat di Sekolah Rendah Sultan Hashim, Batu Apoi (kliri). - Gambar oleh Hamdi HM.

Sejurus kemudian, rombongan pelawat mengunjungi Sekolah Pai Yuek dan beredat ke Sekolah Rendah Sultan Hassan dengan dialu-alukan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohd. Yusoff bin Abu Bakar.

Selepas itu, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam berserta rombongan berkesempatan melawat Sekolah Rendah Sultan Hashim, Batu Apoi dengan meninjau kawasan sekolah, Bilik Kesihatan dan bilik-bilik darjah yang diketuai oleh Guru Besar sekolah berkenaan, Cikgu

Ampuan Haji Mumin bin Ampuan Salleh.

Lawatan berakhir dengan meninjau kawasan persekolahan Sekolah Menengah Sultan Hassan.

Lawatan tersebut antara lain untuk meningkatkan kesedaran mengenai kebersihan diri dan alam sekitar dalam memastikan kesihatan untuk semua bagi menangani wabak SARS dan penyakit-penyakit lain dengan menanamkan serta mengembangkan lagi budaya bergotong-royong di kalangan masyarakat terutama warga sekolah.



Penerima Skim Bantuan YSHHB lahirkan rasa menjunjung kasih

Oleh
Samle Hj. Jait
Gambar-gambar
oleh
Hamadi HM



AWANG Haji Narif bin Haji Bostan



Awang Johanny Han Chin Siew



DAYANG Rosnah binti Haji Mohammad



DAYANG Aminah binti Haji Abdullah



DAYANG Aisah binti Abdullah



DAYANG Jamaliah binti Haji Mohammad

BERAKAS, 17 Mei. - Para penerima Skim Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) melahirkan rasa syukur dan menjunjung kasih atas bantuan yang diberikan dalam meringankan dan meningkatkan kualiti kehidupan mereka.

"Kita sangat menghargai di atas bantuan-bantuan yang diberikan oleh pihak yayasan yang buktikan pemedulian dan kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada rakyatnya," jelas Dayang Rosnah binti Haji Mohammad Zain, penerima Skim Perumahan YSHHB di Kampong Bolkiah 'A'.

Sementara itu, kakaknya, Dayang Jamaliah turut melahirkan perasaan serupa sambil mendoakan kesejahteraan baginda dan ke-

rabat diraja yang sentiasa prihatin kepada rakyatnya.

Beliau, seorang ibu tunggal sudah mendiami rumah di bawah skim tersebut sejak lapan tahun lalu selepas rumah di Kampong Setia Pahlawan Lama musnah dalam kebakaran 10 tahun lalu.

Awang Haji Narif bin Haji Bostan turut berterima kasih ke hadapan majlis baginda yang sentiasa prihatin ke atas kesejahteraan rakyat.

"Dengan keamanan dan kemakmuran negara yang

kita kecapai ketika ini jelas sebagai bukti hasil pemedulian dan kebijaksanaan baginda dalam membentuk masyarakat dan negara yang sejahtera," jelasnya yang kini menetap di Kampong Bolkiah 'A' sebuah perkampungan yang dibina di bawah Skim Perumahan YSHHB.

Bagi penerima bantuan kewangan, Dayang Aisah binti Abdullah (80 tahun) pula menjelaskan dengan bantuan itu telah dapat membantu meringankan sara hidup sehari-hari.

Sementara Dayang Aminah binti Haji Abdullah pula bangga menjelaskan bantuan kewangan biasiswa telah membolehkannya mencapai impian dalam bidang kerjaya.

Beliau kini bertugas di Klinik Pakar RIPAS selepas menamatkan pengajian selama tiga tahun di Scotland.

"Bantuan kewangan itu sangat bernilai dan membuktikan baginda sentiasa prihatin dan mementingkan kemajuan pendidikan rakyatnya.

Juruter Kimia Syarikat Brunei Shell, Johanny Han Chin Siew pula melahirkan

hingga tamat setelah terpaksa menanggung belanja sendiri," jelasnya di Majlis Junjung Kasih Ke Hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena sambutan 10 tahun penubuhan YSHHB.

Katanya, sumbangan itu sangat bernilai dan membuktikan baginda sentiasa prihatin dan mementingkan kemajuan pendidikan rakyatnya.

Juruter Kimia Syarikat Brunei Shell, Johanny Han Chin Siew pula melahirkan

penghargaan selepas menerima Skim Bantuan Kewangan bagi membantu pengajiannya di Australia.

"Sumbangan dari pihak yayasan bernilai. Kos pengajian di sana sangat besar dan saya sangat berterima kasih," jelasnya.

Beliau juga terharu apabila pihak YSHHB jelas tidak memilih bangsa untuk menghulurkan bantuan tetapi lebih mementingkan kepada garis pandu syarat kelayakan kepada pemohon.

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ditubuhkan dengan lima tujuan utama termasuk bagi menghulurkan bantuan kewangan untuk tujuan pendidikan agama, memperingkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan rakyat, pendidikan dan pembangunan.

Pihak YSHHB juga memberi perhatian dengan mengambil bahagian dalam apa jua aktiviti perusahaan komersil dan industri yang sesuai.

Pengurus mesti peka terhadap alam sekitar

GADONG, 5 Mei. - Pusat Pengurusan ASEAN-EC telah menganjurkan Bengkel Keberkesanan Bagi Meningkatkan Pengurusan dalam alam sekitar, kebangsaan dan global selama dua hari mulai hari ini.

Pengarah Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin dalam ucapan peasmianya berkata, cara berkesan untuk meningkatkan pengurusan dalam sesebuah organisasi ialah pihak pengurus mestilah peka dengan perubahan alam sekitar dan berkebolehan, kreativiti dan inovasi.

Oleh Bolhassan HAB

"Selain itu mereka perlulah tahu pumadah cara dalam dimensi perniagaan, strategi, produk serta layanan di samping berkongsi pengetahuan dan pengalaman," jelas beliau.

Bengkel yang dibimbing oleh penceramah undangan, Encik Abdul Hamid telah disertai oleh 25 orang peserta dari pelbagai sektor swasta.



PENGARAH Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin ketika berucap merasmikan bengkel.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Datin Paduka Hajah Jahrah binti Haji Mohammad dan pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan ketika hadir di Majlis Pelancaran Kempen Kebersihan Menangani Wabak SARS dan penyakit-penyakit berjangkit yang lain. - Gambar ihsan Kementerian Pendidikan.

Kempen Kebersihan Menangani SARS di Tutong

Oleh Bolhassan HAB

TUTONG, 12 Mei. - Majlis Pelancaran Kempen Kebersihan Menangani Wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) bagi institusi pengajian tinggi/maktab dan sekolah-sekolah Daerah Tutong telah berlangsung di Sekolah Pertama.

Kempen anjuran bersama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan dihasratkan untuk meningkatkan kebersihan diri dan alam sekitar dalam memastikan kesihatan untuk semua.

Pelancaran kempen untuk mena-

ngani wabak SARS ini yang masih belum diketahui puncanya dan belum ditemui ubat atau vaksin itu telah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Datin Paduka Hajah Jahrah binti Haji Mohammad.

Objektif kempen adalah memberi kesedaran kepada semua warga sekolah mengenai kepentingan menjaga kebersihan diri dan alam sekitar dalam menangani wabak SARS dan penyakit-penyakit berjangkit yang lain, di samping menanamkan dan meningkatkan budaya menjaga

kebersihan diri dan alam sekitar serta mengembangkan lagi budaya bergotong-royong di kalangan masyarakat terutama warga sekolah.

Peringkat Daerah Tutong, kempen secara serentak itu dilangsungkan di lapan buah sekolah; Tutong Public School, Sekolah Menengah Muda Hashim, Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Sekolah Rendah Muda Hashim, Sekolah Rendah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya, Sekolah Rendah Pengiran Muda Mahkota dan Sekolah Rendah Tutong Kem.

Masyarakat Tionghoa minat tulisan jawi

Berita dan gambar-gambar oleh
Dayangku Hajah Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 10 Mei. - Ketua Unit Da'wah Daerah Belait, Awang Haji Adnan bin Haji Md. Jaya berasa bangga dengan pencapaian dan kebolehan masyarakat Tionghoa yang mengikuti Kursus Tulisan Jawi semakin meningkat dan boleh dibanggakan.

Mereka juga menunjukkan minat yang mendalam untuk pandai menulis dan membaca dalam tulisan jawi dari peringkat asas hingga peringkat lanjutan iaitu Tulisan Jawi Cantik. Beliau berucap demikian di Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Kursus Tulisan Jawi bagi masya-

rakat Tionghoa Daerah Belait Ke-III yang diadakan di Dewan Serbaguna Pejabat Unit Da'wah di sini.

Dalam hubungan itu tambahnya, Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait dengan sokongan Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan sentiasa membuka peluang, bantuan dan kerjasama serta memberi penerangan dan penjelasan mengenai ajaran agama Islam yang menjadi agama rasmi Negara Brunei Darussalam terutama kepada masyarakat Tionghoa di daerah ini khususnya dan

rakyat dan penduduk di negara ini amnya.

Beliau juga melahirkan rasa gembira kursus yang dianjurkan itu telah menampilkan hasil yang positif antaranya perhubungan masyarakat Tionghoa dengan Pejabat Unit Da'wah bertambah erat dan muhibah.

"Insya-Allah satu seminar kefahaman Islam dalam bahasa Mandarin yang dianjurkan sendiri oleh masyarakat Tionghoa terdiri daripada Persatuan Hainan, Persatuan Foo Chow, Persatuan Hakka, Persatuan Kong Wai Siew dan Persatuan Tai Poo dengan dibantu oleh Pejabat Unit Da'wah akan diadakan pada 25 Mei ini," katanya.

Tetamu kehormat, Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Ustazah Hajah Zasia telah menyampaikan sijil kepada 18 peserta yang mengikuti kursus tersebut yang diadakan setiap hari Sabtu selama lapan minggu.

Kursus anjuran Pejabat Unit Da'wah dikendalikan oleh Pegawai Unit Da'wah Daerah Belait, Ustaz Kamal Leang Abdullah bertujuan bagi mewujudkan peluang belajar kepada masyarakat Tionghoa untuk mengenali lebih dekat perkembangan tulisan jawi, di samping membolehkan aktiviti dakwah Islamiah terhadap masyarakat berkenaan melalui program ilmiah. Kursus dibuka kepada seluruh ahli persatuan, masyarakat Tionghoa sama ada rakyat, penduduk tetap atau sementara.

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM CAPAI KEJAYAAN LATIHAN KESELAMATAN ASAS LAUT

KUALA BELAIT, 10 Mei. - Negara Brunei Darussalam telah mencapai kejayaan apabila 15 orang pelatih kapal milik Brunei Shell Tankers Sendirian Berhad (BST) Bahagian Dek tamat menjalani 'Latihan Keselamatan Asas Bagi Pelaut' yang diwajibkan oleh konvensyen antarabangsa berkaitan Piawai Mengenai Latihan, Persijilan dan Pengawasan Di Laut, 1978, Pindaan 1995-STCW '95.

Tetamu kehormat, Timbalan Pengarah Urusan BST, Reidar Saugstad telah menyampaikan sijil kepada mereka yang menjalani kursus yang dikendalikan bersama oleh jurulatih Bahagian Kejuruteraan Maritim, Maktab Kejuruteraan

Jefri Bolkiah (MKJB), Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan Syarikat Latihan MEGAMAS yang diadakan selama seminggu di Pusat Latihan MEGAMAS di sini.

Kursus merangkumi empat sesi latihan asas mandatori pra-penempatan di laut yang dikehendaki oleh STCW '95, konvensyen yang dikuatkuasakan secara global oleh Pertubuhan Maritim Antarabangsa iaitu sebuah agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kursus berkenaan merupakan hasil perjanjian persefahaman yang ditandatangani antara MKJB dan MEGAMAS pada 2 September tahun lalu de-

ngan persetujuan telah dicapai di antara kedua-dua belah pihak bagi mengendalikan secara bersama, sesi latihan yang diwajibkan oleh STCW '95 iaitu teknik-teknik keselamatan diri, latihan asas mencegah dan mengawal kebakaran, latihan asas pertolongan cemas dan keselamatan diri dan tanggungjawab sosial.

Kemasukan pertama pelatih dari Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB) yang mengikuti latihan di MKJB bermula pada tahun 1986 telah tamat kursus latihan selama lebih dua tahun kini telah mendapat pekerjaan di ATLDB, BST, Jabatan Kerja Raya, Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP), Syarikat Gas Cecair Asli Brunei (BLNG), Ipedex,

pengusaha-pengusaha kapal yang beroperasi di luar pantai dan beberapa industri swasta yang lain.

Syarikat MEGAMAS ialah sebuah syarikat tempatan yang ditubuhkan pada tahun 1989, merupakan institusi latihan keselamatan pertama yang berjaya mengendalikan pusat latihan keselamatan bersepadu di Negara Brunei Darussalam.

Syarikat berkenaan telah ditauliahkan dengan Sijil ISO 9002 dan merupakan syarikat yang terulung yang dapat mengendalikan Latihan-latihan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) serta Kursus Latihan Tindakan Kecemasan kepada industri minyak dan gas.

32 ahli PBSM naik pangkat

KUALA BELAIT, 7 Mei. - Pegawai Perhubungan Awam Kebangsaan Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM), Awang Haji Ali bin Haji Abang berharap kenaikan pangkat akan merangsang mereka yang terlibat untuk lebih bermat dan tekun dalam memberi sumbangan dan khidmat yang diperlukan oleh masyarakat setempat mahupun sejagat.

"Khidmat awda semua sentiasa dialu-alukan di mana saja asalkan ianya satu khidmat yang boleh

memberi faedah dan kesejahteraan kepada masyarakat," katanya di Majlis Kenaikan Pangkat bagi pegawai-pegawai dan Ahli-ahli PBSM Cawangan Daerah Belait bagi Unit Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB) yang diadakan di Restoran KBRC di sini.

Majlis sempena Sambutan Hari Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Sedunia itu diselenggarakan dengan kenaikan pangkat bagi Unit Sekolah Menengah Perdana Wazir (SMPW) dan Unit Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin (SRAT). Beliau mewakili tetamu kehormat, Pengarah Daerah PBSM, Haji Bujang bin Harun seterusnya menyeru semua unit PBSM supaya sama-sama

bergabung demi mengeratkan hubungan silaturahmi di kalangan mereka agar menjadi lebih akrab dan kenal-mengenal antara satu sama lain kerana menurutnya keakraban di antara mereka tidak begitu menonjol.

Wakil tetamu kehormat telah menyampaikan kenaikan pangkat kepada 32 orang ahli PBSM terdiri daripada 27 orang dari Unit MKJB iaitu seorang Komandan, 11 Penolong Komandan, dua orang Pegawai Kadet, dua Pemangku Penolong Pegawai Kadet, tiga Pegawai Percubaan, seorang Sarjan, seorang Koperal dan enam orang Lance Koperal, manakala dua orang dari Unit SMPW dan tiga orang dari Unit SRAT.

Pengerusi majlis, Cikgu Haji Bidin bin Haji Che Drahan berkata, sungguhpun PBSM sebagai persatuan sukarela, namun seperti juga pertubuhan atau persatuan lain kesemuanya memerlukan komitmen daripada setiap ahlinya dan jika komitmen itu dapat dicurahkan dan dilaksanakan dengan baik, sudah tentu persatuan akan menghasilkan kejayaan dan tidak mustahil pula kecemerlangan.

Beliau menyatakan dalam apa jua pertubuhan, kelemahan sentiasa ada. Kerjasama dan permuafakatan memainkan peranan penting selain kejujuran dan keikhlasan setiap individu dalam melaksanakan tanggungjawab.

Pertandingan Kawad pupuk sikap berpasukan

KUALA BELAIT, 9 Mei. - Pemangku Timbalan Pengarah Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM), Awang Pungut bin Haji Damit berkata, Pertandingan Kawad akan memupuk semangat berpasukan dan meningkatkan lagi disiplin dan sikap bertanggungjawab di kalangan ahli persatuan mahupun belia.

Selain itu katanya, pertandingan juga merupakan aktiviti persatuan bagi melatih ahli unit pasukan masing-masing dengan jati diri, sekaligus menghindarkan diri mereka dari gejala sosial dan sebagainya.

Beliau berucap demikian di Majlis Pertandingan Kawad yang diadakan buat pertama kali bagi Unit-unit PBSM Brunei Darussalam Cawangan Daerah Belait sempena Sambutan Hari Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Sedunia yang

diadakan pada 8 Mei setiap tahun.

Sebanyak tiga pasukan PBSM dari Unit Sekolah Menengah Perdana Wazir (SMPW), Unit Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB) dan Unit Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin (SRAT) menyertai pertandingan yang diadakan di Dewan Bandaran di sini.

Setiap pasukan yang menyertai pertandingan tersebut telah menjalani latihan kawad selama sebulan. Penghakiman dinilai berdasarkan kepada pergerakan kawad atau perbarisan, arahan dan pakaian.

Johan pertandingan disandang oleh Pasukan Unit MKJB; naib johan Unit SRAT dan tempat ketiga, Unit SMPW. Sementara pemenang Ketua Pasukan Kawad Terbaik disandang oleh Haris bin Abdul Latif dari

Pasukan Unit MKJB dan pakaian terbaik juga digondol oleh unit yang sama.

Tetamu kehormat, Pegawai Pelajaran Ko-Kurikulum, Unit Urus Setia Skim Latihan Majlis Sukan Sekolah-sekolah, Haji Ahmad bin Haji Hassan telah menyampaikan hadiah kepada pasukan yang menang.

Pertandingan bertujuan bagi menanam keazaman berpasukan, setia kawan, peningkatan kemahiran untuk menampilkan imej pasukan yang cekap, berkesan dan berwibawa, taat kepada raja, agama dan teguh jati diri bukan hanya setakat mempelajari dalam bidang pertolongan cemas serta memberikan khidmat sukarela yang cekap dan kreatif, menjalankan tugas dengan jujur, penuh dedikasi dan bertanggungjawab secara berpasukan.



WAKIL tetamu kehormat, Awang Haji Ali bin Haji Abang (kiri) menyampaikan Sijil Kenaikan Pangkat kepada Cikgu Haji Bidin bin Haji Che Drahan.

TUBUH badannya memang tegap, sihat dan kuat. Usianya pun baru melewati 50 tahun. Bukan tidak ada pekerjaan lain yang boleh dibuatnya. Bukan juga kerana anak-anak, bini atau saudara mara yang lain tidak mampu menyara hidupnya. Rumah milik Jebol peninggalan nenek moyangnya cukup selesa. Tanah banyak. Ayam itik ada. Hasil kebun yang diusahakan oleh bininya cukup lumayan. Boleh bayar segala keperluan, boleh makan angin sekali-sekala ke luar negeri. Anak-anak Jebol semua sudah bekerja. Gaji mereka juga besar. Kalau orang lain seperti Jebol tentu lebih senang duduk di rumah saja.

Tapi Jebol lain. Baginya duduk makan minum dan tidur saja adalah perangai orang-orang yang pemalas. Jebol bukan jenis manusia seperti itu. Jebol suka bekerja. Apa lagi dengan pekerjaan yang sudah sebatikan dalam jiwanya itu. Memang orang lain tidak mengerti. Tapi itu semua Jebol tidak peduli. Apa yang penting Jebol merasa cukup selesa dengan pekerjaannya itu.

Seluruh lapisan masyarakat di kawasan kota itu kenal siapa Jebol. Sudah lebih 30 tahun Jebol bekerja sebagai pemungut sampah sarap di kawasan itu. Semua tempat, ceruk dan pesuk-pesuk Jebol tahu. Semua jalan besar, jalan kecil dan simpang Jebol kenal. Semua lembah, lurah, bukit, sungai, laut, danau, parit atau lopak-lopak Jebol tahu. Sebut saja mana tempat, pasti Jebol tahu lokasinya dan sampah sarap yang boleh didapati di sana.

Tidak kira hujan panas, ribut atau angin kencang, Jebol tetap melakukan tugasnya. Tidak kira sampah-sampah yang besar-besar atau yang kecil-kecil hingga sebesar batang macis akan Jebol angkut. Jebol tidak suka melihat sampah sarap. Jebol pantang melihat uras atau sampah-sampah yang berselerak. Kalau ada sampah-sampah besar dan berat akan diangkutnya dengan lori. Kalau ada tong-tong sampah yang berulat atau dihurung lalat, Jebol akan sembur dengan racun serangga.

Selepas sampah dibuang, tong-tong sampah akan dicuci bersih oleh Jebol. Selepas itu dia akan menasihati pemilik tong-tong sampah tersebut agar sentiasa menjaga kebersihan tong-tong sampah masing-masing. Kata Jebol tong-tong sampah hendaklah dijaga kebersihannya selalu. Jika tong-tong sampah kotor dan berbau busuk akan mendatangkan pelbagai penyakit. Jika penyakit merebak, masyarakat sekeliling akan susah.

Bukan tidak ada pekerjaan lain sepertinya. Ada. Tapi orang lain yang bekerja pandai rehat dan ikut masa juga. Waktu rehat mereka rehat. Waktu makan mereka makan. Waktu penat mereka berhenti rehat. Waktu banyak kerja, mereka tekun. Waktu bos tiada mereka boleh lebih tenang. Waktu habis bekerja mereka balik. Waktu sakit mereka sambil cuti. Waktu hujung bulan mereka terima gaji sebagaimana yang ditentukan. Gaji Jebol dan gaji mereka juga sama. Tapi Jebol lain.

Sebelum matahari terbit dia sudah merayau-rayau di sekitar kota mencari sampah sarap yang boleh dibersihkan. Selagi matahari belum terbenam, selagi itulah dia terus merayau-rayau mencari-cari sampah sarap. Kalau terlihat daun-daun kering, kertas, ranting-ranting kecil pun akan disapunya. Bekas-bekas plastik, tin-tin, botol-botol, kain-kain buruk, kotak-kotak rokok bahkan pencungkil gigi atau sehelai benang pun akan dipungutnya.

Kalau kawasan sebelah kanan sudah bersih dia akan beralih ke sebelah kiri. Kalau kawasan sebelah kiri sudah bersih dia akan beralih ke sebelah hadapan. Kalau kawasan sebelah hadapan sudah bersih dia akan beralih ke kawasan sebelah belakang. Kalau kawasan sebelah belakang sudah bersih dia akan berjalan mencari kawasan-kawasan yang baru pula.

Jika semua kawasan di sekitarnya sudah bersih, dia akan berjalan kaki di sepanjang lebuh raya untuk mencari rumput-rumput kering atau sebarang sampah sarap yang dibuang. Kalau sepanjang lebuh raya tiada sampah sarap yang ditemuinya, dia akan menyelongkar belakang gerai-gerai jualan, belakang bangunan-bangunan pasar raya. Jika selesai membersihkan sampah di belakang bangunan pasar raya, dan matahari masih belum tenggelam, Jebol akan ke bangunan pejabat-pejabat pula.

Sebuah demi sebuah tong-tong sampah yang ada akan dibersihkan. Jebol sanggup memanjat tangga bangunan yang tinggi-tinggi semata-mata mencari mana-mana tong sampah yang boleh dibersihkan. Semua sampah sarap yang diperolehinya akan dimasukkan ke dalam plastik sampah, diikat kuat-kuat sebelum dibawa ke tempat pembuangan khas.

Sambil itu sekali-sekala Jebol juga akan berpesan kepada orang-orang yang empunya sampah agar selalu menjaga kebersihan. Jika tong-tong sampah sudah bersih, Jebol tersengih-sengih kesukaan. Waktu tersengih-sengih begitu air liurnya akan berlelehan keluar dari celah bibirnya. Matanya terus liar memerhatikan tong-tong sampah yang lain lagi. Walau cuma sedikit sampah yang ada, Jebol tetap akan membuangnya juga.

Kawan-kawan Jebol yang lain memang sudah masak dengan perangainya. Hanya ketika mula-mula dulu mereka ada juga menasihati Jebol agar tidak terlalu teruk bekerja. Tapi Jebol cuma tersengih-sengih setiap kali mendengar saranan-saranan dari mereka.

Jebol cuma cakap dia memang suka membersihkan sampah sarap. Jika tidak ada sampah sarap di sekelilingnya, dia akan balik rumah dan memeriksa tong-tong sampah jiran-jirannya. Jebol merasa senang dan gembira jika terlihat terdapat sampah di sana.

Dengan penuh semangat, tong-tong sampah tersebut akan dibersihkan. Jika tidak ada siapa-siapa di situ Jebol akan memperingati dirinya sendiri bahawa tong-tong sampah harus sentiasa dibersihkan agar tidak diurung ulat, nyamuk, lalat dan bau yang busuk!

Selepas itu dia berjalan ke belakang reban ayam atau kandang kambing. Najis-najis yang berselerak akan dikumpulkan secara berasingan. Najis ayam dan najis kambing akan diangkutnya pada tempat-tempat tertentu, untuk baja bunga. Jebol memberi secara percuma.

Jika ada najis kerbau atau lembu atau anjing, Jebol akan menimbunya dengan tanah.

Jika ada najis manusia, Jebol akan memanggil empunya najis tersebut, menerangkan tentang perlunya menjaga kebersihan, sebelum menimbunya dengan tanah juga.



Apabila matahari tenggelam, Jebol akan pulang ke rumahnya. Sebelum naik ke atas rumahnya, Jebol akan memeriksa terlebih dahulu jika terdapat sebarang sampah sarap di sekitar kawasan rumahnya. Jika ada, Jebol akan membersihkan terlebih dahulu walaupun terpaksa menggunakan lampu suluh.

Lepas mandi, salat dan makan, Jebol akan berbaring di sebelah bininya. Sebelum matanya terlelap Jebol akan meneka-neka lagi dalam fikirannya, di mana tempat-tempat yang boleh dikunjungi pada keesokan harinya untuk mencari sampah sarap.


Bini Jebol tahu, perkara tersebut tidak boleh dibiarkan berterusan. Sudah terlalu lama Jebol berkeadaan demikian. Anak-anak dan saudara-mara Jebol juga sudah cukup serik memperkatakan tentang perangai Jebol yang luar biasa itu. Tapi sehingga ke saat itu, mereka masih tidak dapat melakukan apa-apa.

Jebol tidak mahu berubah apa lagi berhenti kerja. Bagi Jebol apa yang dibuatnya adalah biasa-biasa saja.

Bagi Jebol menjaga kebersihan alam sekitar adalah tugas yang baik dan mulia.

JEBOL

OLEH SENJA K



Mungkin sebab itu jugalah mengapa Jebol bertekad untuk menjadi pemungut sampah secara persendirian jika ia bersara nanti. Tapi cita-citanya itu ternyata menambah kebimbangan pada seluruh keluarganya. Mereka tidak bersetuju dan telah memprotes hasrat Jebol. Namun Jebol hanya tersengih-sengih tanpa menjawab apa-apa.

Khabar berita tentang hasrat Jebol itu dengan mudah merebak ke segenap kawasan di kota itu. Berbagai-bagai persoalan tiba-tiba muncul. Ada yang bersetuju, ada yang tidak sama sekali. Ada pula yang separuh-separuh.

Nama Jebol tiba-tiba menjadi popular. Semua orang memperkatakan tentang dirinya. Di muka-muka akhbar, di kaca-kaca tv, semua media membuat liputan tentang diri Jebol.

Hari itu seperti biasa sebelum matahari terbit Jebol turun bekerja. Tapi sekitar 5.00 petang Jebol sudah muncul di hadapan pintu rumahnya. Bininya amat terkejut. Bininya seakan tidak percaya lalu berlari keluar merenung matahari. Betul, matahari belum tenggelam. Betul, dia tidak bermimpi. Tapi wajah Jebol kelihatan sugul dan muram. Jebol seperti sedang menanggung dukacita yang amat sangat.

Tanpa mpedulikan isterinya Jebol membuka baju dan duduk di pelantaran depan rumahnya. Dia memandang jauh pada seluruh kawasan di sekitarnya. Sinar matanya pilu dan sayu.

Setelah disiasat oleh bininya, ternyata Jebol sangat kecewa pada hari itu. Jebol merasa sangat kesal, pilu hampa dan terluka! Seluruh kawasan kota dan sekitarnya didapati sudah bersih walau sehelai benang! Tiada sampah sarap walau sebesar batang macis. Tong-tong sampah juga tidak kelihatan di mana-mana.

Ada beberapa buah kawasan pula tong-tong sampahnya sudah dikunci dengan rantai dan mangga. Seluruh kawasan sudah dijelajahnya. Seluruh tempat, seluruh sudut sudah ditelurusinya. Namun tiada lagi sampah sarap yang kelihatan.

Jebol seakan-akan tidak percaya pada fenomena itu. Ke manakah menghilangnya sampah sarap yang biasanya terdapat di kawasan tersebut? Mungkinkah telah diterbangkan oleh angin atau ditelan bumi?

Jebol termenung panjang. Malam itu Jebol betul-betul tidak dapat melelapkan mata. Pusing kanan, pusing kiri, Jebol macam cacing kepanasan.

Pagi esoknya, setelah Subuh Jebol keluar lagi. Beberapa kilo beg plastik hitam tergantung di bahu kanannya. Jebol sangat berharap pada hari tersebut ia akan dapat mengangkut lebih banyak sampah sarap.

Kalau semalam tidak ada sampah sarap, pasti pada hari tersebut sampah-sampah sudah banyak terkumpul, begitu detak hatinya. Tapi keadaan yang sama tetap berlaku.

Seluruh kawasan, tempat dan pesuk-pesuk sudah didatangi, walau sekecil batang macis pun sampah tiada yang dapat ditemui.

Perasaan marah tiba-tiba membuak dalam dadanya! Apakah dunia sudah tidak bergerak lagi? Apakah manusia sudah tidak mempunyai sampah sarap lagi? Tapi itu mustahil! Dunia masih berputar. Manusia-manusia masih berlegar di sekitarnya. Apa salah Jebol? Bukankah selama itu Jebol telah berbakti kepada seluruh masyarakat dalam melaksanakan tugasnya? Apa salah Jebol? Apa cacat celanya Jebol?

Selama seminggu keadaan itu terus berlarutan. Jebol cuba merisik dari kawan-kawannya, apa sebenarnya yang telah terjadi. Namun tiada jawapan pasti yang didapati.

Berbagai-bagai persoalan terus memburu fikiran dan emosi Jebol. Jebol bangang! Akhirnya Jebol membebankan diri bertanya pada pegawai atasannya. Ternyata jawapan tersebut sudah sepakat untuk menyembunyikan sampah sarap mereka dari disentuh oleh Jebol. Alasan mereka sudah meluat melihat diri Jebol yang asyik menyelongkar sampah-sampah yang ada.

Para penghuni flat, rumah-rumah teres, rumah-rumah persendirian, bangunan-bangunan, kedai-kedai dan pejabat-pejabat kononnya kini mengangkut sendiri sampah-sampah mereka ke tempat pembuangan.

Mereka tidak perlukan orang-orang seperti Jebol lagi. Anak-anak mereka juga kononnya takut melihat diri Jebol yang dikatakan agak ganjil, tidak seperti manusia normal dari yang lain.

Desas-desus ada pula mengatakan Jebol bukan manusia biasa. Lebih menyayat hati Jebol, ada yang sanggup mengatakan Jebol sebenarnya 'mata-mata'. Lebih menyakitkan hati Jebol, ada yang sanggup menuduh Jebol sebenarnya suka mengintai perempuan semasa melakukan tugasnya.

Jebol sedar itu semua adalah fitnah semata-mata. Bukankah itu tidak wajar! Sebodoh-bodoh Jebol pun dia masih dapat membezakan alasan yang boleh diterima atau sebaliknya. Setolol-tolol Jebol, dia masih tahu mencari rezeki dengan jalan halal, jauh dari meminta-minta.

"Jebol, aku rasa sudah tiba waktunya kau berhenti kerja. Orang ramai semakin mencurigaimu," begitu kata pegawai atasannya.

"Tapi aku tidak melakukan apa-apa kesalahan. Aku bekerja dengan jujur, tekun dan ikhlas!"

"Lain kali kau kena kerja ikut had-had masa yang ditentukan. Tidak kurang tidak juga terlalu berlebihan. Tapi kau tidak. Kau bekerja terus dari hari masih

PUISI

BI LA TIGA SURAH MANTAP DI HATI

I
AL-IKHLAS
adalah asas
yang awal lagi pertama
di bibir mahupun di hati
hanya kepada-Nya jua
segala penghambaan
segala permohonan.

Apabila mantap di hati
i fiquad ini
maka akan terjadilah
semua yang sukar untuk berubah,
akan berubah
jiwa rumsing kepada tenang
hati penakut kepada berani
sebab, bayang-bayang atau
angan-angan tiada lagi.

II

AL-FALAQ
adalah ayat pelindung
dari kejahatan sekalian makhluk
juga kejahatan-kejahatan pelbagai
kegelapan
kegelapan malam
kegelapan hati
kegelapan jalan-jalan kehidupan.

Dengan memantapkan ini
maka berdirilah di mana saja :
dalam diri sendiri atau di luar
ya, jika di luar ... di mana?
dalam masyarakat kecil atau yang
besar?
sama saja...
kerana 'Kubu Allah' itu sifatnya memang
hebat tiada menembusi.

III

AN-NAAS
ini juga ayat pelindung
dari kejahatan-kejahatan para pembisik
dan penghasut
yang timbul tenggelam...
ya, 'tenggelam' ertinya undur
bilakah mereka itu berundur?
apabila orang mukmin rajin berzikir.

Ingit, mereka ini dari kalangan
manusia dan jin
yang saling membantu untuk
memperdaya dan menipu
ah, sekiranya kita lemah dan rapuh
maka bersedialah, ya bersedialah
untuk roboh!

Tetapi usah kecewa,
Surah Al-Falaq dan An-Naas
adalah 'Benteng Rabbani'
bahawa yang dituntut hanyalah
ucapan di bibir terus ke hati
maka insya-Allah
semua kepalsuan dan kejahatan akan
punah.

SELAWAT

Di mana pun kita berada
dalam azab sengsara ini
berselawatlah banyak-banyak
ke atas Nabi...
semoga kasih menyebarkan nyalanya
dan kita pun bersedia
untuk melupakan derita putus asa
kerana memanglah perit
tampa Baginda Rasulullah :
ada yang tetap taat
dan ada juga yang tidak peduli, serta
ada pula yang suka mengikut
atau meniru-niru orang lain, sehingga
jika orang lain itu masuk
ke dalam lubang biawak ... maka
mereka pun melompat turut masuk
aduhai, betapa hinanya
aduhai, betapa deritanya.

Namun teman tidaklah bosan
mengajak tuan berselawat
selawat pintu syfaat
selawat pembuka jalan-jalan sukar :
jalan kepada pertunjuk
jalan kepada kejayaan
jalan kepada kemakmuran
jalan kepada keamanan
jalan kepada keselamatan
jalan kepada kesembuhan
jalan kepada kelepasan
ya selawat, oh selawat...
pewangi kehidupan
bagaima, oh selawat...
segala keajaiban!

Dengan apa pun caranya
dengan hati hadir atau lalai
ganjarannya tetap ada :
sekali dibalas dengan sepuluh
oleh Allah Maha Pemurah
aduhai, betapa mewahnya
umat Muhammad.

Tetapi berapakah yang teringat
jika dibanding dengan yang lupa?
Ibarat sakit lama
yang tidak terawat
ya, inilah dia
kepincangan kita
kepincangan ummah
rezeki dalam tangan diabaikan
untuk mencari yang lebih
tetapi apakah yang lebih itu?
muziklah ia?
nyanyianlah ia?

ah, sungguh dangkal
pemikiran selapis... sehingga
tertutup pula jalan ke Syurga
hanya kerana keseronokan sesaat
sedang esok hampir kiamat
mulut-mulut terkunci, tidak mampu
untuk menyebut 'ALLAH' lagi.

Adi Rumi
Pulau Pinang
23.5.2003

TAUBATNYA

Kini aku sedar
betapa lebihnya kehidupan
pada kesilapan lalu
yang perlukan taubatnya
demu menghindarkan
kepalsuan dan kesyirikan
yang membunuh ruang
keinsafan.

Sesungguhnya aku terlanjur
memiliki ilmu yang tandus
akan petunjuk-Nya
dan hilang pertimbangan
dalam kekuatan-Nya.

Haruskan aku memilikinya
setelah mengerti kesilapan itu
lalu
memdamba iman dan takwa
bagi kebenarannya.

AKU

Aku berdiri di sini, masih menanti
langkah tersusun namun tetap
tersasar
kadang kala aku terlupa akan kata iman
kadang kala aku terlupa akan kata hati
kenapa hati masih sepi walaupun
konon terisi?
kenapa hati masih ragu walaupun
konon meyakini?

Aku mahu menjadi aku
bukannya seorang idealis
hati mahu dijaga, cinta mahu disimpan.

Aku tetap aku, ingin mengasihi dan dikasihi
ingin mengikut kata dan
ingin mengikut hasrat di hati
salah pada orang lain
salah pada mata iman.

Namun aku manusia ingin menerokai
segenap hati
sehingga aku bertemu
satu titik akhir... tapi bila?
aku tetap menanti
menanti dan
menanti sampai bila-bila.

Inafarina - 2811

PAHLAWANKU

Pahlawanku
berjuanglah
mempertahankan negara tercinta
meneroka hutan belantara
mempertahankan bumi nan hijau
cintailah kedamaian
keajaiban
kucup keamanan.

Pahlawanku
di sana khidmat mu ditabur
dengan semangat berkobar-kobar
berlari menyusur sungai
mengatur langkah mendaki bukit-bukau
menuruni lurah
merentasi hutan belantara
berjuang berpanas
demi rinduan
sentuhan kedamaian
ketenteraman negara
yang diperjuangkan.

Pahlawanku
ku tahu tiada gentar di hatimu
tiada geran di jiwamu
cekal dan tabah
berani dan gagah
menentang apa jua di hadapanmu
demi negara kita
kejahebatan bersama
di bawah pemimpin yang bijaksana
di bawah panji-panji negara kita
aman damai selamanya.

Shanti Kasih

REDUP DIGILAS BAYANG

Di malam merah terbakar
bulan berbau belerang
ada bintang redup digilas bayang
kemalapan pelita ayunan dendam
manusia kehilangan diri dan pegangan.

Manusia saling bersapa
sedang kengerian menjajah awan dan
langit
hidup di bumi dalam kegelapan cinta iseng
kian jauh menjelajah semakin parah.

Demikianlah hidup mengugat hakikat
berbau dalam larutnya usia malam
dari peradaban membawa hancur
kehidupan yang pura-pura.

Alwi S. M.

Dari muka 12

gelap sehingga matahari terbenam. Sampah yang sudah tidak ada, kau cari-cari. Uras-uras yang tersisip, tersuruk, tersumbat di celah-celah lubang hidung, lubang telinga dan celah ketiak pun kau korek! Daki-daki di celah-celah pelipatan tubuh pun kau sental habis! Bahkan tong-tong najis pun khabarnya kau selongkar juga!! Siapa yang tidak gerun melihat cara kau bekerja. Silap-silap kau ditiduh sinting pula."

"Tapi itu semua memang sampah tuan! Dan itu semua patut dibersihkan. Bukankah sampah sarap dan kekotoran memudaratkan kesihatan dan alam sekitar? Lagi pun itu semua memang kerja aku. Aku bahagia dengan kerja-kerja aku, tuan. Paling tidak, aku juga akan mendapat pahala dari Tuhan kerana bekerja dengan tekun dan jujur."

"Aku faham! Aku mengerti! Tapi begini sahaja Jebol, kalau kau masih sayangkan pekerjaan ini, kau kena ikut peraturan. Kerja ikut masa. Mana-mana yang kena suruh kau buat. Mana yang tidak, jangan sentuh. Sampah sarap yang rasanya sudah buruk berulat, jangan dikorek-korek. Baunya tentulah tidak menyenangkan dan mungkin saja boleh menambah beban kos."

Sampah sarap yang di belakang bangunan-bangunan lama, rumah-rumah persendirian atau tempat-tempat ter-

Dari muka 2

iv. Kekejaman Raja. Episod ini terdapat juga dalam HRP dan SM. Kekejaman Sultan Ahmad yang mempunyai nafsu berahi terhadap anak sendiri dan sifat dendamnya terhadap Tun Braim Bapa yang mahukan dia mati ada diceritakan dalam HRP (lihat Hill, 1960: 75). Manakala, SM pula kekejaman Paduka Seri Maharaja yang mudah termakan hasutan pembesar dengan membunuh budak kecil yang menyela-

matkan Singapura dari dilanggar todak (lihat Winstedt, 1938: 81). Selain itu, dalam SM juga diceritakan keputusan Sultan Mansur Syah menghukum bunuh ke atas Hang Tuah (lihat, Winstedt, 1938: 112). Sultan Mahmud menitahkan Tun Bayajit untuk membunuh Tun Ali (lihat Winstedt 1938: 152).

v. Penyesalan Sultan Ahmad atas perbuatannya terhadap Tun Braim Bapa dalam HRP ketika Pasai ditimpa kekalahan (lihat Hill, 1960: 99). Penyesalan begini juga terjadi terhadap Sultan Mansur Syah dalam SM ke atas Hang Tuah (lihat Winstedt, 1938: 112).

vi. Kedua-dua naskhah ini HRP dan SM terdapat bahasa berirama atau diselitikan bentuk puisi. Sebagai contoh (lihat Winstedt, 1938: 98) dan (lihat Hill, 1960: 84).

PERBEZAAN KEDUA-DUA NASKAH HRP DAN SM

Awal-awal tadi dinyatakan bahwa secara zahirnya SM lebih tebal dan panjang penceritaannya daripada HRP, ini sudah memungkinkan adanya perbezaan di antara kedua-duanya.

Walaupun cerita HRP ada terdapat dalam SM, ini bukan menjadi jaminan bahwa keseluruhan cerita itu sama. Ini jelas bahwa HRP dalam SM hanya terdapat dalam cereka 7 dan 9 sahaja dan diceritakan secara pendek sahaja.

Perbezaan lebih ketara lagi jika ditinjau pencerita-

taannya di antara kedua-dua naskhah. Ternyata SM lebih luas latar tempat penceritaannya, seperti negeri Siam, Brunei, China, Keling dan tempat-tempat lain. Begitu juga halnya mengenai pencerita dalam SM yang mempunyai tiga peringkat, iaitu Singapura, Melaka dan Johor.

Berbanding dengan HRP yang mempunyai latar tempat yang terbatas, iaitu Semudera/Pasai. Manakala penceritaannya hanya tertumpu kepada Sultan Malikul Saleh dan Sultan Ahmad dan selepas itu berakhir dengan kekalahan Pasai.

Dari sudut jurai keturunan atau salsilah raja-raja didapati bahwa SM lebih panjang kerana di Singapura mempunyai enam generasi daripada Seri Teri Buana, kemudian dikalahkan oleh Majapahit dari ke Melaka sehingga tujuh generasi dan akhirnya dari Johor setelah dikalahkan oleh Portugis mewujudkan tujuh generasi.

Tokoh-tokoh gagah perkara juga banyak diceritakan atau ditonjolkan dalam SM seperti kehebatan dan kegagahan si Badang, Hang Tuah dan Tun Perak. Tetapi dalam HRP cuma terdapat penonjolan besar hanya tertumpu kepada Tun Braim Bapa.

Dari sudut keagungan negeri, nampak dalam SM lebih menampakkan keagungannya terutama negeri Melaka. Sebagai contoh, Melaka dapat membuat perhubungan dengan negara-negara luar seperti China dan juga setiap kali menempuh peperangan sering kali diakhiri dengan kemenangan kepada negeri Melaka sehingga Majapahit atau Siam sendiri kagum akan kegagahan Melaka.

SM terdapat susunan gelaran-gelaran dan tugas-tugas para pembesar negara serta susunan adat istiadat dengan jelas dihalakan (lihat Winstedt, 1938: 84-88).

HRP DENGAN CERITA HRP DALAM SM

Terdapat perbezaan cerita dalam HRP dengan cerita HRP dalam SM.

tentu jangan kau dekati, jangan kacau. Semua itu mungkin saja ada sampah-sampah yang mahu dikitar semula.

Kau buat kerja pada tempat-tempat yang diarahkan saja. Tempat-tempat yang dilarang jangan kau agut. Biarkan saja. Bawa bersabar, bawa berfikir panjang. Hujung bulan kau terima gaji yang tidak kurang satu sen pun. Hujung tahun kau tetap dapat bonus juga. Tidak perlu kerja teruk-teruk, menyusahkan diri sendiri. Fahamm?

Jebol menekur tanah. Agak lama dia terus mendiamkan diri. Wajahnya kelihatan sugul. Perasaan sebak dan pilu memenuhi dadanya. Dia sangat sayangkan pekerjaannya. Dia tidak ingin kehilangan kerjanya itu. Dia tahu, sudah tiada pilihan lain lagi. Jebol harus memilih antara dua.

Akhirnya Jebol menganggukkan kepalanya, tanda akur. Segala arahan baru telah dijalankan dengan baik dan bersungguh-sungguh.

Lebih kurang tiga bulan selepas itu Jebol tiba-tiba dinaikkan pangkat. Jebol tidak lagi perlu bekerja mencari dan membersihkan sampah sarap.

Kini Jebol kelihatan lebih ceria dan bersemangat dikelilingi dengan longgokan dan timbunan sampah sarap di suatu tapak pelupusan yang besar dan lapang.

Lebih jelas lagi cerita HRP dalam SM lebih pendek dari HRP.

HRP diceritakan dari Pasai iaitu sebagai negeri yang mula memeluk agama Islam dan mengenai dua orang raja adik-beradik yang bernama Raja Muhammad dan Raja Ahmad tetapi dalam cerita HRP dalam SM ternyata diceritakan terus mengenai dua beradik Merah Chaga dan Merah Silu. Ini juga berbeza yang terdapat dalam HRP yang menyatak Merah Silu adik beradik dengan Merah Gajah. Kemudian terdapatnya cerita Tun Braim Bapa dalam HRP dan tidak terdapat dalam cerita HRP dalam SM. Adanya cerita Raja Sharu-nuwi menangkapi Raja Samudera dalam cerita HRP dalam SM yang tidak terdapat dalam HRP.

PENUTUP

Dapatlah diandaikan bahwa adanya perbezaan dan persamaan ini mungkin didorong oleh sikap manusia itu sendiri yang sudah difahami bahwa tidak mustahil setiap masyarakat atau bangsa itu ingin menampilkan dan menonjolkan masyarakatnya lebih agung, ternama dan gagah perkara untuk mewakili bangsanya. Ini jelas bahwa HRP difahamkan sebagai naskhah yang tertua dalam karya sastera bercorak sejarah dan menjadi model bagi SM. Justeru itu, SM lebih hebat penonjolannya sama ada dari sudut jurai keturunan raja, kemegahan negeri, watak perkara dan pada perkara-perkara dan peristiwa yang lain. Bukti yang dapat dijadikan contoh ialah dalam SM tidak ada cerita mengenai kegagahan Tun Braim Bapa dalam cerita HRP berbanding dengan HRP. Ini mungkin didasari dari kesengajaan untuk tidak menonjolkan negeri Pasai dengan tokoh perkasanya walaupun dalam SM sendiri mengakui akan wujudnya kebesaran negeri Pasai.

SM terdapat susunan gelaran-gelaran dan tugas-tugas para pembesar negara serta susunan adat istiadat dengan jelas dihalakan (lihat Winstedt, 1938: 84-88).

HRP dengan cerita HRP dalam SM

Terdapat perbezaan cerita dalam HRP dengan cerita HRP dalam SM.

A. Kamis Hj Tuah, (1991). "Struktur Teks Karya-karya Sastera Melayu Lama: Rujukan Karya-karya Sastera Sejarah (Historiografi Tradisional Melayu)" dalam Bahana September, Brunei: DBP.

Haron Daud, (1993). Sejarah Melayu Satu Kajian Daripada Aspek Pensejarahan Budaya, Kuala Lumpur: DBP.

Hashim Awang, (1984). Seuntai Mutiara Klasik, Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Hill, A. H., (1960). 'Hikayat Raja-Raja Pasai', JMBRAS vol. xxxiii Pt II.

Khalid Hussain, 'Tanya Jawab Bahasa dan Sastera' dlm Dewan Bahasa Mac ? (dipetik 'Salsilah Raja-raja Brunei Sebagai Karya Historiografi Brunei' dalam PELITA BRUNEI, 2 8 September 1994).

Khalid Taib, (1981) 'Sastera Sejarah' in the Malay World: A Structural and Contextual Study of Folkloristic Elements in Transitional Genre, U.S.A: University Microfilms International.

Jones, Russel, (1987). Hikayat Raja-raja Pasai, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Sweeney, Amin P. L., (1968). "The Connection Between The Hikayat Raja-raja Pasai and The Sejarah Melayu", JMBRAS Vol. XLI Pt II.

T. Iskandar, Prof. Dr., (1967) "Three Malay Historical Writing in the First Half of the 17th century", JMBRAS Vol. XI Pt II. (1992). "Kedudukan Historiografi Tradisional Brunei di antara Historiografi Borneo", dalam Sumbangsih, Brunei: APB, UBD.

Winstedt, R. O. (1938). "Malay Annal (Sejarah Melayu)", JMBRAS Vol. XVI Pt III. (1938). "The Chronicles of Pasai", JMBRAS Vol. XVI Pt II.

Zahrah Ibrahim, (1986). Sastera Sejarah Interpretasi dan Penilaian, Kuala Lumpur: DBP.



ستياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تيليبيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak
memutar mana-mana
jua rancangan

R A B U 4 JUN	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI -	4.12	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	SIRAH NABAWIYAH	8.50	DRAMA - 'Amanah'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	Sambungan	4.15	ANIMATION HOUR :			9.25	HALUAN
		KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT		MARSUPILAMI	MALAM	10.00	NEWS AT 10
	6.02	MUTIARA FIRMAN			5.00	JUARA - Siaran Langsung	7.00	10.30	COSBY SHOW - SR. 2
	6.12	RAMPAI PAGI -	PETANG		5.45	BERITA	7.20		'Enter Lucas'
		Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.00	CAFE DIGITAL	7.46	11.00	BEYOND CHANCES II
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.30	AZAN MAGHRIB	8.00	11.50	DOA DAN SIARAN TAMAT

K H A M I S 5 JUN	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI -	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	FIQHUL MIRATS		Langsung
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	Sambungan	4.15	ANIMATION HOUR:			10.00	NEWS AT 10
		KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT		THE MAGICIAN/	MALAM	10.30	BOLA SEPAK LIGA PER
	6.02	MUTIARA FIRMAN				FRACASSE			DANA II - 2003 - 'Brunei
	6.12	RAMPAI PAGI -	PETANG		5.00	ON THE BALL	7.00		Darussalam Lwn Kuala
		Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.30	MINDS APART	7.25	11.00	Lumpur'
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.30	AZAN MAGHRIB	8.00		WAYANG PILIHAN -
							8.50	12.00	'The Beautician And The
									Beast'

J U M A A T 6 JUN	PAGI	11.15	INDUSTRI BRUNEI		BRUNEI - 'B' LEAGUE	5.15	TOMORROW'S WORLD	8.00	BERITA NASIONAL
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.30	BERITA	2.30	DINAMIK - Siaran	5.45	9.00	MENDULANG
		KEBANGSAAN	11.40	JEJAK RASUL SR. 7 -		Langsung	6.00		ANUGERAH
	6.02	MUTIARA FIRMAN	12.15	Ulangan	3.00	TAYANGAN GAMBAR	6.30	9.30	BUSH BEAT
	6.12	RAMPAI PAGI -	12.30	BRUM	3.43	AZAN ASAR	6.45	10.00	NEWS AT 10
		Siaran Langsung		SEMBAHYANG FARDU	3.49	TAYANGAN GAMBAR		10.40	KHUTBAH JUMAAT
	9.00	BERITA		JUMAAT- Siaran Langsung		- Sambungan	MALAM	10.50	LIGA KEBANGSAAN
	9.15	RAMPAI PAGI -	PETANG		4.30	ANIMATION HOUR :	7.00		BRUNEI 2003 - 'B'
		Sambungan				VOLTRON - DEFENDER	7.20		LEAGUE
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	1.30	VISI SUCI		OF THE UNIVERSE/USOP	7.46	11.20	TELEDRAMA
	10.15	SESAME STREET	2.00	LIGA KEBANGSAAN		SONTORIAN		12.05	DOA DAN SIARAN TAMAT

S A B T U 7 JUN	PAGI		Sambungan		DESTINASI	3.25	SMALLVILLE	MALAM	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	12.20	AZAN ZUHUR	3.44		
		KEBANGSAAN	10.10	ANIMATION HOUR:			4.15	7.00	DUNIA ASIA
	6.02	MUTIARA FIRMAN		CLAMITY JANE/	PETANG		4.45	7.25	THE UNREAL
	6.12	RAMPAI PAGI -		STREET SHARKS	1.15	PANGGUNG PETANG	5.15	7.46	AZAN ISYAK
		Siaran Langsung	11.00	BIOLOGIC		SABTU - 'Jock Of The	5.45	8.00	BERITA NASIONAL
	9.00	BERITA	11.30	BERITA		Bushveld'	5.55	8.50	HIBURAN HUJUNG
	9.15	RAMPAI PAGI -	11.40	DRAMA - (Ulangan)	2.30	TINJAUAN - Ulangan	6.31	10.00	NEWS AT 10
		Sambungan	12.15	DOKUMENTARI :	3.00	WEIRED TV	6.45	10.30	TAYANGAN GAMBAR -
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN							'Split Decision'
								1205	DOA DAN SIARAN TAMAT

A H A D 8 JUN	PAGI	10.10	SESAME STREET	1.45	CGU ASIAN BOWLING -		MASYARAKAT -	MALAM	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.15	PADA SUATU HARI SR. II		'Chinese Taipei - Women			
		KEBANGSAAN	11.30	BERITA		Highlight'		7.00	BRUNEI SIUK
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.40	SUNDAY MATINEE -	2.40	ROSEWELL - 'To Have	5.00	7.47	AZAN ISYAK
	6.12	RAMPAI PAGI -		'Magic Rock'		And To Hold'	5.35	8.00	BERITA NASIONAL
		Siaran Langsung	12.20	AZAN ZUHUR	3.10	MASAK APA?		8.50	TIRAI KELUARGA -
	9.00	BERITA			3.46	AZAN ASAR	5.45	10.00	'Wama Wami Hati'
	9.15	RAMPAI PAGI -	PETANG		4.00	ANIMATION - 'The Wacky	6.15	10.30	NEWS AT 10
		Sambungan				World Of Tex Avery'	6.31		TIRAI KELUARGA
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	1.20	SPORT PAGE	4.30	KAUNSELING	6.45	11.00	- Sambungan
								11.50	GUINNESS RECORDS :
									PRIME TIME
									DOA DAN SIARAN TAMAT

I S N I N 9 JUN	PAGI		Sambungan	4.15	ANIMATION HOUR : CAR-	6.45	BIMBINGAN KELUARGA		Permata'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00	SIARAN TAMAT		TOUCHE PRINCE OF THE		9.25	ORL FORUM -
		KEBANGSAAN				STREET/BOB MORANE	MALAM		'Berdengkur'
	6.02	MUTIARA FIRMAN			5.15	SUKAN GLOBAL	7.00	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	7.25	10.30	GREAT QUAKES - 'Turkey'
		Langsung	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.00	ENDANGERED	7.47	11.20	BIZARRE
	9.00	BERITA	4.12	SUSUNAN	6.31	AZAN MAGHRIB	8.00	11.50	DOA DAN SIARAN
	9.15	RAMPAI PAGI -		RANCANGAN			8.50		TAMAT

S E L A S A 10 JUN	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI -	4.10	SUSUNAN RANCANGAN		Ulangan	7.47	AZAN ISYAK
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	Sambungan	4.15	ANIMATION : 'UNDER	6.32	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL
		KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT		NEPTUNE'S FLAG'	6.45	8.50	TINJAUAN
	6.02	MUTIARA FIRMAN			5.00	NATURAL HISTORY -		9.20	E2K - DUNIA KOPERASI -
	6.12	RAMPAI PAGI -	PETANG			'Shark Cnetral : The	MALAM		'Koperasi Maktab S.O.A.S'
		Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	Secrets Of Rangiroa Atoll'	7.00	10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.05	DRAMA - 'Nekad' -		10.30	ER - 'Such Sweet Sorrow'
							7.30	11.30	MDA
								12.20	DOA DAN SIARAN TAMAT



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Abdul Hamid menyampaikan hadiah kepada juara Talentime 2003, Dayang Nurfairuzneezan. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

Dayang Nurfairuzneezan juara talentime

JERUDONG, 24 Mei. - Lagu 'I Will Always Love You' yang dipopularkan oleh penyanyi antara-bangsa Whitney Houston membawa tuah kepada Dayang Nurfairuzneezan Md. Helmi setelah dipilih menjadi juara Talentime 2003.

Dayang Nurfairuzneezan yang berusia 16 tahun berasal dari Daerah Belait dan kini masih menuntut di Sekolah

Oleh
Abu Bakar HAR

Menengah Sayyidina Ali berjaya memukau para hakim serta penonton apabila dendangan lagu yang dipersembangkannya sungguh bertenaga, sekali gus menyingkirkan sembilan rakan yang lain di pertandingan itu.

Pertandingan yang me-

nampilkan seramai 10 peserta itu berlangsung di Jerudong Park Amphitheatre dan dihadiri oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Abdul Hamid selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang. Sementara naib juara telah dimenangi oleh Mohd. Khairy Missal-

nizam Haji Khamis dengan lagu 'Right Here Waiting', dan tempat ketiga disandang oleh Mohd. Faizal Haji Khamis dengan lagunya 'Someday'.

Pertandingan yang mendapat sambutan yang menggalakkan dari para peminat seni suara di negara ini turut dihiburkan dengan persembahan nyanyian oleh artis luar negara.

'Story Telling' uji kebolehan kanak-kanak



SEORANG pelajar yang menyertai Peraduan 'Story Telling' Ke-2 berlangsung di Sekolah Rendah Pintu Malim. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Oleh
Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 Mei. - Peraduan 'Story Telling' bahasa Inggeris bertujuan menguji kebolehan kanak-kanak untuk berdepan dengan orang ramai dan membiasakan mereka untuk terus mengamalkan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Di Sekolah Rendah Pintu Malim, Jalan Kota Batu diadakan 'Story Telling Competition' Ke-2 dianjurkan oleh Bahagian Pendidikan dengan ker-

jasama Pusat Bagi Guru-Guru British (CFBT) di negara ini.

Seramai 15 orang murid-murid sekolah rendah dari 15 buah sekolah berasingan Kawasan Brunei I menyertai peraduan tersebut yang dihadiri oleh Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Rendah, Awang Haji Abdul Aji bin Haji Ishak.

Murid-murid yang menyertai peraduan itu membacakan pelbagai tajuk cerita dalam bahasa Inggeris yang dinilai dari cara penyampaian cerita dan kefasihan bahasa serta kehafalan.



NAIB Juara Talentime 2003, Mohd. Khairy Missal-nizam Haji Khamis menerima hadiah dari tetamu kehormat. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan,
diberikan percuma kepada rakyat;
rajin membaca luas pengetahuan,
Alai jawablah soalan tercatat.

1. Di manakah berlangsungnya Sesi Luar Biasa Ke-2 Sidang Kemuncak Ke-9 Pertubuhan Per-sidangan Islam (OIC) yang dihadiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia baru-baru ini?
a) Doha, Qatar
b) Manama, Bahrain
c) Muscat, Oman
2. Berapa ramailah anak damit yang dilahirkan pada 1 Muharam tahun ini?
a) 19 orang
b) 22 orang
c) 31 orang
3. Apakah tema Pameran BITEK 2003 yang berlangsung pada bulan Februari lalu?

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
2. PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

1. Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
- Jawapan Alai Pintar keluaran 14 Mei 2003.
1. A. 2. B. 3. 'Membuang Anak Dosa Paling Besar.'

ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 584

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruang Alai Pintar, 584,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN
PERPUSTAKAAN RUJUKAN,
JABATAN PENERANGAN

TIADA PEMENANG ALAI PINTAR KELUARAN 14 MEI 2003



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan mempengerusikan Mesyuarat Ke-4 Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-57. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Jawatankuasa Kebangsaan meneliti persediaan, format persembahan

BANDAR SERI BEGAWAN, 13 Mei. - Mesyuarat Ke-4 Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-57 antara lain meneliti serta membincangkan

Oleh
Abu Bakar HAR

beberapa isu-isu berbangkit, di samping mengesahkan minit mesyuarat yang lalu.

Mesyuarat yang diadakan di Dewan Persantapan Lapau di ibu negara itu telah dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan.

Juga disentuh di mesyuarat tersebut termasuklah meneliti persediaan serta format persembahan di keempat-empat daerah yang mana Pegawai pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Perayaan Peringkat Daerah sudah membuat persediaan untuk dikemaskinikan bagi

membuat persembahan yang lebih baik dari tahun-tahun yang lalu.

Berangkat dan hadir di mesyuarat itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, pegawai-pegawai Daerah dan pegawai-pegawai kerajaan.

UBD terima sumbangan buku mengenai Filipina

Oleh
Aliddin HM

TUNGKU, 13 Mei. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) terus menerima sumbangan buku dari pihak luar bagi menambahkan lagi jumlah koleksi buku di Perpustakaan UBD.

Buku-buku itu nanti bolehlah digunakan bagi keperluan rujukan mahasiswa dan mahasiswi UBD dan para pelajar di negara ini.

Majlis Penyerahan Buku mengenai Republik Filipina sumbangan Kedutaan Besar Republik Filipina sempena memperingati ulang tahun ke-100 kematian Apolinario Mabini, Menteri Hal Ehwal Luar pertama negara itu telah disampaikan oleh Duta Besar Republik Filipina ke negara ini, Puan Yang Terutama Virginia H. Benavidez kepada Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman di Bilik Persidangan di UBD.

Sebanyak 13 tajuk buku disumbangkan yang menyediakan maklumat mengenai sejarah dan perjuangan rakyat Filipina serta kebudayaan dan lain-lain lagi.



NAIB Canselor UBD, Dr. Haji Ismail menerima buku sumbangan Kedutaan Besar Republik Filipina yang disampaikan oleh Duta Besar negara itu ke negara ini, Puan Yang Terutama Virginia H. Benavidez. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.



BUKU-BUKU mengenai Republik Filipina yang disumbangkan kepada Universiti Brunei Darussalam. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.

PERADUAN PINTU GERBANG

PERADUAN Pintu Gerbang kawasan-kawasan, pejabat-pejabat dan sekolah-sekolah akan diadakan sepanjang sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-57 bagi tahun 2003.

Peraduan terbuka kepada jabatan-jabatan kerajaan dan sekolah-sekolah, maktab-maktab dan institusi pengajian tinggi di Daerah Brunei dan Muara. Tempat-tempat yang akan dihakimi di dalam lingkungan 16 kilometer, dari Pusat Bandar Seri Begawan.

Butir-butir lanjut dan borang diperolehi daripada Setiausaha, Pg. Haji Ismail bin Pg. Haji Damit, Awang Aminuddin bin Haji Puteh, Pg. Haji Jaludin bin Pg. Md. Salleh dan dialamatkan Jabatan Kerja Raya, Bahagian Pengurusan Bangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas atau melalui telefon 2382920 sambungan 179, 260 dan 245 semasa pejabat dibuka. Tarikh tutup menghantar borang tidak lewat 26 Jun 2003.



PEGAWAI dan anggota Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei (ATPBDB) mengadakan Majlis Bertahli sebelum memulakan Kempen Kebersihan di Masjid Omar 'Ali Saifuddin sempena ulang tahun ke-42 ABDB (atas). - Gambar oleh Masri Osman.

KEMPEN Kebersihan yang disertai oleh pegawai-pegawai dan anggota ATPBDB di Masjid Omar 'Ali Saifuddin merupakan salah satu aktiviti bersempena menyambut ulang tahun ke-42 penubuhan ABDB (kanan). - Gambar oleh Abdullah HAD.



Kempen Kebersihan sempena ulang tahun ABDB

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Mei. - Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei (ATPBDB) hari ini mengadakan Kempen Kebersihan sempena ulang tahun ke-42 penubuhannya di Masjid Omar Ali Saifuddin di ibu negara.

Timbalan Pemerintah ATPBDB, Leftenan kolonel Haji Abdul Ghani bin Haji Abdul Wahab telah mengetuai kempen tersebut disertai oleh semua unit ATPBDB.

Seramai lebih 200 orang pegawai dan anggota ATPBDB menyertai kempen yang bermula dengan Majlis Bertahli

Oleh
Bolhassan HAB

untuk mengambil keberkatan sempena ulang tahun ABDB pada 31 Mei setiap tahun.

Selain diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Kempen Kebersihan juga diadakan di masjid-masjid lain seperti Masjid Pulaie, Masjid Sufri Bolkiah di Kampong Perpindahan Burong Pingai, Berakas.

Di samping itu, unit-unit di bawah ATPBDB juga mengadakan kempen membersihkan tanah perkuburan orang-orang Islam yang diselajurkan dengan Majlis Bertahli.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan kerabat diraja bergambar kenangan bersama para graduan Institut Teknologi Brunei di Majlis Konvokesyen Ke-12.



Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Majlis (atas). Sementara gambar bawah kanan, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Muhdyatul Bolqiah binti DYT M Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolqiah merupakan graduan di Majlis Konvokesyen tersebut.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolqiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamillah berangkat sama ke majlis berkenaan.

ANTARA graduan yang menerima Anugerah Diploma Tinggi Kebangsaan di majlis tersebut (gambar kanan).



Sesi Ke-30 Persidangan Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)

DYTM berkenan berangkat hadiri Persidangan OIC

TEHRAN, 28 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berangkat menghadiri pembukaan rasmi Sesi Ke-30 Persidangan Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.



Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan para Menteri Luar negara-negara anggota OIC di persidangan itu di alu-alukan oleh Menteri Luar Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Seyyed Kamal Kharrazi.

Terdahulu sebelum itu Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berangkat tiba di Tehran pada petang 26 Mei lepas.

Persidangan empat hari yang bermula pada hari ini hingga 30 Mei dirasmikan oleh Presiden Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Muhammad Khatami dan dihadiri oleh 57 negara ahli anggota OIC kecuali Iraq yang kini dalam keadaan belum stabil.

Persidangan Menteri-menteri Luar OIC ini juga turut mengundang negara bukan anggota OIC sebagai pemerhati dan badan-

badan serta pertubuhan antarabangsa.

Persidangan yang di-pengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Seyyed Kamal Kharrazi ini antaranya akan membincangkan perkembangan terkini yang berkaitan konflik Arab/Israel, mengenai isu Palestin, proses damai di Timur Tengah dan keganasan antarabangsa.

Juga disentuh ialah keadaan di Afghanistan, Bosnia-Herzegovina, Kosovo, Somalia, Chechnya, pertikaian Jammu Kashmir serta perkara-perkara yang menjadi perhatian utama umat Islam.

Selain daripada itu agenda persidangan tersebut juga meliputi hak asasi manusia, keadaan masyarakat Islam di negara-negara bukan OIC, isu ekonomi, hal-ehwal sosial dan teknologi, kebudayaan, pentadbiran dan hal-ehwal kewangan serta lain-lain perkara.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah berangkat di Majlis Pembukaan Rasmi Sesi Ke-30 Persidangan Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Pusat Persidangan Antarabangsa, Tehran.

**Liputan
Haji Ahat HI dan
gambar-gambar
oleh Abdullah HAD
dari Tehran**

OIC bincang isu keganasan, pelbagai isu antarabangsa



PRESIDEN Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Muhammad Khatami mengalu-alukan Duli Yang Teramat Mulia di Majlis Jamuan Makan Malam.

TEHRAN, 27 Mei. - Para Menteri Luar negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang akan memulakan Sesi Ke-30 Persidangan Menteri-menteri Luar OIC membincangkan isu keganasan antarabangsa dan Iraq.

Keganasan yang mengambil tempat sebagai isu global, menjadi fokus utama untuk ditangani oleh negara anggota OIC selepas dokumen anti-keganasan yang dikeluarkan selepas kejadian 11 September 2001.

Pengeboman yang meragut banyak jiwa dan mencederakan orang awam di Arab Saudi dan Casablanca bulan ini juga turut sama mendapat perhatian antara-

bangsa.

Selain itu keadaan di Iraq yang belum lagi menentu juga menjadi topik perbincangan.

Agenda yang disediakan oleh pegawai-pegawai kanan OIC semasa mesyuarat di Jeddah juga meliputi isu Kashmir, Palestin-Israel dan status Baitulmukaddis.

Mesyuarat juga mengundang Setiausaha Luar Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Blas Ople yang menghadiri sidang tersebut sebagai tetamu dan kesemua 57 negara anggota OIC tidak termasuk Iraq akan menyertai sesi plenari.

Anggota OIC perlu bekerjasama tangani keamanan sejagat

TEHRAN, 28 Mei. - Presiden Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Mohammad Khatami menggesa negara-negara Islam supaya mengekalkan perpaduan dan kerjasama bagi menjamin keselamatan dan keamanan sejagat.

Dunia Islam, katanya, memiliki jiwa dan kemudahan kewangan serta dorongan tinggi pemikiran Islam dan akan mampu berusaha mencapai status dunia.

Menyatakan perkara itu semasa membuka rasmi Sesi Ke-30 Persidangan Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Pusat Persidangan Antarabangsa, Tuan Yang Terutama seterusnya juga menyeru ke arah meningkatkan hubungan erat antara kerajaan dan pihak negara-negara Islam.

Melalui hubungan erat itu, tambah Tuan Yang Terutama, akan memperlihatkan keutuhan dalam

semua bidang terutama dalam mempertahankan kepentingan kebangsaan.

Menurut Tuan Yang Terutama, negara-negara Islam perlu gigih dalam memperkukuhkan keamanan atas dasar keadilan sejagat.

Menyentuh mengenai konflik Timur Tengah pula, Tuan Yang Terutama meneruskan kecaman ke atas pencerobohan serta penindasan rejim Zionis yang telah menguasai wilayah-wilayah Palestin.

Keamanan kekal ter-

hadap masalah tersebut, kata Tuan Yang Terutama, tidak akan dapat dicapai di rantau itu selagi hak rakyat Palestin tidak dikembalikan.

Schubungan itu Tuan Yang Terutama berharap negara-negara anggota

OIC akan memainkan peranan aktif di peringkat serantau dan antarabangsa, terutama melalui kerjasama dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Mengenai keganasan

antarabangsa pula, Tuan Yang Terutama menyatakan negara-negara Islam mempunyai tugas yang sama untuk menangani isu itu.

Tuan Yang Terutama menyangkal pandangan se-

hala pihak Barat mengenai isu tersebut dan berharap Persidangan Menteri-menteri Luar OIC di Tehran akan dapat mencari jalan penyelesaian masalah itu melalui kerjasama negara-negara anggota OIC serta pertubuhan antarabangsa.



PRESIDEN Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Muhammad Khatami merasmikan Sesi Ke-30 Persidangan Menteri-menteri Luar OIC di Pusat Persidangan Antarabangsa.



SUASANA Majlis Pembukaan Rasmi Sesi Ke-30 Persidangan Menteri-menteri Luar OIC yang dihadiri oleh 57 negara anggota di Tehran.

Sesi Ke-30 Persidangan Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)

Liputan Haji Ahat HI dan gambar-gambar oleh Abdullah HAD dari Tehran

Negara lahirkan rasa simpati kejadian di Algeria, Arab Saudi Maghribi dan Iraq

TEHRAN, 28 Mei. - Negara Brunei Darussalam turut sama menyatakan rasa simpati dan sedih di atas peristiwa gempa bumi yang melanda Algeria, pengeboman di Arab Saudi dan Maghribi yang baru lalu.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bersabda, Negara

Brunei Darussalam sama-sama berkongsi kesedihan di atas kehilangan saudara mara mereka yang terlibat dalam kejadian-kejadian itu.

"Kami menyatakan rasa simpati di atas kehilangan

saudara mara yang tersayang semasa kejadian gempa bumi di Algeria dan juga rasa simpati kepada rakyat Arab Saudi dan Kerajaan Maghribi yang terlibat dengan kejadian pengeboman," sabda Duli

Yang Teramat Mulia semasa berangkat menghadiri Sesi Plenari Persidangan Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Duli Yang Teramat

Mulia seterusnya bersabda, keganasan masih menjadi bayangan hal-ehwal antarabangsa dan ini turut sama melibatkan kita menanganinya di rantau ini bersama kesemua anggota ASEAN.

"Kami mengambil langkah tegas dan menyokong usaha ke arah keselamatan dunia dan juga percaya terdapat pihak yang juga sama-sama menyelesaikannya yang meliputi penghapusan keganasan ke akar umbi," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia menambah sabda, usaha gigih masyarakat antarabangsa dalam menangani perkara itu sangat dialu-alukan untuk mencapai kedamaian dunia.

Mengenai Iraq pula, Duli Yang Teramat Mulia juga bersabda, menyatakan rasa simpati kepada rakyat Iraq dan berdoa semoga pembangunan semula negara itu dapat dilaksanakan segera bagi kesejahteraan rakyat Iraq.

"Kami berdoa semoga pembangunan semula Iraq akan dapat dilaksanakan dengan lancar sebagaimana Resolusi 1483 Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu," sabda Duli Yang Teramat Mulia.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkenan mengadakan perjumpaan bersama Setiausaha Luar Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Blas Ople (atas kiri). Sementara gambar atas kanan, Duli Yang Teramat Mulia mengadakan perjumpaan bersama Menteri Luar Bosnia-Herzegovina, Tuan Yang Terutama Mladen Ivanic.



DULI Yang Teramat Mulia mengadakan perjumpaan bersama Menteri Luar Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Seyyed Kamal Kharrazi.

DYTM adakan perjumpaan bersama rakan sejawat

TEHRAN, 29 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan berangkat mengadakan perjumpaan bersama Menteri Luar Republik Islam Iran, Menteri Luar Bosnia-Herzegovina dan Setiausaha Luar Republik Filipina di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Duli Yang Teramat Mulia yang menghadiri Sesi Ke-30 Persidangan Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mula-mula mengadakan perjumpaan bersama Setiausaha Luar Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Blas Ople.

Selepas itu Duli Yang Teramat Mulia mengadakan perjumpaan bersama Menteri Luar Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Seyyed Kamal Kharrazi, kemudi-

an Menteri Luar Bosnia-Herzegovina, Tuan Yang Terutama Mladen Ivanic.

Terdahulu sebelum itu Duli Yang Teramat Mulia berangkat menghadiri Sesi Plenari Persidangan OIC, manakala sebelah malam pula Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat menghadiri Majlis Malam bagi para Menteri Luar

OIC yang disembahkan oleh Presiden Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Mohammad Khatami.

Selepas itu Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berangkat pulang.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan berangkat menghadiri Majlis Makan Malam bagi para Menteri Luar OIC dan tetamu jemputan yang disembahkan oleh Menteri Luar Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Seyyed Kamal Kharrazi (atas). Sementara gambar kiri, kelihatan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berangkat sama di majlis tersebut.

ISLAM MEMULIAKAN BANGSA YANG BERILMU

BERAKAS, 22 Mei. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyediakan pelbagai kemudahan dan prasarana serta peluang-peluang bagi rakyat dan penduduk di negara ini menikmati dan meningkatkan tahap pendidikan, sekali gus dapat meningkatkan taraf dan kualiti kehidupan rakyat yang akan menyumbang ke arah kemajuan berteraskan pembangunan rohaniyah dan jasmaniah demi kepentingan duniawi dan ukhrawi.

Untuk itu, ajaran Islam

Oleh
Siti Aishah HS

sesungguhnya memuliakan dan memartabatkan bangsa yang berilmu serta menguasai ilmu kerana ilmu pengetahuan adalah perisai dalam menghadapi apa jua cabaran dan ancaman semasa dan akan datang.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengerusi Bersama Majlis Perhimpunan Khas Wanita, Pengiran Anak Datin Hajah Masnah binti Pengiran Anak Safiuddin di Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun 1424 Hijrah yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC).

Perhimpunan itu antara lain untuk menyuntik semangat baru di kalangan wanita di negara ini terus gigih dalam sama-sama menegakkan syiar dan kemajuan Islam seterusnya memupuk nilai-nilai perpaduan serta mengeratkan silaturahim bagi menjana kehidupan beragama, bermasyarakat dan bernegara yang aman dan harmoni.

Majlis tersebut diselenggarakan dengan penyampaian Anugerah Bakti Khas Wanita bagi tahun 1424 Hijrah kepada Dayang Hajah Maslah binti Haji Mohd. Jawih, 69 tahun, merupakan seorang suri rumah tangga sepenuh masa dan mendidik seramai 11 orang anak-anak beliau dan penerima Anugerah Ibu Mithali sempena sambutan Awal Tahun Hijrah 1419 dalam kategori ibu yang tidak pernah memasuki alam persekolahan secara formal bagi Daerah Tutong.

Manakala penerima anugerah kedua ialah Pengiran Hajah Meah binti Pengiran Mohammad, 79 tahun, ibu kepada lapan orang anak dan pernah dianugerahkan sebagai Ibu Mithali sempena sambutan Awal Tahun Hijrah 1421 dalam kategori ibu yang berpendidikan tidak formal.

Kedua-dua penerima Anugerah Bakti Khas Wanita 1424 Hijrah menerima hadiah berupa wang tunai \$10,000.00, sijil penghormatan, cenderamata iringan dan kemudahan percutian percuma dalam wad kelas satu mana-mana rumah sakit kerajaan di Negara Brunei Darussalam.

Anugerah tersebut antara lain bertujuan untuk menjadi pendorong dan ikutan kepada generasi mendatang supaya negara dibangun oleh orang-orang yang bertakwa, berilmu, berakhlak mulia, beramal dan sentiasa dipelihara oleh Allah Subhanahu Wataala jua.

Sementara itu, perhimpunan seumpama itu merupakan salah satu langkah terbaik khususnya bagi kaum wanita di negara ini untuk mengukuhkan lagi semangat perpaduan dan kemesraan di kalangan mereka khususnya dalam memperingati hari keputeraan Baginda Rasulullah seterusnya meningkatkan kasih sayang terhadap junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menganugerahkan Anugerah Bakti Khas Wanita 1424 Hijrah kepada Dayang Hajah Maslah binti Haji Md. Jawih, 69 tahun (atas).

Gambar-gambar
oleh
Halim HS dan
Abdullah HAD

BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah Ahli-ahli Jawatankuasa Penyelenggara Perhimpunan Khas Wanita 1424 Hijrah (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berserta kerabat diraja bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Penyelenggara Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1424 Hijrah dan para penerima Anugerah Bakti Khas Wanita 1424 Hijrah (atas).



YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolqiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolqiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolqiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Anai Umi Kalihun Al-Islam dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani semasa berkenan berangkat ke majlis berkenaan (atas kiri dan atas). Sementara gambar kiri, Nadwah Khas yang dipengerusikan oleh Dayang Hajah Zakiah dan ahli panelnya ialah Pengiran Hajah Hairani dan Dr. Hajah Masnon.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan mengurniakan piala kepada ketua pasukan Pertubuhan Perumpuan (WI) yang menjadi juara dalam kejohanan Bulu Tangkis Piala Penaung Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam.

Berangkat ke Kejohanan Bulu Tangkis Piala Penaung Majlis Wanita

Oleh Siti Aishah HS
Gambar-gambar oleh Hamadi HM

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke Kejohanan Bulu Tangkis Piala Penaung Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam Ke-7 bertempat di Kompleks Sukan Penerbangan Diraja Brunei, Berakas.

Keberangkatan tiba baginda berserta kerabat diraja dijunjung oleh Yang Dipertua Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd Ali berserta Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Kejohanan Bulu Tangkis Majlis Wanita.

Berangkat sama di kejohanan berkenaan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Dalam sembah alu-aluan Yang Dipertua Majlis Wanita, kejohanan tersebut adalah sejajar dengan seruan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada NGOs dalam sama-sama mempromosikan kesihatan dan pengalaman gaya hidup yang sihat.

Sebelum perlawanan diteruskan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia disembahkan kenalkan kepada ketua/pengurus pasukan dan pasukan-pasukan yang menyertai perlawanan tersebut.

Di kejohanan itu, pasukan Pertubuhan Perumpuan (WI) telah menjuarai perlawanan dengan menang tiga berbalas dua ke atas pasukan IWC.

Tempat ketiga jatuh kepada pasukan PERTIWI dan Pandu Puteri mendapat tempat keempat di kejohanan tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menganugerahkan hadiah dan cenderamata dan baginda berkenan menerima pesambah dari Pengerusi Jawatankuasa Kerja Kejohanan, Datin Hajah Marhani.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima pesambah dari Pengerusi Jawatankuasa Kerja Kejohanan, Datin Hajah Marhani (atas). Sementara gambar kiri, baginda dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain ketika berkenan berangkat ke kejohanan tersebut yang berlangsung di Kompleks Sukan Penerbangan Diraja Brunei, Berakas.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima junjung ziarah para pemain pasukan-pasukan yang mengambil bahagian di Kejohanan Bulu Tangkis Piala Penaung Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (kiri).

KETUA Pasukan Pandu Puteri yang menduduki tempat ketiga menerima piala dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan bergambar kenangan bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Kejohanan Bulu Tangkis Piala Penaung Majlis Wanita (kanan). Sementara gambar kiri, pasukan-pasukan yang mengambil bahagian di kejohanan tersebut.

Apa sumbangan para guru terhadap masyarakat dan negara

BERAKAS, 6 Mei. - Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Masu'ut menggariskan dua persoalan yang harus difikirkan oleh para guru mengenai sumbangan dan penglibatan mereka terhadap masyarakat sekeliling.

Persoalan pertama yang ditekankan oleh beliau ialah apakah sumbangan balik para guru setelah berpeluang berkhidmat dengan agensi-agensi kerajaan terhadap masyarakat, negara dan persekitaran.

Persoalan kedua pula ialah sejauh mana dan sebanyak mana penglibatan para guru dengan institusi-institusi masyarakat seperti Majlis Perundingan Kampung/Mukim, Jawatankuasa Sekolah bersama orang kampung dan pertubuhan-pertubuhan sukarelawan di mana para guru ditugaskan.

Beliau mengajukan persoalan-persoalan berkenaan kepada kumpulan pendidik terdiri 30 orang guru dari Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab yang berpeluang mendengar Siri Ceramah Kenegaraan yang pertama anjuran Jabatan Penerangan di sini.

Beliau menimbulkan persoalan itu, kerana ada sebilangan masyarakat di tempat kita atau mukim yang tidak mempunyai

Oleh
Haji Ahmad HS

nasib yang baik seperti yang dimiliki oleh para guru yang sudah sampai ke menara gading dan mempunyai peluang-peluang yang lebih baik dari yang lain.

Dalam pada itu, katanya, sejauh mana keprihatinan ini ditunjukkan untuk membantu anak-anak buah kita di sekitar sekolah atau mukim selaku pegawai kerajaan.

Di majlis itu beliau juga mengalu-alukan pandangan para guru mengenai sumbangan yang dilihat sebagai siswazah, sama ada berijazah diploma ataupun sebanding dengannya setelah mendapat dermasiswa kerajaan, swasta dan persendirian dan mendapat pelawaan pekerjaan dengan agensi kerajaan.

Terdahulu dari itu para pelawat berpeluang mendengarkan sesi ceramah kenegaraan yang pertama anjuran Jabatan Penerangan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang menyaksikan para guru harus memikirkan sumbangan kepada negara dan menyambut. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

ngan yang dikhususkan bagi kumpulan pendidik.

Siri Ceramah Kenegaraan masing-masing bertajuk 'Peranan dan Fungsi Jabatan Penerangan dan Struktur Pemerintahan dan Sistem Pentadbiran Kerajaan' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Adnan bin Haji Ibrahim.

Di majlis itu para guru juga dibawa menyaksikan Pameran Jubli Emas Jabatan Penerangan sempena penubuhan Perkhidmatan Penerangan pada 1 April 1952.



YANG Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Malam Amal Puisirama Sumbangsihku 'Suara Hati - Rintihan Kasih'. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

'Suara Hati - Rintihan Kasih' kutip lebih \$30 ribu

Oleh
Abdullah Asgar

TUTONG, 17 Mei. - Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin bagi Daerah Tutong pada majlis Malam Amal Puisirama Sumbangsihku 'Suara Hati' - Rintihan Kasih' berjaya mengutip sejumlah \$31,683.42 melalui penjualan meja dan sumbangan orang ramai.

Kutipan tersebut akan disumbangkan kepada tabung berkenaan yang akan diserahkan kepada Jawatankuasa Urusetia Kebangsaan.

Dengan penjualan yang habis bagi meja platinum, emas, perak dan gansa ia menandakan yang rakyat dan penduduk di daerah itu sama-sama menyumbangkan wang ringgit mereka bagi membantu saudara-saudara di Palestin.

Hadir selaku tetamu ke-

hormat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim berbilang dari Dewan Mesra Kenangan, Halim Plaza.

Antara isi persembahan malam tersebut ialah tayangan video yang berjudul 'Kekajaman Israel dan Penderitaan Rakyat Palestin' yang diiringi dengan suara peristiwa dalam puisi yang bertajuk 'Suara Hati - Rintihan Kasih' yang ditulis oleh Adi Sukma.

Selain itu beberapa orang penyajak dan penyair negara juga diundang khas

bagi sama-sama mendeklamasikan puisi dan sajak masing-masing khusus bagi rakyat Palestin. Mereka termasuklah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Juga membuat persembahan Nasyid ialah Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Tetamu kehormat juga mendeklamasikan puisi iaitu P.B.B dan Pantunku, manakala puisi-puisi lain ialah 'Aku Ini Anak Palestin' dari Yahya M.S., 'Palestin Di Celah Pagar Berduri' dari K. Manis, 'Saudara-saudara Kita Palestin' dari Kumala Negara, 'Harga Sebuah

Watan, Palestin' dari Zairi M.S dan 'Bumi Palestina' ciptaan Rahim Dulani.

Sementara itu dalam ucapan alu-aluan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Hepnie antara lain menjelaskan beberapa aktiviti telah disusun bagi mengisi tabung berkenaan antaranya ialah Malam Tazakur Rakyat Palestin, Kutipan Sadak Tabung Rakyat Palestin, Walkaton Amal Tabung Kemanusiaan Rakyat Awam Palestin, Jualan Amal Mengisi Tabung Rakyat Palestin, Peraduan Fotografi Betupa (Konik), Gerai Bazar Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin, Larian Kebajikan Jabatan-jabatan dan Mukim Daerah Tutong dan Majlis Malam Puisirama.



ROMBONGAN kumpulan pendidik Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab bergambar kenangan bersama Pemangku Pengarah Penerangan ketika rombongan tersebut melawat Jabatan Penerangan. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

4,000 keping poster sempena Sambutan ABDB Ke-42 diedarkan

Oleh
Abu Bakar HAR

BERAKAS. - Sebanyak 4,000 keping poster telah diedarkan kepada kementerian-kementerian, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, jabatan-jabatan kerajaan, sekolah-sekolah dan bangunan tempat tumpuan orang ramai sempena Sambutan Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-42.

Sehubungan dengan itu majlis penyerahan poster

berkenaan telah diadakan di Jabatan Penerangan selaku penerbit dengan usaha sama Kementerian Pertahanan pada 20 Mei lalu.

Majlis penyerahan tersebut telah disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji

Bujang kepada wakil penerima termasuk wakil keempat-empat daerah di negara ini.

Dalam ucapan beliau di majlis itu menjelaskan bahawa dengan penerbitan poster tersebut akan meningkatkan lagi kesedaran rakyat dan penduduk di negara ini dalam meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan penghayatan terhadap pentingnya

pasukan pertahanan di negara ini mengekalkan keamanan dan kedaulatan negara.

Sementara itu dalam memeriahkan lagi sambutan pada tahun ini, Awang Haji Bujang menyeru rakyat dan penduduk di negara ini untuk menghadiri apa jua upacara yang dikendalikan oleh ABDB khususnya yang diadakan pada 31 Mei.

Pengakap lawat Kelab Penerbangan

Oleh
Bolhassan HAB

PENANJONG GARISON, 18 Mei. - Sekumpulan ahli dari Pergerakan Pengakap Udara telah mengadakan lawatan pengenalan ke tempat operasi Kelab Penerbangan Pesawat Model Kawalan Jauh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) di sini.

Lawatan yang diketuai oleh Ketua Bahagian Pergerakan Pengakap Udara, Abdul Jalil bin Dato Paduka Haji Marsal adalah untuk memberikan pen-

dedahan dan pendekatan kepada ahli-ahli berkenaan mengenai kegiatan udara.

Setiausaha II kelab tersebut, Awang Yasin bin Apang dalam penerangan ringkasnya antara lain berkata, objektif penubuhan kelab yang mempunyai seramai 114 ahli itu adalah untuk memupuk minat ter-

utama golongan belia dan penuntut kepada penerbangan dan kegiatan udara.

Pertunjukan udara penerbangan pesawat model telah dibuat oleh ahli-ahli kelab berkenaan sebagai atur cara lawatan. Ahli-ahli pengakap juga diberikan peluang membuat penerbangan pengenalan menggunakan Pesawat Model Pelatih dan Model Flight Simulator yang menggunakan komputer.

Kelab itu juga kerap di-

jemput membuat persembahan dan pertunjukan statik antaranya, Sambutan Hari Kebangsaan, hari keputeraan, Sukan SEA dan ulang tahun ABDB khasnya Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB).

Apa yang diharapkan melalui pendedahan tersebut akan membuka minat ahli-ahli pengakap untuk mencubakan diri dalam kerjaya yang berkaitan hal-hal penerbangan.



AHLI-AHLI Pergerakan Pengakap Udara ketika mengadakan lawatan ke Kelab Penerbangan Pesawat Model Kawalan Jauh ABDB. - Gambar oleh Masri Osman.

ARENA SUKAN

Kebudayaan boleh menjadi sumber maklumat

Oleh Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGA-
WAN, 12 Mei. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adnan berkata kebudayaan boleh bertukar sebagai alat untuk bertukar-tukar pengetahuan, maklumat dan kemahiran.

Oleh itu, jelas Yang Mulia, budaya juga boleh menjadi salah satu cara sederhana untuk menanamkan rasa perdamai dan kestabilan di seluruh dunia.

Dato Paduka Awang Haji Adnan menyatakan perkara itu ketika merasmikan Pameran Layang-layang dan Gasing Jepun bagi tahun Pertukaran ASEAN-Jepun 2003 di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Katanya dengan adanya pameran itu orang ramai setentunya akan dapat melihat secara dekat hasil kerja kesenian dan nilai-nilai budaya warisan orang-orang Jepun di negara ini sama ada dari segi bentuk, ukuran, corak, warna dan sebagainya.

Selain itu pameran selama seminggu itu juga memperlihatkan hasil kerja kesenian yang bermutu dan meliputi kreativiti yang tinggi, kesempurnaan dan ketahanan.

Beliau percaya hasil pengeluaran dari minda yang kreatif dan mahir boleh menjelaskan mengenai kehidupan orang

lain. Selain itu dengan menghargai kerja-kerja orang lain, juga bermakna menghargai cara hidup orang lain dan dalam masa yang sama kita belajar mengenai kebudayaan mereka dan pencapaiannya.

Oleh itu mempelajari daripada pencapaian orang

lain boleh menggalakkan kita mempelajari bagaimana untuk menghasilkan sesuatu dan mencipta peluang.

Pameran yang dikendalikan oleh Kedutaan Besar Jepun dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mendapat kerjasama Yayasan Jepun dan

Persatuan Kikik Daerah Brunei dan Muara.

Hadir sama di majlis itu termasuklah Duta Besar Jepun di negara ini, Tuan Yang Terutama Hara Satoshi, perwakilan dari negara-negara sahabat dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Layang-layang dan gasing merupakan permainan popular di negara matahari terbit dan wujud sejak lebih 1,200 tahun dahulu. Kini lebih 1,000 jenis layang-layang terdapat di negara itu.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adnan menyempurnakan pameran selepas merasmikan Pameran Layang-layang dan Gasing Jepun 2003.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith ketika merasmikan pembukaan Sukan Kementerian Pertahanan (Awam) di Padang Jabatan Belia dan Sukan. - Gambar oleh Hamadi HM.

Sukan Kementerian Pertahanan tandingan 15 acara

BERAKAS, 23 Mei. - Sukan Kementerian Pertahanan (Awam) bagi tahun 2003 mempertandingkan sebanyak 15 acara yang melibatkan lebih 500 peserta daripada 11 buah pasukan.

Perasmian sukan itu yang berlangsung di Kompleks Sukan Berakas telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith.

Sukan tahunan yang diadakan semula sejak tahun lalu bertujuan memupuk persefahaman, perpaduan dan kerjasama berpasukan di antara pegawai dan kakitangan, di samping membina hidup sihat dan cergas.

Dengan adanya sukan seumpama itu Kementerian Pertahanan (Awam) sekurang-kurangnya dapat mencungkil ahli-ahli sukan yang boleh diketengahkan untuk mewakili Kementerian Pertahanan dalam penyertaan

sukan yang dianjurkan di negara ini.

Majlis petang itu bermula dengan perbarisan lalu oleh pasukan-pasukan peserta. Tetamu kehormat kemudian diperkenalkan kepada ketua-ketua pasukan yang mengambil bahagian.

Perasmian itu juga disertai dengan perlakuan peringkat awal dalam acara tarikh kalat antara bahagian untuk memasuki peringkat seterusnya.

Skuad negara atasi TNB Kelantan 3 - 0

SELEPAS mempamerkan mutu permainan yang kurang memberangsangkan pada pusingan pertama Liga Perdana Malaysia Bahagian Dua, kini skuad Negara mula menyalak apabila berjaya menundukkan TNB Kelantan 3 - 0 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Keyakinan untuk merebut kemenangan itu jelas terbayang sebaik saja wisel permainan bermula dengan skuad bimbingan jurulatih Zainuddin Haji Kasim melancarkan banyak serangan, kemudiannya membuahkan hasil jaringan pertama melalui Mohd. Brian Iman Abdullah.

Selepas jaringan itu

banyak lagi percubaan menyusul terutama melalui Ak. Mohd. Shahrom, Haji Mohd. Subhi Abdullah, Fadlin Galawat dan Riwardi Wahit namun berjaya dikekang oleh pertahanan pelawat.

Meskipun menghadapi tekanan, TNB Kelantan sekali-sekala juga berjaya melakukan serangan mengejut melalui pemain import Peter Harvert. Ancaman itu bagaimanapun berjaya dihadang oleh penjaga gol, Fardillah Haji Mohd. Ali.

Pada minit-minit terakhir permainan separuh masa pertama bendak ditamatkan, Mohd. Brian Iman Abdullah sekali lagi membocorkan pertahanan TNB Kelantan bagi jaringan kedua hantaran lintang melalui Ak. Mohd. Shahrom.

Di separuh masa kedua skuad negara hanya berjaya menambahkan satu jaringan melalui Fadlin Galawat yang menjadikan kedudukan 3 - 0 hingga tamat permainan.

Kemenangan itu sekali gus menebus kembali maruah yang tercalar pada pusingan pertama lalu dengan tumpas 2 - 0 di Stadium Sultan Muhammad Ke-IV Kota Bharu.

MA'HAD ISLAM JUARA BOLA SEPAK KADET POLIS

Oleh Abu Bakar HAR

GADONG, 11 Mei. - Pasukan Kadet Polis Sekolah Menengah Ma'had Islam Brunei muncul sebagai johan Kejohanan Bola sepak Antara Pasukan Kadet Polis Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab Tahun 2003 apabila berjaya menjinakkan Pasukan Kadet Sekolah Saint Michael, Serbia dengan jaringan 4 berbalas 1, di perlawanan akhir.

Kejayaan itu membuktikan keunggulan mereka dan sekali gus menaikkan nama baik sekolah mereka dalam sukan bola sepak di negara ini.

Perlawanan yang begitu bermakna bagi kedua-dua pasukan menjelmakan pelbagai ragam dan teknik masing-masing walaupun pada awalnya perlawanan diangap sebagai berat sebelah

apabila bola lebih banyak dikuasai oleh Pasukan Kadet Polis Sekolah Menengah Ma'had Islam Brunei.

Namun tidak diduga perancangan yang tidak terarah nyaris mencalar pasukan Ma'had Islam Brunei apabila tujuh minit babak pertama bermula Sekolah Saint Michael nyaris menjaringkan gol pertama apabila tendangan di luar petak 'D' oleh James berjaya menembusi jangkauan penjaga gol tapi malangnya tiang gol menjadi penghalang.

Kurangnya pergerakan pemain tengah Sekolah Saint Michael mengurangkan permainan dan ditambah lagi kekerapan melakukan hantaran yang kurang tepat dengan mudah dihidu oleh pasukan lawan untuk mengatur strategi apabila kekurangan itu diman-



JUARA... Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Johan menyampaikan piala kepada Pasukan Ma'had Islam Brunei yang menjuarai Kejohanan Bola Sepak Antara Kadet Polis Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab Tahun 2003.

JADUAL PERLAWANAN

PERLAWANAN	TARIKH/HARI	JAM	TEMPAT
MENGELELLA F.C. LWN ABDB	1.6.03/AHAD	4.00 PTG	PADANG BANDARAN KB
KILANAS F.C. LWN P. AKSE	3.6.03/RABU	8.00 MLM	PADANG JBS, BERAKAS
INDER F.C. LWN PESAKA F.C.	1.6.03/AHAD	4.00 PTG	PENANJONG KEM
KAMUDI F.C. LWN WIJAYA F.C.	1.6.03/AHAD	4.00 PTG	PADANG BSRC, SERIA
QAF F.C. LWN KASUKA F.C.	1.6.03/AHAD	4.00 PTG	PADANG JBS, BERAKAS
MULAUT F.C. LWN DPMM F.C.	1.6.03/AHAD	4.00 PTG	MINIT STADIUM JERUDONG
IBM BOKOK LWN SABINA F.C.	1.6.03/AHAD	8.00 MLM	K.S. BANGAR
BANDARAN KB LWN KOTA RANGER	2.6.03/ISNIN	8.00 MLM	PADANG BSRC, SERIA
SENGKURONG F.C. LWN AH UNITED	2.6.03/ISNIN	8.00 MLM	PADANG JBS, BERAKAS
LUN BAWANG LWN JERUDONG F.C.	1.6.03/AHAD	3.00 PTG	K.S. SUNGAI KEBUN

faatkan dengan sebaiknya.

Tekanan mula menjadi beban bagi Sekolah Saint Michael apabila gawang yang mereka pertahankan bolos begitu saja apabila Md. Uslyssam yang membuat rembatan tidak dicabar.

Kegusaran pasukan itu bertambah nyata apabila kekerapan pemain gantian dimasukkan bagi memperbaiki keadaan, namun tidak seperti yang diimpikan apabila Sekolah Menengah Ma'had Islam menambah dua gol lagi dalam masa

minit-minit sebelum berakhirnya separuh masa pertama menjadikan kedudukan 3 - 0.

Jaringan hasil umpanan Md. Fadli kepada Raimi di minit akhir di separuh masa kedua melengkapkan jumlah jaringan Sekolah Menengah Ma'had Islam untuk menjadi johan di perlawanan itu sekalipun menerima ujian di awal permainan apabila sepakan Jerry Towan dapat disekelupkan dengan baik namun ianya tidak dapat mengubah keadaan.



Dari muka I

Sehubungan itu, peranan kursus-kursus dan program-program akademik perlu dibuat dengan berpandukan rancangan perkembangan tenaga manusia, rancangan pembangunan ekonomi dan keperluan sektor-sektor swasta pada masa kini dan juga masa depan.

Duli Yang Teramat Mulia juga difahamkan, bahawa ITB telah merancang untuk menjalankan program kembar bersama beberapa buah universiti di luar negeri dan juga bersedia membuka pintunya untuk membuat usaha sama penyelidikan dalam agensi pengajian tinggi di seberang laut dan industri

luar dan dalam negara.

"Usaha-usaha sedemikian adalah wajar untuk menjadikan ITB sebagai pusat perkembangan tenaga manusia dan penyelidikan teknologi," sabda Duli Yang Teramat Mulia lagi.

Duli Yang Teramat Mulia berharap institut tersebut akan menjadi salah sebuah agensi penggerak kemajuan sains dan teknologi di negara ini dan seterusnya menjadi 'role model' di rantau ini.

Majlis konvokesyen tersebut merupakan kali ke-12 bagi pengambilan ke-16 institut berkenaan dan Duli Yang Teramat Mulia adalah Penaung institut tersebut.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menganugerahkan Diploma Tinggi Kebangsaan kepada seorang graduan Institut Teknologi Brunei (ITB) Pengambilan Ke-16 di Majlis Konvokesyen Ke-12 Institut itu yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. (Lagi berita dan gambar-gambar di muka 8 & 9).

Masyarakat a-bangsa usahakan keamanan di Timur Tengah

TEHRAN, 28 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ber-sabda, usaha gigih yang diperlihatkan oleh masyarakat antarabangsa akan membuahkan penyelesaian keamanan di Timur Tengah.

DYTM bersabda demikian semasa berkenan berangkat menghadiri Sesi Pleneri Persidangan Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini menyatakan bahawa pendekatan melalui politik daripada kekerasan amat dialu-alukan dan seterusnya menyokong penuh penyelesaian masalah Palestin.

"Negara Brunei Darussalam menyokong dan menghormati pendirian Resolusi Majlis Keselamatan Mengenai Palestin. Kami berharap agar penyelesaian segera ke arah proses damai akan dapat dilakukan. Kami menyokong juga sepenuhnya rakyat dan kepimpinan Palestin dan ahli-ahli antarabangsa yang sama-sama mengusahakannya," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia selanjutnya ber-sabda, usaha mereka akan membawa kejayaan ke arah proses masa depan hal-

Oleh
Haji Ahat HI
dari Tehran

ehwal antarabangsa dan secara langsung menunjukkan dengan jelas jalan hurai masa depan.

Ini sabda Duli Yang Teramat Mulia menepati prinsip dialog antarabangsa yang menginginkan rundingan pelbagai hala dan tindakan kolektif.

"Persoalan banyak ditunjukkan ialah mengenai kesungguhan masa depan United Nations dan pertubuhan serantau dan badan-badan antarabangsa seperti Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC)," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Begitu pun Duli Yang Teramat Mulia ber-sabda menjelaskan, bahawa terlalu awal untuk dinyatakan tetapi ketidaktentuan prinsip telah membawa banyak perwakilan yang diharapkan konflik Palestin perlu diatasi.

"Di sini banyak kelemahan yang melibatkan banyak pihak dalam pendekatan hal-ehwal dunia dan banyak yang merasakan kekecewaan, ketidakberkesanan tindakan. Kami bersedia untuk berkongsi pandangan visi kerjasama pertubuhan antarabangsa dan berbincang mengenainya," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Dalam sabda itu Duli



Yang Teramat Mulia juga menyentuh peranan kerjasama yang dimainkan oleh pertubuhan-pertubuhan serta badan-badan antarabangsa seperti OIC-EU dalam menangani keamanan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan mengurniakan sabda di Sesi Pleneri Persidangan Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Pusat Persidangan Antarabangsa, Tehran. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Dari muka I

Kemudian baginda berkenan mendengar taklimat secara tertutup bersama pihak pengurusan dan pentadbiran RBA yang antara lain dihadiri oleh Pengerusi RBA, Dato Paduka Haji Hazair yang juga Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Pemangku Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digidong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain yang juga Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Semasa di terminal itu, baginda juga berkenan berangkat melawat ke Restoran RBC bagi menjinjau kemudahan dan tahap perkhidmatan restoran berkenaan.

Setelah itu, baginda meneruskan lawatan ke Pusat Penyajian Makanan (RBC). Di sana baginda memberi tumpuan terhadap tatacara dan tahap mutu kebersihan

makanan yang disajikan dan dibekalkan sebelum dihidangkan kepada para penumpang.

Di pusat itu baginda mengunjungi hampir semua bahagian termasuk bahagian dobi dan stor penyimpanan makanan beku dan kering serta bahagian dapur.

Difahamkan pusat itu ketika ini mampu menyediakan 2,500 hingga 3,000 sajian sehari bagi syarikat-syarikat penerbangan termasuk HMF His Majesty Sultan's Flight, RBA, Penerbangan Singapura dan Thai Airways.

Setakat ini pusat itu menyediakan 620 pekerjaan kepada anak-anak tempatan, 75 peratus terdiri daripada kakitangan yang terlatih.

Kemudian baginda meneruskan lawatan ke bahagian hangar yang memberikan perkhidmatan penyediaan dan penyelenggaraan bagi pesawat-pesawat RBA dan beberapa syarikat penerbangan asing termasuk pesawat-pesawat ringan.

Di samping itu, bangunan itu juga menempatkan bahagian-bahagian kewangan, kejuruteraan, elektronik, pemeliharaan, stor dan bilik latihan bagi bakal-bakal juruterbang.

Semasa di sana baginda sekali lagi jelas memberi perhatian yang serius terhadap aspek keselamatan perkhidmatan dan kebersihan, di samping tahap keselamatan ruang dan peralatan kerja bagi setiap pegawai dan kakitangan.

Sebagaimana keberangkatan-keberangkatan baginda yang lalu ke pelbagai agensi kerajaan yang lain, baginda juga meluangkan masa beramah mesra bersama para pegawai dan kakitangan syarikat berkenaan, di samping mendengar dan mengambil maklum pencapaian mereka dalam tugas masing-masing.

Sebelum ini, baginda telah berkenan berangkat melawat ke Plaza RBA pada 31 Mac lepas.

Kebawah DYMM hantar perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Carlo Azeglio Ciampi, Presiden Republik Itali dan kepada Yang Berhormat Silvio Berlusconi, Perdana Menteri Republik Itali bersempena Hari Republik Itali.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Itali. Baginda percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda berharap semoga TYT Carlo Azeglio Ciampi sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik Itali akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Yang Berhormat Silvio Berlusconi, Perdana Menteri Republik Itali, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat dan kerajaan serta rakyat Republik Itali sempena ulang tahun Hari Republik Itali.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang sentiasa erat terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Itali. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda berharap semoga Yang Berhormat Silvio Berlusconi, Perdana Menteri Republik Itali akan sentiasa menikmati kemakmuran dan sejahtera.

Penarikan balik ubat 'Lipitor' tiruan

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Mei. - Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam memaklumkan kepada orang ramai bahawa bekalan ubat 'Lipitor' di Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan adalah tidak terbahagi dengan kes penarikan balik ubat 'Lipitor' seperti yang dilaporkan oleh Food and Drug Administration di Amerika Syarikat.

Kementerian itu dalam siaran akhbar hari ini menjelaskan, penarikan balik ubat berkenaan disebabkan oleh penemuan ubat tiruan 'Lipitor' dalam pek botol yang mengandungi 90 biji dan dilabel dengan 'repackaged by: MED-PRO, Inc. Lexington, Neb'.

Tiga lot yang dikenal pasti ditarik balik ialah:

20722V (tarikh mansuh - 09/2004);

04132V (tarikh mansuh - 01/2004) dan

16942V (tarikh mansuh - 09/2004).

Ubat dengan lot nombor di atas yang tidak mempunyai maklumat pembungkusan semula oleh MED-PRO adalah tidak termasuk dalam penarikan balik, jelas siaran akhbar itu.

Kementerian Kesihatan telah memeriksa bekalan ubat 'Lipitor' di Negara Brunei Darussalam dan telah memastikan bahawa ubat 'Lipitor' yang dibawa masuk ke negara ini melalui pembekal yang dibenarkan adalah tidak terbahagi dalam penarikan balik.

"Para pengguna dan pihak berkenaan yang membawa ubat 'lipitor' ini secara persendirian adalah dinasihatkan untuk menghubungi Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Farmasi bagi memastikan ubat berkenaan tidak terlibat dalam penarikan balik. Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi Bahagian Penguatkuasaan Farmasi Jabatan Perkhidmatan Farmasi melalui telefon/faks: 2230036," tambah siaran akhbar itu lagi.

علمو اساس كبركسانن قرتهانن ILMU ASAS KEBERKESANAN PERTAHANAN

دربيتكن اوله جباتن فترائن، جباتن فردان منترى دان دچيتق اوله جباتن فرجيتقن كراجان، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.